


**Jilid II
Bil. 10**



**Hari Isnin
26hb Mac, 1984**

MALAYSIA

PENYATA RASMI PARLIMEN
PARLIAMENTARY DEBATES

DEWAN RAKYAT
House of Representatives

PARLIMEN KEENAM
Sixth Parliament

PENGGAL KEDUA
Second Session

KANDUNGANNYA

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN
[Ruangan 1373]

RANG UNDANG-UNDANG:

Rang Undang-undang Keselamatan Sosial Pekerja (Pindaan) [Ruangan 1425]

Rang Undang-undang Perancangan Keluarga (Pindaan) [Ruangan 1460]

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT YANG KEENAM

Penyata Rasmi Parlimen

PENGGAL YANG KEDUA

AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, DATO' MOHAMED ZAHIR BIN HAJI ISMAIL, S.P.M.K., D.S.D.K., J.M.N.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan, DATO' SERI DR MAHATHIR BIN MOHAMAD, S.S.D.K., S.S.A.P., S.P.M.S., S.P.M.J., D.P., D.U.P.N., S.P.N.S., S.P.D.K., S.P.C.M., S.S.M.T., D.U.N.M. (Kubang Pasu).

„ Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Dalam Negeri, DATO MUSA HITAM, S.P.M.J., S.S.I.J., S.P.M.S., D.U.N.M., S.P.N.S. (Panti).

Yang Berhormat Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, DATO' DR NEO YEE PAN, S.P.M.J., B.S.I. (Muar).

„ Menteri Kerjaraya, DATO' S. SAMY VELLU, S.P.M.J., D.P.M.S., P.C.M., A.M.N. (Sungei Siput).

„ Menteri Luar Negeri, TAN SRI HAJI MUHAMMAD GHAZALI BIN SHAFIE, P.M.N., S.S.A.P., S.I.M.P., S.P.D.K. (Lipis).

„ Menteri Kebajikan Masyarakat, DATIN PADUKA HAJAH AISHAH BINTI HAJI ABDUL GHANI, D.P.M.S., J.M.N. (Kuala Langat).

„ Menteri Perdagangan dan Perindustrian, Y.M. TENGKU DATO' AHMAD RITHAUDDEEN AL-HAJ BIN TENGKU ISMAIL, S.P.M.P., S.S.A.P., P.M.K. (Kota Bharu).

„ Menteri Kewangan, Y.M. TENGKU TAN SRI RAZALEIGH HAMZAH, D.K., P.S.M., S.P.M.K., S.S.A.P., S.P.M.S. (Ulu Kelantan).

„ Menteri Pengangkutan, TAN SRI CHONG HON NYAN, P.S.M., J.M.N. (Batu Berendam).

„ Menteri Perusahaan Utama, DATO' PAUL LEONG KHEE SEONG, D.P.C.M. (Taiping).

„ Menteri Pertanian, DATO' ABDUL MANAN BIN OTHMAN, D.P.M.I., P.P.T. (Kuala Terengganu).

„ Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, DATUK LEO MOGGIE ANAK IROK, P.N.B.S. (Kanowit).

„ Menteri Perusahaan Awam, DATIN PADUKA RAFIDAH AZIZ, D.P.M.S., A.M.N. (Kuala Kangsar).

„ Menteri Pelajaran, DATUK DR SULAIMAN BIN HAJI DAUD, P.N.B.S., J.B.S. (Santubong).

- Yang Berhormat Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar, DATO' SANUSI BIN JUNID, D.S.D.K., S.M.K. (Jerlun-Langkawi).
- „ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATUK ABDULLAH BIN HAJI AHMAD BADAWI, D.M.P.N., D.J.N., K.M.N. (Kepala Batas).
- „ Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, DATO' RAIS YATIM, D.S.N.S. (Jelebu).
- „ Menteri Buruh, DATO' MAK HON KAM, D.P.M.P., J.M.N., A.M.P. (Tanjong Malim).
- „ Menteri Penerangan, DATUK SERI MOHD. ADIB BIN HAJI MOHD. ADAM, D.G.S.M. (Alor Gajah).
- „ Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, DATUK AMAR STEPHEN YONG KUET TZE, P.N.B.S. (Padawan).
- „ Menteri Merangkap Duta Besar Malaysia ke Indonesia, DATO' MOHAMED BIN RAHMAT, S.P.M.J., S.S.I.J., P.N.B.S., K.M.N. (Pulau).
- „ Menteri Kesihatan, DATO CHIN HON NGIAN, D.S.I.J. (Rengam).
- „ Menteri Wilayah Persekutuan, DATO SHAHRIR BIN ABDUL SAMAD, D.P.M.J., P.I.S. (Johor Bahru).
- „ Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, TUAN ANWAR BIN HAJI IBRAHIM (Permatang Pauh).
- „ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATUK DR JAMES P. ONGKILI, S.P.D.K., D.I.M.P. (Tuaran).
- „ Timbalan Menteri Penerangan, DATO' CHAN SIANG SUN, D.I.M.P., J.S.M., A.M.N., P.J.K., J.P. (Bentong).
- „ Timbalan Menteri Pertanian, DR GOH CHENG TEIK (Nibong Tebal).
- „ Timbalan Menteri Kesihatan, DATO' K. PATHMANABAN, D.S.N.S., K.M.N. (Telok Kemang).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, DATO DR LING LIONG SIK, D.P.M.P. (Mata Kuching).
- „ Timbalan Menteri Buruh, DATO' HAJI ZAKARIA BIN HAJI ABDUL RAHMAN, D.P.M.I., K.M.N., P.J.K. (Besut).
- „ Timbalan Menteri Kerjaraya, DATO' DR NIK HUSSAIN BIN ABDUL RAHMAN, D.P.M.K., K.M.N. (Kuala Krai).
- „ Timbalan Menteri Pengangkutan, DATO' ABU HASSAN BIN HAJI OMAR, D.P.M.S., S.M.T., P.I.S. (Kuala Selangor).
- „ Timbalan Menteri Buruh, DATUK WILLIAM LYE CHEE HIEN, P.G.D.K., A.S.D.K (Gaya).
- „ Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, DATO' HAJI MOHAMED SUHAIMI BIN DATO' HAJI KAMARUDDIN, D.P.M.S., A.M.N. (Sepang).
- „ Timbalan Menteri Perusahaan Utama, TUAN BUJANG BIN HAJI ULIS (Simunjan).

- Yang Berhormat Timbalan Menteri Pertahanan, ABANG ABU BAKAR BIN DATU BANDAR ABANG HAJI MUSTAPHA, J.M.N. (Paloh).
- „ Timbalan Menteri Pertanian, TUAN LUHAT WAN (Baram).
- „ Timbalan Menteri Dalam Negeri, TUAN MOHD. KASSIM BIN AHMAD (Machang).
- „ Timbalan Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, DATIN PADUKA CHOW POH KHENG *alias* ROSEMARY CHONG, D.P.M.S. (Ulu Langat).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, PUAN SHARIFFAH DORA BINTI SYED MOHAMED, A.M.N., P.I.S., B.S.I. (Semerah).
- „ Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian, TUAN MUHYIDDIN BIN HAJI MOHD. YASSIN, S.M.J., P.I.S. (Pagoh).
- „ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, TUAN S. SUBRAMANIAM (Segamat).
- „ Timbalan Menteri Pelajaran, DATO DR TAN TIONG HONG, D.S.A.P. (Raub).
- „ Timbalan Menteri Penerangan, PUAN HAJAH RAHMAH BINTI OTHMAN, J.S.M., S.M.S., A.M.N., P.J.K. (Selayang).
- „ Timbalan Menteri Pelajaran, DATO' MOHAMED KHALIL YAAKOB, D.S.A.P., J.S.M. (Maran).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, DATO SABBARUDDIN CHIK, D.S.A.P. (Temerloh).
- „ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, PUAN NAPSIAH BINTI OMAR (Kuala Pilah).
- „ Timbalan Menteri Luar Negeri, TUAN ABDUL KADIR BIN HAJI SHEIKH FADZIR (Kulim-Bandar Baru).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, TUAN RADZI BIN SHEIKH AHMAD (Kangar).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO LEE KIM SAI, D.P.M.S., P.P.N. (Ulu Selangor).
- „ Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian, TUAN OO GIN SUN, S.D.K., A.M.K., J.P. (Alor Setar).
- „ Timbalan Menteri Wilayah Persekutuan, TUAN AHMAD SHAH BIN DATUK HUSSEIN TAMBAKAU (Keningau).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, TUAN LAW HIENG DING, P.B.S. (Sarikie).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kebajikan Am, TUAN JAWAN ANAK EMPALING, K.M.N. (Rajang).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Perusahaan Awam, TUAN HUSSEIN BIN MAHMUD (Tanah Merah).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos, TUAN AU HOW CHEONG, A.M.P. (Telok Anson).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, TUAN ZAINAL ABIDIN BIN ZIN (Bagan Serai).

- Yang Berhormat Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar, TUAN MOHD. TAJOL ROSLI BIN MOHD. GHAZALI, A.M.P. (Gerik).
- „ Setiausaha Parlimen Jabatan Perdana Menteri, TUAN AWANG BIN JABAR, P.J.K. (Dungun).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, TUAN MUSTAFFA BIN MOHAMMAD (Sri Gading).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan, TUAN YEOH POH SAN (Petaling).
- „ TUAN ABDILLAH BIN HAJI ABDUL HAMID (Silam).
- „ TUAN ABDUL GHAFAR BIN BABA (Jasin).
- „ TUAN ABDUL GHANI BIN MISBAH, P.P.N., B.S.K., A.S.D.K. (Kinabatangan).
- „ DR ABDUL HAMID BIN PAWANTEH (Arau).
- „ TUAN HAJI ABDUL RAHIM BIN ABU BAKAR, A.M.N., S.M.P. (Kuantan).
- „ TUAN ABDUL RAHMAN BIN SULAIMAN (Parit Buntar).
- „ DATUK PATINGGI HAJI ABDUL TAIB BIN MAHMUD, D.P., D.A., S.P.M.J., P.G.D.K. (Samarahan).
- „ DATUK HAJI ABU BAKAR BIN UMAR, D.S.K.D., S.D.K. (Kota Setar).
- „ TUAN HAJI AFFANDY BIN TUN HAJI MOHD. FUAD STEPHENS (Marudu).
- „ TUAN AHMED HAMBAL BIN YEOP MAJLIS, P.P.T. (Parit).
- „ DATUK ALFRED JABU ANAK NUMPANG, P.N.B.S., K.M.N. (Betong).
- „ TUAN ALIAS BIN MD. ALI, P.J.K. (Ulu Terengganu).
- „ TUAN ANDREW JANGGI MUYANG (Lubok Antu).
- „ TUAN HAJI AZHARUL ABIDIN BIN HAJI ABDUL RAHIM, A.M.P. (Batang Padang).
- „ TUAN BAHARI BIN HARON (Labis).
- „ TUAN BAN HON KEONG (Batu Gajah).
- „ DR GEORGE CHAN HONG NAM (Lambir).
- „ TUAN CHAN KOK KIT (Sungai Besi).
- „ DR CHEN MAN HIN (Seremban).
- „ DATO MICHAEL CHEN WING SUM, D.P.M.S. (Beruas).
- „ TUAN PETER CHIN GAN OON, P.M.P. (Ipoh).
- „ DATUK CLARENCE E. MANSUL, P.G.D.K. (Penampang).
- „ TUAN DAIM ZAINUDDIN (Kuala Muda).
- „ TUAN DAUD BIN DATO HAJI TAHA (Batu Pahat).
- „ TUAN HAJI DUSUKI BIN HAJI AHMAD (Tumpat).

- Yang Berhormat TUAN EDMUND LANGGU ANAK SAGA, P.B.S. (Saratok).
- „ DATUK EDWIN ANAK TANGKUN, P.N.B.S., P.B.S.,
(Batang Lupar).
- „ TUAN FUNG KET WING (Sandakan).
- „ TUAN NEWMAN GABAN (Bandau).
- „ TUAN GOOI HOCK SENG (Bukit Bendera).
- „ TUAN V. GOVINDARAJ, A.M.N., P.J.K. (Pelabuhan Kelang).
- „ DATUK HARRIS BIN MOHD. SALLEH, S.P.D.K., S.P.M.J.
(Ulu Padas).
- „ TUAN HASSAN BIN HAJI MOHAMED, K.M.N., A.M.N.
(Rantau Panjang).
- „ TUAN HASSAN ALBAN BIN HAJI SANDUKONG, J.P.
(Labuk Sugut).
- „ DATO DR HEE TIEN LAI, D.S.I.J., A.M.N., P.I.S., B.S.I.,
J.P. (Ayer Hitam).
- „ TUAN IBRAHIM AZMI BIN HASSAN (Kuala Nerus).
- „ TUAN ISMAIL BIN ARSHAD, A.M.K. (Jerai).
- „ TUAN ISMAIL *alias* MANSOR BIN SAID, A.M.N. (Kemaman).
- „ DATO JAMALUDDIN BIN HAJI SUHAIMI, D.P.M.S., A.M.N.,
P.J.K. (Sabak Bernam).
- „ TUAN JUSTINE ANAK JINGGUT (Ulu Rajang).
- „ DATO' SRI HAJI KAMARUDDIN BIN HAJI MOHD. ISA,
S.P.M.P., K.M.N., J.P. (Larut).
- „ TUAN KAN YAU FA, A.S.D.K. (Tawau).
- „ TUAN KARPAL SINGH (Jelutong).
- „ TUAN KHADRI BIN SABRAN (Tenggaroh).
- „ TUAN MARK KODING (Kinabalu).
- „ DR KOH TSU KOON (Tanjong).
- „ DATO LEE BOON PENG, D.S.N.S., A.M.N., P.J.K., J.P. (Mantin).
- „ TUAN LEE LAM THYE (Kuala Lumpur Bandar).
- „ DR LEO MICHAEL TOYAD (Mukah).
- „ DATUK LEONARD LINGGI ANAK JUGAH, P.N.B.S., P.B.S.
(Kapit).
- „ DATO LEW SIP HON, D.P.M.S., J.M.N. (Shah Alam).
- „ TUAN LIM KIT SIANG (Kota Melaka).
- „ TUAN LIM LIANG SENG, P.P.T. (Kinta).
- „ TUAN LING SIE MING (Sibu).
- „ TUAN MAMAT GHAZALEE BIN ABDUL RAHMAN, S.M.T.,
P.J.K. (Ulu Nerus).
- „ TUAN MEGAT JUNID BIN MEGAT AYOB (Hilir Perak).

- Yang Berhormat DATO' HAJI MOHAMED BIN HAJI ALI, D.J.M.K., K.M.N.,
A.M.N., P.B. (Nilam Puri).
- „ TUAN MOHAMED AMIN BIN HAJI DAUD, A.M.N. (Pekan).
- „ TUAN MOHAMED RAZLAN BIN HAJI ABDUL HAMID, P.P.N.,
P.P.T. (Matang).
- „ DATO' HAJI MOHAMMAD ABU BAKAR BIN RAUTIN IBRAHIM,
D.S.D.K., K.M.N. (Kuala Kedah).
- „ TUAN MOHAMMAD IDRIS BIN MOHAMMAD BASRI (Setapak).
- „ TUAN MOHAMMAD YAHYA BIN LAMPOG, A.S.D.K.
(Kota Belud).
- „ TUAN MOHAMMED YUSSOF BIN HAJI YAKOB (Hilir Padas).
- „ TUAN HAJI MOHD. ZAIN BIN ABDULLAH, S.M.K. (Bachok).
- „ TUAN MOKHTARAM BIN RABIDIN, A.M.N., P.P.N., P.I.S.
(Pontian).
- „ TUAN MUTANG TAGAL (Bukit Mas).
- „ TUAN NG CHENG KUAI (Lumut).
- „ DATO' HAJI NGAH BIN HAJI ABDUL RAHMAN, S.P.M.J.,
S.S.I.J., P.I.S., B.S.I., A.M.N., J.P. (Ledang).
- „ TUAN HAJI NIK ABDUL AZIZ BIN NIK MAT, K.M.N., J.P.
(Pengkalan Chepa).
- „ TUAN OMAR BIN ABDULLAH (Tampin).
- „ TUAN OTHMAN BIN ABDUL (Ulu Muda).
- „ DATUK PENGIRAN OTHMAN BIN HAJI PENGIRAN RAUF,
P.G.D.K., A.D.K. (Kimanis).
- „ TUAN PATRICK ANAE UREN (Mas Gading).
- „ TUAN QUAH WEE LIAM, P.I.S., B.S.I. (Kluang).
- „ TUAN RICHARD DAMPENG ANAK LAKI (Serian).
- „ DATO' HAJI SAIDIN BIN HAJI MAT PIAH, D.P.M.P.,
P.M.P., A.M.N., P.J.K. (Padang Rengas).
- „ TUAN SEOW HUN KHIM (Bukit Mertajam).
- „ TUAN HAJI SEROJI BIN HAJI HARUN, A.M.N., P.P.N.,
B.K.M. (Baling).
- „ TUAN SHAMSURI BIN MD. SALEH, A.M.N., P.K.T., J.P.
(Balik Pulau).
- „ TUAN SIM KWANG YANG (Bandar Kuching).
- „ TAN SRI DATO' SYED AHMAD SHAHABUDDIN AL-HAJ, P.S.M.,
S.P.M.K., S.S.D.K., P.N.B.S., P.G.D.K., J.M.N., J.P. (Padang Terap).
- „ TUAN TAN KOON SWAN, A.M.P., J.P. (Damansara).
- „ TUAN TAN KOK HOOI (Padang Serai).
- „ DR TAN SENG GIAW (Kepong).
- „ TUAN THOMAS SALANG SIDEN (Julau).

Yang Berhormat TUAN TING LING KIEW (Bintulu).

- „ WAN ABU BAKAR BIN WAN MOHAMAD (Jerantut).
- „ WAN IBRAHIM BIN WAN ABDULLAH (Pasir Mas).
- „ WAN MOHD. NAJIB BIN WAN MOHAMAD (Pasir Puteh).
- „ WAN ZAINAB BINTI M. A. BAKAR, A.M.N., P.J.K.
(Sungai Petani).
- „ TUAN YAHYA BIN HAJI ZAKARIA, P.P.T. (Bagan Datok).
- „ TUAN YEW FOO WENG (Menglembu).
- „ DATIN PADUKA ZALEHA BINTI ISMAIL, D.P.M.S., S.M.S.,
K.M.N. (Tanjong Karang).

DEWAN RAKYAT

PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Rakyat: Datuk Azizul Rahman bin Abdul Aziz.

Ketua Penolong Setiausaha: Haji Mohd. Salleh bin Abu Bakar.

Penolong Setiausaha: Ghazali bin Haji Abdul Hamid.

Penolong Setiausaha: Abdullah bin Abdul Wahab.

BAHAGIAN PENYATA RASMI PARLIMEN

Penyunting Kanan: Yahya Manap.

Penyunting: P. B. Menon.

Penyunting: Haji Osman bin Sidik.

Pemberita-pemberita:

N. Ramaswamy.

Louis Yeoh Sim Ngoh.

Haji Abdul Rahman bin Haji Abu Samah.

Suhor bin Husin.

Amran bin Ahmad.

Mohd. Saleh bin Mohd. Yusof.

Puan Kong Yooi Thong.

Juliah binti Awam.

Supiah binti Dewak.

Ismail bin Hassan.

Shamsiah binti Mohd. Yusof.

Hajjah Kalsom binti Ghazali.

Mohamed bin Osman.

Norishah binti Mohd. Thani.

BENTARA MESYUARAT

Mejar (B) Mohd. Kassim bin Hashim.

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT

 Isnin, 26hb Mac, 1984

Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang

DOA

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusi-*
kan Mesyuarat)

JAWAPAN-JAWAPAN
MULUT BAGI
PERTANYAAN-
PERTANYAAN

DOKTOR MELETAKKAN
JAWATAN

1. Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamad minta Menteri Kesihatan menyatakan berapa ramaikah doktor yang meletak jawatan pada tahun 1982 dan 1983 dan berapa ramai pula Kementerian menerima doktor-doktor baharu yang tamat latihan dan dari luar negeri secara kontrak. Apakah kekurangan dan pertambahan ini akan dapat memenuhi keperluan negara kita.

Timbalan Menteri Kesihatan (Dato' K. Pathmanaban): Tuan Yang Dipertua, bilangan Pegawai Perubatan yang meletakkan jawatan bagi tahun 1982 ialah seramai 222 orang dan bagi tahun 1983 pula ialah 149 orang. Untuk makluman Yang Berhormat pengambilan pegawai perubatan dalam tahun-tahun yang berkenaan adalah seperti berikut:

Tahun	Kelulusan		Jumlah
	Dalam Negeri	Luar Negeri	
1982 ...	169	114	283
1983 ...	265	134	399

Selain dari itu, Kementerian telah juga menerima 35 orang doktor secara kontrak dari Burma pada tahun 1983.

Kementerian masih mempunyai beberapa kekosongan jawatan di semua peringkat. Tetapi adalah diharapkan bahawa dengan beberapa insentif yang diberi kepada doktor-doktor dalam perkhidmatan mereka dan juga peningkatan jumlah yang diambil untuk mengikuti latihan perubatan di ketiga-tiga Fakulti Perubatan tempatan, keperluan kita akan dapat dipenuhi dalam masa-masa akan datang.

Tuan Ismail bin Said: Tuan Yang di-Pertua soalan tambahan. Tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri Kesihatan telah menyatakan angka-angka doktor-doktor kita yang meletakkan jawatan dalam tahun-tahun berkenaan. Jadi, saya ingin tahu kalaulah Yang Berhormat Timbalan Menteri ada angka di sini jumlah doktor-doktor pakar yang meletakkan jawatan pada tahun-tahun yang berkenaan. Dan dalam jawapan beliau juga ada menyebutkan beberapa insentif telahpun diberi kepada doktor-doktor kita. Jadi, kalau boleh Yang Berhormat Timbalan Menteri memberi tahu Dewan ini apakah insentif-insentif yang dimaksudkan oleh beliau.

Dato' K. Pathmanaban: Tuan Yang di-Pertua, pada tahun 1982 sejumlah 20 pakar perubatan (specialist) telah meletakkan jawatan dibandingkan dengan tahun 1983 seramai 13 orang pakar telah meletakkan jawatan mereka.

Mengenai insentif-insentif yang diberi oleh Kerajaan pada bulan Mei yang lalu tahun 1983, Kerajaan telah memutuskan beberapa kemajuan dalam Skim Perkhidmatan Doktor-doktor untuk menjadikan sebagai penggalak atau insentif kepada doktor-doktor, dan di antaranya ialah kenaikan pangkat semua atau lebih

kurang semua pegawai penjaga hospital-hospital daerah kepada Tingkatan-tertinggi "G" menambah lagi bilangan jawatan Superscale atau jawatan-jawatan tertinggi di kalangan doktor-doktor sehingga doktor-doktor atau pakar-pakar kanan dapat menjawat jawatan Tertinggi Gred B dan juga memberi galakan kepada pegawai-pegawai perubatan yang baharu dengan kenaikan peringkat kemasukan mereka dengan satu increment daripada dahulu dan menganggap tahun pertama mereka sebagai masa perkhidmatan untuk melayakkan mereka untuk kemudahan-kemudahan seperti Pinjaman Perumahan dan sebagainya.

Selain daripada itu, elaun kepakaran yang dibayar kepada pakar-pakar perubatan di hospital-hospital dan juga elaun kepakaran atau pakar-pakar dalam bidang kesihatan juga telah dinaikkan. Dan sukacita saya memberi tahu kepada Dewan bahawa semua langkah-langkah pada masa ini telahpun dilaksanakan dan diketahui oleh doktor-doktor.

Tuan Justine anak Jinggut: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri memberitahu Dewan yang mulia ini apakah sebab-sebab doktor-doktor itu meletakkan jawatan mereka?

Dato' K. Pathmanaban: Tuan Yang Dipertua, ada banyak sebab mereka meletakkan jawatan. Tetapi saya rasa salah satu sebab daripadanya yang penting adalah sebab persendirian untuk menerima tawaran atau mengambil peluang yang lebih lumayan di sektor swasta.

Tuan Chan Kok Kit: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah Kementerian Kesihatan bercadang untuk menggunakan doktor persendirian untuk bekerja sebagai doktor sambilan di hospital-hospital tempatan untuk mengatasi masalah kekurangan doktor. Dan apakah langkah-langkah yang telah diambil untuk mengatasi masalah kekurangan pakar-pakar di

Hospital Besar Kuala Lumpur dan Hospital Universiti di mana Unit Pembedahan Jantung telah ditutup.

Dato' K. Pathmanaban: Tuan Yang di-Pertua, saya telah terlupa bahagian pertama tetapi biar saya menjawab bahagian kedua dan ketiga.

Mengenai kekurangan pakar-pakar di Hospital Besar Kuala Lumpur, saya rasa pada pendapat kita tidak ada kekurangan pakar-pakar di Hospital Besar Kuala Lumpur.

Mengenai Hospital Universiti pula, Hospital itu adalah di bawah tadbiran Kementerian Pelajaran tetapi dalam perkara ini Kementerian Kesihatan telah dapat bekerjasama dengan Kementerian itu untuk mengambil langkah-langkah mengatasi kekurangan Pegawai-pegawai Perubatan biasa untuk menjalankan perkhidmatan di Hospital Universiti dan kita harap ia akan dapat mengatasi masalah pada masa ini.

KERETAPI TANAH MELAYU— RANCANGAN MEMODENKAN PERKHIDMATAN

2. Dato Michael Chen Wing Sum minta Menteri Pengangkutan menyatakan adakah rancangan untuk memodenkan perkhidmatan keretapi kini yang agaknya telah lama dan jika ya, ada apakah rancangannya dan bilakah rancangan itu dijalankan.

Timbalan Menteri Pengangkutan (Dato' Abu Hassan bin Haji Omar): Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan memang mempunyai rancangan untuk memodenkan perkhidmatan Keretapi masa ini dan telah merancang beberapa tindakan iaitu untuk jangka masa pendek dan jangka masa panjang. Bagi jangka masa pendek tindakan-tindakan untuk memodenkan perkhidmatan Keretapi termasuklah rancangan-rancangan seperti berikut:

- (1) pembelian jentera-jentera penyelenggara landasan;
- (2) menukar alat-alat dan sistem persembayanan dan perhubungan;
- (3) pembelian lokomotif, koc-koc dan gerabak-gerabak baru;

- (4) memperbaharui dan mengganti landasan serta kelengkapannya;
- (5) memperbaiki dan memperindah bangunan-bangunan dan stesen-stesen keretapi;
- (6) membina yard baru untuk perkhidmatan pengendalian kargo kontena;
- (7) mengadakan sistem penjualan dan penempahan tiket dengan menggunakan mesin; dan
- (8) menggunakan alat komputer untuk operasinya.

Sebahagian daripada rancangan-rancangan ini telah dan sedang dijalankan dan yang lainnya akan dilaksanakan dengan seberapa segera yang boleh tertakluk kepada peruntukan kewangan yang mencukupi.

Untuk jangka masa panjang pula, Kerajaan telahpun mengkaji kemungkinan untuk mengadakan landasan berkembar tolok standard dan kelengkapan elektrik bagi perkhidmatan Keretapi yang baru. Pihak Kerajaan Jepun melalui agensi kerjasama antarabangsa Jepun (JICA) sedang membuat kajian sewajarnya.

Laporan pelan induk pembangunan Keretapi telah diserahkan kepada Unit Perancang Ekonomi Jabatan Perdana Menteri pada akhir tahun 1983 dan pihak JICA sedang menjalankan kajian kemungkinan selanjutnya dan akan mengemukakan laporan terakhir pada penghujung tahun 1985.

Tuan Haji Dusuki bin Haji Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Maaf, kalau saya dapat tanyakan kepada Timbalan Menteri yang berkenaan sejauh mana benarnya pendapat umum yang mengatakan bahawa perkhidmatan keretapi di negara kita ini adalah yang dianggap termundur di kawasan Asia ini.

Dato' Abu Hassan bin Haji Omar: Tuan Yang di-Pertua, mengenai pandangan Ahli Yang Berhormat itu tidak dapatlah saya hendak memastikan sama ada yang termundur ataupun yang termaju akan tetapi pada keseluruhannya Kerajaan dan KTM berikhtiar untuk memberikan perkhidmatan yang terbaik sekali.

Tuan Lee Lam Thye: Tuan Yang di-Pertua, dalam rancangan untuk memodenkan sistem KTM di negara ini suka saya mendapat tahu setakat mana Kerajaan mampu untuk men-swastakan KTM ini dan sekiranya pihak Kerajaan ada cadangan ini apakah yang telah berlaku sehingga hari ini.

Dato' Abu Hassan bin Haji Omar: Tuan Yang di-Pertua, usaha untuk men-swastakan Keretapi Tanah Melayu dan juga badan-badan Kerajaan yang lain adalah di dalam peringkat kajian terperinci oleh Jabatan Perdana Menteri dan ini termasuklah dari segi men-swastakan Keretapi Tanah Melayu.

Jadi, pada saat ini tak dapatlah saya memberikan butir-butir yang lanjut seperti Ahli Yang Berhormat kehendaki itu.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan Yahya bin Haji Zakaria.

(Soalan No. 3 Y.B. Tuan Yahya bin Haji Zakaria tidak hadir).

INDUSTRI BINAAN— RANCANGAN MELATIH BELIA

4. Tuan Mohd. Idris bin Mohd. Basri minta Menteri Buruh menyatakan adakah rancangan melatih belia dalam industri binaan yang dilancarkan dalam tahun 1981 telah mencapai matlamat dan tujuan ianya ditubuhkan. Apakah masalah-masalah yang telah dikaji oleh Kementerian beliau yang menyebabkan kurang sambutan dari belia itu.

Timbalan Menteri Buruh (Datuk William Lye Chee Hien): Tuan Yang di-Pertua, rancangan latihan tersebut telah dilancarkan oleh Kerajaan pada tahun 1981 atas permohonan daripada pihak industri binaan bertujuan untuk mengatasi kekurangan tenaga mahir dalam bidang itu. Pada mulanya adalah dianggarkan perlaksanaan skim tersebut akan dapat melatih seramai 5,000 orang pekerja dalam satu tahun tetapi sehingga sekarang hanya 519 orang pekerja yang tamat kursus ini. Oleh itu jika ditinjau dari segi ini nampaknya skim latihan tidak mencapai matlamat asal sepenuhnya.

Skim ini dari awal lagi telah mengalami beberapa masalah. Masalah utama dari dahulu hingga sekarang ialah masalah sambutan dari industri binaan terhadap skim walaupun dengan galakan tertentu yang telah diberikan.

Setakat ini hanya 84 majikan sahaja yang telah mengambil bahagian daripada 2,000 syarikat yang telah dihubungi.

Masalah kedua ialah struktur pekerjaan dalam industri binaan sendiri di mana pekerja-pekerja dikawal oleh kontraktor-kontraktor kecil atau Kepala dan Kepala ini biasanya tidak mengambil buruh luar atau pelatih daripada skim ini.

Masalah ketiga ialah keadaan di mana kontraktor-kontraktor bangunan tidak terlibat secara langsung dengan soal-soal pekerja apa lagi latihan pekerja-pekerja oleh kerana mereka tidak boleh memegang pekerja-pekerja ini komitmen terhadap pencapaian skim di tapak binaan ini amatlah minimal sehingga tidak wujud hubungan majikan/pekerja yang mana dikira amat penting bagi kejayaan skim ini.

Masalah ini termasuk kedudukan di tempat latihan kadangkala tidak begitu mengembirakan pelatih dan oleh itu ramai pelatih kurang minat meneruskan latihan sehingga tamat.

Tuan Khadri bin Sabran: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Dalam jawapan Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi ada menyatakan bahawa setakat ini skim latihan belia-belia di dalam industri binaan ini kurang mencapai matlamatnya walaupun Kerajaan memberikan galakan-galakan tertentu kepada para belia supaya lebih ramai belia-belia yang ingin menyertai skim latihan ini.

Soalannya, apakah bentuk insentif dan jaminan pekerjaan yang boleh diberikan oleh Kerajaan kepada belia-belia setelah mereka mempunyai kemahiran dalam bidang binaan bangunan ini atau setelah mereka tamat dengan

jayanya menerima latihan di pusat-pusat latihan binaan tersebut dan yang keduanya, di manakah pusat-pusat latihan yang diwujudkan selain daripada yang terdapat di Skudai, Johor Bahru.

Datuk William Lye Chee Hien: Tuan Yang di-Pertua, untuk jawapan soalan pertama, insentif yang diberi oleh Kerajaan ialah dua. Yang pertama ialah elaun untuk pengajar di tempat tapak binaan itu. Ini adalah \$35 sehari untuk tiap-tiap pegajar. Insentif kedua ialah dua kali ganda amaun yang dipakai untuk melatih pekerja-pekerja itu di tapak binaan boleh dapat ditolak dari cukai pendapatan.

Jawapan kedua, Pusat Latihan itu

Dato' Haji Saidin bin Haji Mat Piah: (*Bangun*)

Tuan Yang di-Pertua: Belum habis lagi. (*Ketawa*).

Datuk William Lye Chee Hien: Tuan Yang di-Pertua, untuk jawapan kepada soalan kedua ialah Pusat Latihan itu tidaklah dihadkan di satu-satu tempat sahaja. Seperti saya sebutkan, ini adalah mengikut tempat-tempat tapak binaan tetapi kami juga ada mewujudkan di dalam Pusat-pusat Latihan seperti III Johor dan III Kuala Lumpur.

Dato' Haji Saidin bin Haji Mat Piah: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri telah menerangkan bahawa pihak Kerajaan telah gagal untuk mempengaruhi syarikat-syarikat binaan bagi membantu atau menjayakan projek latihan industri binaan kepada belia-belia. Angka yang telah diberi daripada 2,000 syarikat binaan hanya 84 sahaja yang menyambut seruan Kerajaan. Apakah langkah-langkah yang telah diambil oleh Kerajaan untuk mempengaruhi syarikat ini supaya dapat membantu melaksana atau menjayakan latihan kepada belia-belia ini, kerana kalau syarikat-syarikat ini tidak memberi sokongan maka sudah tentu Pusat Latihan yang kita buat itu tidak memberi apa-apa faedah dan bermakna kepada belia-belia.

Datuk William Lye Chee Hien: Sebenarnya rancangan ini telah dijalankan di atas permohonan industri binaan. Jikalau mereka itu tidak memberi response yang baik, adalah sukar untuk Kementerian saya atau Kerajaan menjalankannya. Bagaimanapun dari apa yang kami dapat perhubungan dari syarikat-syarikat itu, kami juga telah mengubah skim-skim ini dua kali tetapi bagaimanapun maklum-balas tidak didapati.

LIF DI RUMAH PANGSA DEWAN BANDARAYA— KEMALANGAN

5. Tuan Lee Lam Thye minta Menteri Wilayah Persekutuan menyatakan bilangan kemalangan lif yang berlaku di rumah pangsa kos rendah Dewan Bandaraya sejak tiga tahun lalu, keputusan siasatan yang dijalankan dan apakah langkah yang sedang diambil untuk memastikan keselamatan penyewa-penyewa termasuk menggantikan semua lif yang sudah usang dan tidak selamat digunakan dengan lif yang baru.

Menteri Wilayah Persekutuan (Dato Shahrir bin Abdul Samad): Tuan Yang di-Pertua, bagi tempoh tahun 1981, 1982 dan 1983 terdapat 2 kemalangan lif berlaku di rumah pangsa Dewan Bandaraya, Kuala Lumpur yang melibatkan kehilangan jiwa, iaitu pertamanya pada 19hb Julai, 1982 di Blok 4, Rumah Pangsa Sri Selangor, Jalan San Peng, Kuala Lumpur yang menyebabkan kematian seorang suri rumah-tangga dan yang kedua pada 30hb November, 1983 di Blok 52 Merak, Rumah Pangsa Jalan Loke Yew yang menyebabkan kematian seorang kanak-kanak berumur 9 tahun.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, semua siasatan ke atas kes-kes kemalangan lif di rumah pangsa Dewan Bandaraya adalah dijalankan oleh Jabatan Kilang dan jentera yang bertanggungjawab membuat pemeriksaan dari masa ke semasa dalam memastikan lif-lif selamat digunakan oleh orang ramai.

Dalam kes pertama, mangsa tersebut telah menaiki lif bersama-sama dengan 2 orang kanak-kanak, malangnya lif telah terhenti di antara 2 tingkat di Tingkat 9 di mana pintu lif berada kira-kira 4 kaki daripada pintu lantaran. Mangsa tersebut telah berjaya membuka pintu lif dan cuba menarik perhatian orang ramai yang mana sebenarnya perbuatan ini amat merbahaya. Sepatutnya mangsa tersebut menggunakan loceng kecemasan dan bertenang sehingga menunggu penyelamat datang. Dalam keadaan lif tergantung, 2 orang kanak-kanak telah berjaya diselamatkan dengan bantuan orang ramai dan semasa orang ramai cuba mendapatkan kerusi atau tangga bagi memudahkan beliau keluar; dengan tidak sabar lagi mangsa itu telah cuba keluar dari dalam lif dengan bergantung kepada lantai lif tetapi malangnya telah terjatuh masuk ke dalam liang lif.

Dalam kes kemalangan kedua pula, seorang budak lelaki telah didapati terbunuh dan dipercayai terjatuh ke dalam bahagian bawah liang lif. Punca sebenar kemalangan ini masih lagi dalam siasatan Jabatan Kilang dan Jentera, Wilayah Persekutuan, Selangor.

Bagi memastikan keselamatan pengguna-pengguna lif, langkah-langkah berikut telah diambil:

- (1) Memasang papantanda keselamatan semasa lif diperbaiki ataupun di service.
- (2) Nombor telefon syarikat-syarikat selenggaraan lif dipamerkan di ruang-ruang lif tiap-tiap blok rumah pangsa untuk memudahkan orang ramai menghubungi bila berlaku kerosakan.
- (3) Risalah panduan menggunakan lif dengan betul diedarkan kepada penghuni-penghuni rumah pangsa dan dari masa ke semasa nasihat secara lisan diberikan kepada penghuni rumah pangsa yang tinggi.
- (4) Melanjutkan perkhidmatan penjaga lif sehingga 11.00 malam di kawasan rumah-rumah pangsa yang sesuai.

- (5) Di kawasan rumah pangsa yang sesuai juga, satu unit rumah pangsa dikhaskan kepada kakitangan mekanik syarikat selenggaraan lif untuk kemudahan dihubungi apabila berlakunya kecemasan.

Langkah-langkah berikut juga sedang diambil bagi memastikan keselamatan penghuni-penghuni rumah pangsa:

- (1) Jabatan Kilang dan Jentera selalu membuat pemeriksaan keselamatan dalam tempoh 6 bulan sekali.
- (2) Syarikat selenggaraan lif akan memastikan kakitangan bahagian penyenggaraan mereka mengambil tindakan yang sertamerta bila mendapat aduan mengenai kerosakan-kerosakan lif.
- (3) Dari masa ke semasa penghuni-penghuni diberi taklimat dan tunjuk-ajar oleh kakitangan Syarikat Selenggaraan lif cara-cara menggunakan lif dan tindakan-tindakan yang patut diambil untuk menjaga keselamatan mereka sekiranya terperangkap di dalam lif.

Di samping itu Dewan Bandaraya juga mengambil tindakan menggantikan semua lif yang telah usang dan tidak selamat digunakan iaitu sebanyak 6 buah lif di Rumah Pangsa Sri Pahang, Bukit Bangsar akan digantikan dengan lif baru yang menelan belanja sebanyak \$690,000. Kerja-kerja sedang berjalan dan ini dijangka siap pada penghujung tahun 1984.

Kedua, sebanyak 33 buah lif lagi telah dikenalpasti untuk diganti dengan lif-lif baru yang menelan belanja sebanyak \$5.7 juta di mana proses penyediaan penentuan kerja iaitu specifications telah dimulakan dan kawasan rumah pangsa yang terlibat adalah:

Rumah Pangsa Tuanku Abdul Rahman, Jalan Tun Razak	21 buah
Rumah Pangsa Jalan Shaw	6 ..

Rumah Pangsa Tan Cheng Lok	6 buah
JUMLAH	33 buah

Tuan Lee Lam Thye: Tuan Speaker, saya suka bertanya Yang Berhormat Menteri sama ada beliau sedar bahawa salah satu faktor yang menyebabkan lif-lif di rumah pangsa sentiasa rosak ialah oleh kerana adanya pembekal-pembekal lif yang tidak cekap dan yang sentiasa cuai dalam tugas mereka untuk menyanggarkan lif dengan baik dan selamat dan sama ada pihak Kementerian ataupun Dewan Bandaraya yang berkenaan bercadang untuk menaruh nama syarikat itu ke dalam senarai hitam agar mereka tidak dibenarkan untuk menyampaikan tender untuk membuat lif pada masa yang akan datang?

Dato' Shahrir bin Abdul Samad: Tuan Yang di-Pertua, setiap pengalaman kami dari segi penyenggaraan lif memanglah diambil kira di dalam soal memberikan tender apabila sampai masanya untuk menukarkan lif-lif yang berkenaan.

PEMILIK KENDERAAN BERMOTOR—UBAHSUAI

6. Tuan Haji Mohd. Zain bin Abdullah minta Menteri Pengangkutan menyatakan adakah Kerajaan sedar terdapat sebahagian pemilik kenderaan mengubahsuai atau menukar bentuk asal kenderaannya bertentangan dengan undang-undang. Jika sedar, apakah langkah Kerajaan untuk mengambil tindakan terhadap pemilik-pemilik kenderaan tersebut. Apakah peraturan-peraturan yang pasti diikuti oleh seseorang pemilik kenderaan, jika ianya berminat untuk mengubahsuai kenderaannya.

Dato' Abu Hassan bin Haji Omar: Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pengangkutan dan khususnya Jabatan Pengangkutan Jalan memang sedar terdapat sebahagian kecil daripada pemilik-pemilik kenderaan bermotor mengubahsuai atau menukar bentuk

asal kenderaan mereka mengikut kehendak dan kegemaran sendiri; tetapi perbuatan ini adalah sentiasa diawasi supaya tidak melanggar atau bertentangan dengan undang-undang.

Pada keseluruhannya pengubahsuaian yang dimaksudkan adalah kecil-kecil sahaja dan tidak menjejaskan kekukuhan kenderaan dari segi binaan ataupun merubah bentuk kenderaan tersebut, misalnya menukarkan lampu daripada jenis bulat kepada bentuk empat segi atau menambah penghadang ataupun "spoilers", dengan izin, kepada "mudguards".

Jabatan Pengangkutan Jalan tiada bantahan terhadap penukaran-penukaran kecil demikian dan permohonan adalah tidak diperlukan. Walau bagaimanapun, jika Jabatan Pengangkutan Jalan dapat mengesan bahawa pengubahsuaian dibuat kepada sebuah kenderaan yang melibatkan rekabentuk serta rangka binaan atau kekukuhan kenderaan, maka pemiliknya akan diperlukan membawa kenderaan berkenaan untuk pemeriksaan khas oleh Jabatan tersebut.

Pengubahsuaian bermaksud apa jua perbuatan yang menyebabkan sesebuah kenderaan itu tidak mematuhi undang-undang di bawah Ordinan Lalulintas Jalan, 1958 dan/ataupun berat, "dimension, character" atau tempat duduk telah diubah selepas pendaftaran sesebuah kenderaan itu diperbuat.

Tujuannya ialah untuk memastikan bahawa kenderaan yang telah diubahsuai itu adalah selamat dan, dengan izin, "roadworthy" serta mematuhi semua peraturan berkaitan. Dalam kes-kes tersebut, pemilik kenderaan berkenaan adalah melakukan satu kesalahan jika tidak terlebih dahulu melaporkan butir-butir pengubahsuaian kepada Jabatan Pengangkutan Jalan dan Jabatan itu boleh menolak lesen kenderaan tersebut.

Seseorang pemilik kenderaan yang ingin mengubahsuai kenderaan adalah dikehendaki melaporkan kepada Jabatan Pengangkutan Jalan sebelum pengubahsuaian diperbuat dengan mengemukakan rajah atau pelan

butir-butir pengenalan yang akan diubahsuaikan kepada kenderaan tersebut. Bagi kenderaan perdagangan iaitu kenderaan barang-barang dan kenderaan perkhidmatan awam mengikut kaedah 34 Kaedah-kaedah Kereta Motor (Pembinaan dan Penggunaan) 1959, seseorang pemilik kenderaan berkenaan adalah dilarang mengubahsuaikan kenderaannya tanpa kelulusan Ketua Pengarah Pengangkutan Jalan.

Tuan Daud bin Dato Haji Taha: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Walaupun Kerajaan kerap kali telah mengatakan iaitu Kerajaan akan mengambil tindakan kepada mereka yang telah melanggar undang-undang tetapi banyak juga pada masa ini masih lagi terdapat mereka yang masih tidak mengindahkan segala tegahan-tegahan yang dibuat oleh Kementerian seperti menggunakan cermin gelap dan juga memakai nombor fancy, nombor kecil ataupun besar. Saya hendak bertanya adakah Kerajaan mempunyai Pasukan Petugas Khas untuk menentukan supaya segala pelaksanaan untuk menentukan mereka yang menyalahi undang-undang ini dapat diberkas dan diambil tindakan dan bagaimana cara kita melaksanakan perkara ini kerana telah berkali-kali diadakan tetapi tidak ada pelaksanaan?

Dato' Abu Hassan bin Haji Omar: Tuan Yang di-Pertua, setakat ini tidak ada satu Pasukan Khas yang diwujudkan oleh Jabatan Pengangkutan Jalan untuk memeriksa perkara-perkara yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat itu. Akan tetapi Pegawai-pegawai Penguatkuasa Jabatan Pengangkutan sentiasa menjalankan rondaan serta membuat pemeriksaan kepada semua jenis kenderaan yang ada dalam negara ini dan jika didapati kenderaan-kenderaan yang berkenaan ada melakukan kesalahan dari segi undang-undang yang disebutkan tadi, iaitu sama ada dari segi cermin gelap, atau dari segi nombor-nombor yang kecil dan sebagainya, maka pemilik kenderaan yang berkenaan akan diminta datang ke Pejabat JPJ serta mengemukakan alasan dan membuat pengesuaian yang diperlukan.

Di samping itu juga pihak Jabatan Pengangkutan Jalan telah pun mengadakan pasukan-pasukan yang sentiasa memberikan maklumat kepada JPJ untuk berbuat demikian dan apabila maklumat ini didapati, maka tindakan sewajarnya juga akan diambil oleh Jabatan JPJ.

SEKOLAH DI SABAH—BEKALAN ELEKTRIK/AIR DEHENTIKAN

7. Tuan Hassan Alban bin Sandukong minta Menteri Pelajaran menyatakan adakah Kementerian sedar bahawa terdapat Sekolah-sekolah di Sabah, bekalan elektrik, bekalan air dan perkhidmatan telefon sudah dihentikan kerana pembayaran bil-bil elektrik, air dan telefon hanya dapat diselenggarakan oleh Ibu Pejabat Pelajaran di Kota Kinabalu, Sabah.

Menteri Pelajaran (Datuk Dr Sulaiman bin Haji Daud): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon izin, sebelum menjawab soalan ini, minta memberi penjelasan tentang satu soalan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat dari Sungai Besi tadi tentang penutupan Unit Rawatan Jantung. Universiti Hospital. Oleh kerana Yang Berhormat Timbalan Menteri Kesihatan mengatakan bahawa ini adalah di bawah bidang kuasa Kementerian Pelajaran, saya ingin memberi sedikit penjelasan.

Sebenarnya Unit Rawatan Jantung atau lebih tepat lagi Unit Pembedahan Jantung, Universiti Hospital tidak pernah ditutup bahkan pada hari Isnin di mana dikatakan unit itu akan ditutup, pembedahan telah dijalankan. Sebenarnya pada 19hb kalau tidak salah ingatan saya, ada tiga kes dibedah dan beberapa hari selepas itu beberapa kes lagi telah dibedah. Jadi unit ini tidak ditutup. Pagi tadi saya telah mengadakan satu mesyuarat dengan ahli Lembaga Hospital itu dan kami telah membuat beberapa keputusan dan di antara keputusan yang telah dibuat, telahpun diberitahu kepada Pakar Bedah Jantung yang secara kebetulan datang berjumpa saya tengah hari tadi dan beliau berpuas

hati dengan keputusan dan tindakan yang telah dipersetujui oleh pihak Lembaga Hospital Universiti.

Sekarang saya hendak menjawab soalan ini. Kementerian Pelajaran telah difahamkan bahawa tiada bekalan air, elektrik dan telefon diberhentikan di sekolah-sekolah di Sabah kecuali bekalan telefon bagi dua buah sekolah. Pemotongan telefon ini adalah disebabkan kedua-dua sekolah tersebut telah menyalahgunakan kemudahan itu.

Tuan Khadri bin Sabran: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Setahu saya pembayaran bil-bil elektrik, air dan telefon dibuat oleh pihak sekolah itu sendiri melalui wang sua iaitu wang bantuan yang diberikan oleh Kementerian Pelajaran ke sekolah-sekolah setiap tiga bulan sekali. Mengapakah dalam konteks soalan nombor 7 ini di Sabah, bil-bil tersebut dilakukan oleh Jabatan Pelajaran Negeri?

Datuk Dr Sulaiman bin Haji Daud: Tuan Yang di-Pertua, apa yang dikatakan oleh Ahli Yang Berhormat itu memang betul. Tetapi di Sabah cara pentadbiran perkara ini adalah berlainan. Ini oleh kerana mereka hendak mengawalkan kewangan. Sistem seperti ini telah diamalkan oleh Jabatan Pelajaran Negeri Sabah selama ini.

HOSPITAL DAERAH TAIPING—PAKAR MATA

8. Tuan Mohd. Razlan bin Haji Abdul Hamid minta Menteri Kesihatan menyatakan sama ada beliau sedar bahawa Hospital Daerah Taiping masih belum mempunyai seorang Pakar Mata walhal Hospital Daerah Taiping adalah merupakan salah sebuah hospital yang besar di negara ini. Jika sedar, apakah langkah serta tindakan beliau bagi mengatasi perkara ini.

Dato' K. Pathmanaban: Tuan Yang di-Pertua, sukalah saya memaklumkan kepada Ahli Yang Berhormat bahawa saya sedar kita tidak mempunyai Pakar Mata di Hospital Daerah Taiping. Ini disebabkan terdapat kekurangan

Pakar Mata di negara kita pada keseluruhannya. Pada masa ini Kementerian Kesihatan sedang memproses permohonan-permohonan bagi jawatan-jawatan Pakar Mata dari negara-negara asing. Seorang Pakar Mata akan ditempatkan di Hospital Daerah Taiping apabila sahaja seorang didapati kelak.

Dalam konteks ini sukalah saya menyatakan di sini bahawa terdapat Pegawai-pegawai Perubatan di Hospital Daerah Taiping yang mempunyai kebolehan profesional untuk merawat kebanyakan penyakit mata di samping seorang Pegawai Perubatan yang menjaga unit mata di situ. Mereka boleh merujuk kes-kes yang memerlukan perkhidmatan rawatan pakar ke Hospital Besar Ipoh jika perlu di mana terdapat Pakar Perunding Mata.

ESTET THEAN TEIK, PULAU PINANG

9. Tuan Gooi Hock Seng minta Menteri Pertanian meyakinkan sama ada selepas lawatan ke Estet Thean Teik, Pulau Pinang oleh Timbalan Menteri Pertanian, ada sebarang tindakan dan bantuan yang Kerajaan bercadang hendak ambil untuk menyelesaikan masalah dan mengekalkan aktiviti-aktiviti pertanian petani-petani di kawasan tersebut.

Timbalan Menteri Pertanian (Tuan Luhah Wan): Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, masalah berhubung dengan Estet Thean Teik, sebenarnya ialah masalah yang timbul di antara syarikat pemaaju, tuan tanah dan penghuni tanah tersebut. Isu yang berbangkit ialah para petani yang terlibat memohon agar mereka dapat diberikan sekeping tanah sebagai ganti kepada tanah yang diusahakan oleh mereka untuk meneruskan aktiviti ternakan dan menanam sayur. Walau bagaimanapun oleh kerana perkara berhubung dengan tanah adalah di bawah kuasa Kerajaan Negeri oleh itu perkara ini telah dipanjangkan kepada Kerajaan Negeri.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat lagi, Kementerian saya difahamkan bahawa kawasan tersebut pada masa ini bukan lagi merupakan sebagai satu kawasan pertanian. Oleh itu masalah mengekalkan aktiviti pertanian di kawasan tersebut adalah tidak timbul lagi.

Tuan Gooi Hock Seng: Soalan tambahan. Bolehkah Timbalan Menteri memberi tahu hasil lawatan yang telah dibuat oleh Timbalan Menteri iaitu Ahli Yang Berhormat dari Nibong Tebal dan juga selaras dengan Dasar Pertanian Nasional Kerajaan bercadang membantu petani-petani di situ untuk menubuh sebuah koperasi yang diminta supaya dikekalkan cara hidup mereka, adakah Kerajaan bercadang mengambil satu langkah ke arah tujuan tersebut iaitu mengambil alih tanah melalui Kerajaan Negeri Pulau Pinang untuk digunakan oleh koperasi tersebut?

Tuan Luhah Wan: Tuan Yang di-Pertua, bagaimana yang telah pun saya jelaskan tadi bahawa perkara ini sudah dipanjangkan kepada Kerajaan Negeri Pulau Pinang dan juga bagaimana kawasan yang disebutkan oleh Yang Berhormat ini dalam fahaman Kementerian Pertanian tidak lagi sesuai untuk kawasan pertanian.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Mohd. Yusof bin Haji Yakob.

(Soalan No. 10 Y.B. Tuan Mohd. Yusoff bin Haji Yaakob tidak hadir).

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Datuk Leonard Linggi Jugah.

(Soalan No. 11 Y.B. Datuk Leonard Linggi Jugah tidak hadir).

PADI—PROSES MELICIN/ MEMPERCEPAT PENJUALAN DI KOMPLEKS

12. Dato Haji Abu Bakar bin Umar minta Menteri Perusahaan Awam menyatakan adakah beliau sedar kelambatan yang sedang berlaku di Komplek-komplek LPN yang pada setengah-setengah waktu lori-lori padi

terpaksa beratur menanti giliran berjam-jam lamanya ialah disebabkan setengah pegawai-pegawai ditugaskan menyucuk padi menyalah gunakan kuasa mereka untuk mendapat sesuatu dari penjual-penjual padi; jika sedar apakah satu jalan yang dapat diambil untuk melicinkan dan mempercepatkan proses penjualan padi kepada Komplek-komplek LPN seluruhnya.

Menteri Perusahaan Awam (Datin Paduka Rafidah Aziz): Tuan Yang di-Pertua, kelambatan yang berlaku di Kompleks-kompleks bukanlah disebabkan oleh tindakan menyucuk jadi melambat-lambatkan kerja, tetapi disebabkan oleh keadaan-keadaan tertentu pada satu-satu masa seperti tuaian dalam musim hujan yang menimbulkan masalah padi basah, terutama sekali musim puncak tuaian. Padi ini akan dipasarkan segera oleh petani-petani bagi mengelakkan dari menjadi rosak. Pembeli-pembeli padi swasta biasanya enggan membeli padi di luar keupayaan pengendalian mereka, terutama sekali di musim hujan. Ini menyebabkan penjualan padi akan tertumpu kepada LPN kerana LPN merupakan pembeli terakhir atau, dengan izin, the last resort buyer. Ini bererti LPN terpaksa mengendalikan sejumlah padi yang banyak dengan kapasiti Kompleks dan bilangan pekerja yang terhad. Ini telah kadangkala telah menyebabkan sedikit sebanyak kelambatan di dalam proses pembelian.

Di dalam keadaan yang demikian Kompleks-kompleks LPN telah diarahkan dibuka 24 jam dengan mengaturkan pekerja-pekerja melalui susunan shift dan pembayaran elaun lebih masa.

Masalah mengenai penyucuk padi menyalahgunakan kuasa tidaklah timbul kerana pengredan padi adalah berdasarkan kepada panduan yang nyata dan tidak berdasarkan kepada budi-bicara penyucuk padi. Walau bagaimanapun, penyeliaan ke atas pekerja-pekerja berkenaan sentiasa dibuat dan sekiranya ada berlaku apa-apa penyelewengan tindakan akan diambil.

BAHAGIAN KETUJUH SARAWAK—PENCEMARAN AIR

13. Tuan Justine Jinggut minta Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar menyatakan sama ada beliau sedar bahawa kebanyakan sungai-sungai di Batang Rejang dan Balleh di Bahagian Ketujuh Sarawak mengalami pencemaran air oleh syarikat pembalakan. Apakah langkah-langkah yang telah dan akan diambil oleh Kementerian tersebut kepada masalah ini.

Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar (Datuk Amar Stephen Yong Kuet Tze): Tuan Yang di-Pertua, saya sedar hanya sebilangan kecil sahaja anak-anak sungai di Batang Rejang dan Balleh di Bahagian Ketujuh Sarawak mengalami pencemaran air disebabkan kelodakan tanah liat dari aktiviti pembalakan di kawasan hulunya.

Sebagai Ahli Yang Berhormat sedar pengeluaran lesen bagi pembalakan adalah di bawah bidangkuasa Kerajaan Negeri Sarawak dan perkara ini diuruskan melalui Jabatan Perhutanan Negeri Sarawak.

Dengan hal yang demikian, Kementerian saya melalui Jabatan Alam Sekitar telah pun menyediakan Garis Panduan bagi Mencegah dan Mengawal Hakisan dan Kelodakan Tanah untuk membolehkan Kerajaan Negeri menjadikannya sebagai salah satu daripada syarat-syarat yang dikenakan di dalam lesen aktiviti pembalakan.

Jabatan Perhutanan Negeri Sarawak merupakan agensi utama Kerajaan Negeri yang bertanggungjawab bagi menguatkuasakan syarat-syarat tersebut.

Tuan Justine Jinggut: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya hendak bertanya kepada Yang Berhormat Menteri oleh kerana ini adalah ada kaitan dengan segi environment, jadi buat pada masa sekarang Kerajaan Negeri ataupun Kerajaan Persekutuan belum mengambil apa langkah-langkah kepada masalah ini. Dan dari

segi kesihatan adalah tidak berpatutan bagi penduduk-penduduk yang mengalami masalah ini untuk menggunakan air ini untuk minuman oleh kerana kebanyakan air ini adalah mengandungi tanah.

Datuk Amar Stephen Yong Kuet Tze: Tuan Yang di-Pertua, masalah ini berkaitan dengan pencemaran air, tetapi Kementerian saya tidak mempunyai kuasa untuk menghentikan aktiviti-aktiviti pembalakan oleh kerana seperti yang saya katakan tadi bahawa ini adalah di bawah bidang-kuasa Jabatan Perhutanan Negeri Sarawak. Bagaimanapun, setahu saya, garis panduan tersebut sedang dalam pertimbangan pihak Kerajaan Negeri

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan Lim Kit Siang.

(Soalan No. 14 Y.B Tuan Lim Kit Siang tidak hadir).

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Dr George Chan Hon Nam.

(Soalan No. 15 Y.B. Dr George Chan Hon Nam tidak hadir).

KAMPUCHEA MENGHADAPI KEBUNTUAN

16. Tuan Mohd. Amin bin Haji Daud minta Menteri Luar Negeri menyatakan adakah benar dakwaan yang dibuat bahawa kedudukan mengenai soal Kampuchea menghadapi kebuntuan.

Timbalan Menteri Luar Negeri (Tuan Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon izin memaklumkan bahawa soalan ini telah pun dijawab semasa saya menjawab soalan Ahli Yang Berhormat dari Pengkalan Chepa pada 20hb Mac, 1984. Saya tidak ada sebarang tambahan kepada jawapan tersebut.

HOSPITAL-HOSPITAL BARU— TAPAK PEMBINAAN

17. Tuan Ibrahim Azmi bin Hassan minta Menteri Kesihatan menyatakan mengapakah hospital-hospital dibina di kawasan-kawasan yang sesak dengan lalulintas, seperti hospital baru Kuala Terengganu memandangkan bahawa hospital-hospital sepatutnya didirikan di tempat yang sunyi untuk membolehkan pesakit-pesakit pulih.

Dato' K. Pathmanaban: Tuan Yang di-Pertua, sukalah saya menerangkan di sini bahawa di dalam perancangan untuk membangunkan hospital-hospital baru, beberapa perkara terpaksa diberi perhatian berat supaya pelaksanaan projek-projek itu akan memberi satu penyelesaian yang praktikal. Biasanya kami mengelakkan dari tapak yang kawasannya sesak dengan lalulintas. Tetapi tapak itu hendaklah berdekatan juga dengan penduduk-penduduk dan mempunyai perhubungan jalanraya yang sempurna.

Bagi Hospital Besar baru di Kuala Trengganu tapak yang lain yang cukup luas dan sesuai sukar didapati. Tambahan pula beberapa bangunan di kawasan hospital lama terpaksa digunakan di masa yang akan datang untuk mengurangkan perbelanjaan.

Oleh kerana bangunan ini mempunyai hubungan yang rapat dengan hospital baru, Kementerian berpendapat bahawa satu tapak yang berdekatan adalah lebih sesuai bagi hospital baru ini.

Dr Tan Seng Giaw Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Mengenai hospital baru saya hendak menanya sama ada Yang Berhormat telah memastikan bahawa jalan-jalan di Hospital Besar Kelang yang akan siap pada tahun hadapan kelak akan diadakan untuk mengelakkan kesesakan lalulintas di situ.

Dato' K. Pathmanaban: Tuan Yang di-Pertua, saya rasa soalan asal adalah mengenai hospital baru di Kuala Trengganu dan bukan di Kelang.

Walau bagaimanapun perkara jalan masuk dan keluar di Hospital Besar Baru di Kelang sedang diberi perhatian oleh Kementerian Kerjaraya.

BANJIR—LEBUHRAYA PASIR MAS/RANTAU PANJANG

18. Tuan Haji Hassan bin Mohamed

Timbalan Menteri Kerjaraya (Datuk Dr Nik Hussein bin Abdul Rahman): Tuan Yang di-Pertua, saya sedar pada masa sekarang Lebuhraya Pasir Mas/Rantau Panjang tidak mempunyai aliran air yang cukup bagi mengatasi masalah banjir yang teruk.

Berhubung dengan ini sukalah saya menerangkan bahawa pada permulaan rancangan ini satu skim membina tali air telah dicadangkan di kawasan itu. Dengan mengambil kira perancangan itu, maka pihak JKR telah menyiapkan beberapa pembedong-pembedong yang dikira cukup untuk melarikan air melintas jalan. Tetapi malangnya apa yang telah berlaku ialah bahawa pembinaan tali air telah tergendala dan kini belum lagi dilaksanakan. Dengan hal yang demikian apabila tiba banjir air dari sungai berhampiran telah melimpah naik ke atas kawasan yang berkenaan dan tidak dapat mengalir keluar.

Saya suka memaklumkan kepada Ahli Yang Berhormat bahawa pada masa ini satu kajian sedang dibuat di bawah Lembaga Sungai Golok dalam mana masalah ini adalah termasuk dalam kajian tersebut.

Tuan Haji Hassan bin Mohamed: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Apakah Yang Berhormat Timbalan Menteri mengetahui sewaktu berlaku peristiwa banjir baru-baru ini beberapa kumpulan orang kampung yang datang ke Lebuhraya Rantau Panjang itu berusaha dengan cangkul dengan segala alat untuk menggali dan membesarkan larian air dekat situ. Jadi saya hendak tahu hal ini adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri mengetahui dan mengambil apa-apa tindakan.

Dato' Dr Nik Hussein bin Abdul Rahman: Tuan Yang di-Pertua, saya telah dimaklumkan atas usaha yang telah dibuat oleh pihak penduduk-penduduk di situ oleh kerana keadaan kecemasan, jadi tidak ada apa untuk saya mengambil tindakan cumanya menunggu sama ada pihak Lembaga yang telah saya katakan tadi akan mengambil tindakan untuk mengadakan tali air, untuk mengurangkan banjir yang tidak dapat dikawal.

BARANG KEPERLUAN HARIAN—KENAIKAN HARGA

19. Tuan Othman bin Abdul minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan apakah perkara-perkara yang menyebabkan kenaikan barang-barang keperluan harian baru-baru ini terutamanya minyak masak. Mengapakah pihak Kementerian lambat bertindak bagi mengawal kenaikan harga barang-barang itu. Apakah langkah-langkah lanjut yang diambil oleh Kementerian bagi mengelakkan keadaan seperti itu tidak berlaku lagi.

Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian (Tuan Oo Gin Sun): Tuan Yang di-Pertua, saya ingin memaklumkan di sini bahawa jawapan soalan ini telah pun diberikan di Dewan ini semasa Kementerian ini menjawab soalan yang hampir sama yang dikemukakan oleh Yang Berhormat dari Kinta pada 15hb Mac, 1984.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, Ahli-ahli Yang Berhormat yang lain-lain tidak berapa kedengaran, jikalau boleh tarik supaya kedengaran.

Tuan Oo Gin Sun: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin memaklumkan di sini bahawa jawapan kepada soalan ini telah pun diberikan di Dewan ini semasa Kementerian saya menjawab soalan yang hampir sama, yang dikemukakan oleh Ahli Yang Berhormat dari Kinta pada 15-3-1984. Saya tidak bercadang untuk membuat apa-apa tambahan.

PEKERJA ASING—KEMASUKAN

20. Tuan Fung Ket Wing minta Menteri Dalam Negeri menyatakan sama ada Kerajaan telah merumuskan suatu dasar untuk pekerja-pekerja asing yang bekerja di Malaysia untuk memastikan terdapat kemasukan dan pemulangan yang teratur untuk mencegah kebanjiran pekerja-pekerja asing secara haram ke negara ini; jika ya, beri butir-butir lanjut, jika tidak, mengapa.

20.3.84.

6. Tuan Chan Kok Kit minta Menteri Buruh menyatakan sama ada Kerajaan telah menggubal satu dasar untuk mengawal dan mengatur kemasukan pekerja-pekerja asing ke negara ini; jika ya, beri butir-butir lanjut; jika tidak, mengapa.

Timbalan Menteri Dalam Negeri (Tuan Mohd. Kassim bin Ahmed): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon izin untuk menjawab soalan ini bersekali dengan soalan Yang Berhormat dari Sungai Besi yang bertarikh 29-3-1984 yang mana ianya mempunyai maksud yang hampir sama.

Tuan Yang di-Pertua: Sila.

Tuan Mohd. Kassim bin Ahmed: Tuan Yang di-Pertua, peraturan-peraturan mengenai kawalan dan kemasukan pekerja-pekerja asing ke negara ini telahpun sedia ada dan dilaksanakan oleh Kerajaan. Namun begitu Kerajaan sedang mengkaji peraturan dan tatacara mengenai kemasukan buruh asing ke negara ini. Perkara ini akan mengambil masa yang lebih kerana ianya melibatkan persetujuan dan kerjasama dengan negara asing yang berkenaan.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan Peter Chin Gan Oon.

(Soalan No. 21. Y.B. Tuan Peter Chin Gan Oon tidak hadir).

PEPERIKSAAN STPM— KEBOCORAN SOALAN

22. Tuan Omar Abdullah minta Menteri Pelajaran menyatakan apakah tindakan yang telah diambil terhadap orang-orang yang bertanggungjawab

dalam membocorkan soalan peperiksaan Sijil Tinggi Pelajaran Malaysia, bagaimanakah perkara ini boleh berlaku dan apakah tindakan yang telah diambil untuk memastikan perkara ini tidak berlaku lagi.

Menteri Pelajaran (Datuk Dr Sulaiman bin Haji Daud): Tuan Yang di-Pertua, jawapan kepada soalan yang serupa maksudnya telah diberikan oleh Timbalan saya dalam Dewan ini pada 14hb Mac, 1984 tatkala menjawab soalan Yang Berhormat dari Kota Melaka dan saya tidak ada apa-apa hendak ditambah lagi.

NAHAS KAPALTERBANG AIRBUS—LAPORAN

23. Dr Tan Seng Giaw minta Menteri Pengangkutan menyatakan mengapa Kementerian beliau enggan mengumumkan laporan ke atas nahas kapal-terbang Airbus (MAS MH 684) dari Kuching di Subang pada 18hb Disember, 1983.

Dato' Abu Hassan bin Haji Omar: Tuan Yang di-Pertua, adalah tidak benar Kementerian saya enggan mengemukakan laporan ke atas nahas kapal-terbang Airbus itu. Laporan siasatan belum lagi diterima kerana pasukan penyiasatan masih menjalankan kerja-kerja siasatan. Keputusan sama ada laporan tersebut akan diumumkan ataupun sebaliknya hanya akan ditentukan setelah laporan diterima dan dipertimbangkan oleh Kerajaan.

Dr Tan Seng Giaw Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Bolehkah Yang Berhormat mengesahkan sama ada itu jawapan daripada Menteri Pengangkutan pada tahun yang lepas bahawa laporan ini telahpun dikemukakan kepada Kabinet dan kalau ini tidak benar, bilakah siasatan boleh disiapkan dan dikemukakan?

Dato' Abu Hassan bin Haji Omar: Tuan Yang di-Pertua, saya tidak faham soalan yang pertama tadi.

Dr Tan Seng Giaw Tuan Yang di-Pertua, pada akhir tahun yang lepas Menteri Pengangkutan pernah mengatakannya di dalam suratkhbar bahawa

satu laporan mengenai kemalangan itu telah dikemukakan kepada Kabinet.

Dato' Abu Hassan bin Haji Omar: Tuan Yang di-Pertua, itu maklumat yang diperolehi oleh Yang Berhormat dari suratkhbar, Yang Berhormat Menteri Pengangkutan tidak ada mem-perkatakan kepada saya.

Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan laporan siasatan ini, ianya akan disiapkan dengan secepat mungkin.

PILI AIR DI KAMPUNG KEPONG ULU

24. Dr Tan Seng Giaw minta Menteri Kesihatan menyatakan sama ada beliau sedar bahawa saranan beliau di Dewan yang mulia pada 23hb November 1983 bahawa beberapa buah pili air telah didirikan untuk membekalkan air di kampung Kepong Ulu di mana air periginya diracuni oleh warangan dan flouride berlebihan adalah tidak tepat. Adakah beliau sedar bahawa pili air JKR yang terdekat adalah kira-kira setengah batu jauhnya dari kampung ini, dan mengapakah Jawatankuasa Penyelaras yang telah didirikan kononnya tidak menyasiat serta menasihatkan penduduk-penduduk ini tidak berjaya mengadakan pili-pili air ini secepat mungkin.

Dato' K. Pathmanaban: Tuan Yang di-Pertua, kawasan yang terlibat iaitu Kampung Kepong Ulu sebahagiannya terletak di dalam daerah Gombak dan sebahagian lagi di dalam Wilayah Persekutuan, terdapat lebih kurang 411 buah rumah di dalam daerah Gombak dan lebih kurang 139 buah rumah di dalam Wilayah Persekutuan.

Beberapa buah rumah di dalam bahagian Wilayah Persekutuan dari kampung tersebut mempunyai sambungan bekalan air paip individu dan sebuah paip awam didapati di kawasan itu juga.

Dasar Kerajaan Negeri Selangor mengenai pili air awam di kawasan-kawasan setinggan ialah pili-pili air itu diluluskan dengan syarat kos pemasangan dan pembayaran pili ditanggung oleh mereka di kawasan itu sendiri.

Dr Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah Yang Berhormat sedar sebelum kejadian menemui warangan dan flouride yang berlebihan di kawasan itu, pemasangan dan pembayaran bil-bil oleh pili-pili air itu dtanggung oleh Kerajaan, tetapi bagaimanakah dan mengapakah selepas kejadian ini Kerajaan tidak boleh memasangkan, kerana ini sangat merbahaya.

Dato' K. Pathmanaban: Tuan Yang di-Pertua, saya dimaklumkan bahawa Kerajaan Negeri Selangor sebenarnya telahpun meluluskan sebanyak \$8,000 sebagai peruntukan untuk pemasangan 4 buah paip awam di kawasan yang disebutkan itu dan tindakan pemasangan itu hanya menunggu mereka yang terlibat membuat bayaran yang saya huraikan tadi.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan Ling Sie Ming.

(Soalan No. 25 Y.B. Tuan Ling Sie Ming tidak hadir).

JABATAN BOMBA SARAWAK

26. Tuan Sim Kwang Yang minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan berapa luasnya kekurangan tenaga manusia dan alat-alat yang dialami oleh Jabatan Bomba di Sarawak dan apakah langkah-langkah yang akan diambil untuk menyelesaikan masalah ini demi melindungi nyawa dan hartabenda rakyat kita.

Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan (Puan Napsiah binti Omar): Tuan Yang ddi-Pertua, sejak Kerajaan Pusat telah mengambil-alih berkenaan dengan perkhidmatan Jabatan Bomba ini, beberapa langkah telahpun diambil oleh Jabatan Bomba untuk menyelamatkan nyawa dan hartabenda rakyat kita di seluruh negeri bukan sahaja di negeri Sarawak, tetapi di seluruh negara kita.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Dr Chen Man Hin.

(Soalan No. 27 Y. B. Dr Chen Man Hin tidak hadir)

GURU-GURU PELATIH

28. Tuan Chan Kok Kit minta Menteri Pelajaran menyatakan jumlah guru-guru pelatih yang diambil untuk menjalani latihan perguruan tahun ini di semua 24 buah maktab latihan guru dengan memberikan angka-angka pecahan mengikut kaum akan pengambilan tersebut.

Datuk Dr Sulaiman bin Haji Daud: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sebenarnya terdapat sebanyak 26 buah Maktab Perguruan di seluruh Malaysia, termasuk 3 buah maktab di Sabah dan 3 buah maktab di Sarawak dan 20 buah di Semenanjung, bukannya 24 buah Maktab Perguruan sebagaimana Yang Berhormat nyatakan.

Jumlah guru-guru pelatih yang diambil untuk menjalani latihan perguruan tahun ini di semua 26 buah Maktab Perguruan mengikut pecahan kaum adalah seperti berikut:

Bumiputera	3,437
Cina	1,079
India	252
Lain-lain	14
			<hr/>
Jumlah	4,782
			<hr/>

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Dato' Haji Saidin bin Haji Mat Piah.

Dato' Haji Saidin bin Haji Mat Piah: Tuan Yang di-Pertua, Soalan No. 29.

(Soalan No. 29 Y. B. Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar tidak hadir).

Tuan Yang di-Pertua: Saya arahkan Menteri itu menjawab dengan bersurat,

Yang Berhormat Tuan Richard Dampeng anak Laki.

(Soalan No. 30 Y. B. Tuan Richard Dampeng anak Laki tidak hadir).

Tuan Yang di-Pertua: Kita boleh habis hari ini. *(Ketawa)*

Yang Berhormat Tuan Haji Azharul Abidin bin Haji Abdul Rahim.

(Soalan No. 31 Y.B Tuan Haji Azharul Abidin bin Haji Abdul Rahim tidak hadir).

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan Ng Cheng Kuai.

(Soalan No. 32 Y.B. Tuan Ng Cheng Kuai tidak hadir).

HOSPITAL DI LADANG-LADANG/LOMBONG

33. Tuan V. Govindaraj minta Menteri Buruh menyatakan:

- sama ada pihak Kementerian akan menubuhkan suatu Jawatankuasa Tetap untuk mengkaji dan menganalisa keadaan di Hospital di Ladang-ladang dan Lombong-lombong;
- sama ada pihak Kementerian sedar bahawa piawaian-piawaian yang ditetapkan dalam kanun-kanun Buruh yang sedang berkuatkuasa di beberapa negeri di Semenanjung Malaysia masih tidak memadai dan tidak berkesan sangat bagi menjaga keselamatan sosial dari segi fizikal dan mental para masyarakat estet dan lombong; dan
- jika pihak Kementerian sedar, apakah tindakan yang akan diambil bagi memperbaharui taraf dan keadaan Hospital-hospital tersebut.

Timbalan Menteri Buruh (Dato' Haji Zakaria bin Haji Abdul Rahman):

Tuan Yang di-Pertua,

- Tidak ada Jawatankuasa Tetap ditubuhkan untuk mengkaji dan menganalisa keadaan di hospital-hospital di ladang-ladang dan lombong-lombong. Kementerian saya mendapat nasihat pakar dalam perkara-perkara mengenai hospital-hospital dan kesihatan apabila perlu dari Kementerian Kesihatan dan adalah bersama-sama dalam pengawasan hospital-hospital dan perkara-perkara berkaitan dengan kesihatan di ladang-ladang dan lombong-lombong.

(b) Memang tidak dinafikan bahawa piawaian-piawaian yang ditetapkan dalam kanun-kanun Buruh mengenai hospital-hospital di ladang-ladang dan lombong-lombong adalah tidak sama tarafnya jika dibandingkan dengan piawaian-piawaian yang disediakan di hospital-hospital bandar-bandar. Usaha-usaha Kerajaan dan swasta di bandar-bandar sekarang ini telah menjadi pusat-pusat perubatan moden yang serba lengkap. Ini menyebabkan peranan hospital-hospital di ladang-ladang dan lombong-lombong terhad kepada rawatan kes-kes yang kecil dan tidak serius sahaja. Pesakit-pesakit yang memerlukan rawatan-rawatan yang lebih rapi dan intensif dihantar ke hospital-hospital di bandar-bandar dengan perbelanjaan majikan.

(c) Dari masa ke semasa Kementerian saya dengan kerjasama Kementerian Kesihatan mengawasi keadaan hospital-hospital di ladang-ladang dan lombong-lombong. Jika terdapat sebarang kekurangan pada keseluruhannya, seperti aspek rawatan perubatan kakitangan mahupun kekurangan alat-alatan dan kelengkapan kelengkapan hospital ataupun alat-alat yang sedia ada itu sudah tidak boleh dipakai lagi dengan sempurna, tindakan sewajarnya akan diambil. Dengan cara ini keadaan di hospital-hospital di ladang-ladang dan lombong-lombong dapat dipelihara untuk mencapai satu taraf yang berputatan.

PERKHIDMATAN TELEFON

34. Tuan Haji Dusuki bin Haji Ahmad minta Menteri Tenaga, Telekom dan Pos menyatakan sama ada pihak Kementerian berkenaan berhasrat hendak menjadikan perkhidmatan telefon sebagai perkhidmatan asas/perlu seperti perkhidmatan air dan letrik. Jika ya, apakah langkah-langkah yang telah

dan akan dilaksanakan bagi memastikan setiap permohonan telefon baru orang ramai dapat dipasang segera.

Setiausaha Parlimen Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos (Tuan Au How Cheong): Tuan Yang di-Pertua, suka saya memaklumkan kepada Ahli Yang Berhormat bahawa Kementerian saya memang bercadang untuk menjadikan perkhidmatan telefon sebagai perkhidmatan asas seperti juga perkhidmatan air dan letrik. Langkah menjadikan perkhidmatan telefon sebagai perkhidmatan asas ini sudah tentu akan membolehkan Jabatan Telekom memberikan perkhidmatannya dengan cepat dan teratur kepada pelanggan-pelanggan.

Bagi memudahkan Jabatan Telekom Malaysia mengadakan perkhidmatan telefon dalam kawasan Pihakberkuasa Tempatan, buat masa ini Kementerian saya sedang mengambil tindakan dengan Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan bagi mengadakan kuasa undang-undang untuk menentukan supaya:

- (i) Penguasa Tempatan menyediakan tanah rezab di sepanjang tiap-tiap jalan bagi memudahkan pemasangan kabel telefon;
- (ii) memastikan pemaju-pemaju merujuk terlebih dahulu kepada Jabatan Telekom apabila mereka hendak mendirikan bangunan-bangunan, termasuk bangunan yang tinggi.

Hanya apabila terdapat kuasa-kuasa seperti yang dinyatakan di atas melalui peruntukan undang-undang, barulah pihak Jabatan Telekom akan dapat merancang dan memberikan perkhidmatannya dengan cara yang lebih cekap dan sistematik.

Tuan Yang di-Pertua: Masa sudah cukup.

(Masa untuk Pertanyaan bagi Jawab Mulut telah cukup dan Jawapan bagi Pertanyaan No. 3, 10, 11, 14, 15, 21, 25, 27, 29, 30, 31 dan 32 adalah diberi di bawah ini.)

PERKHIDMATAN AWAM BAYARAN TUNGGAKAN

3. Tuan Yahya bin Haji Zakaria minta Perdana Menteri menyatakan sebab-sebab pembekuan bayaran tunggakan kebelakangan seluruh kakitangan Perkhidmatan Awam.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Datuk Abdullah bin Haji Ahmad Badawi): Kerana maksud tunggakan kebelakangan dalam soal Yang Berhormat itu tidak jelas, hanya jawapan secara yang umum sahaja dapat saya berikan.

Pada amnya, tiada pembekuan bayaran tunggakan yang berbangkit di dalam sesuatu keputusan mengenai syarat-syarat perkhidmatan yang melibatkan kenaikan gaji ataupun elaun. Sebaliknya apabila keputusan dibuat dengan tarikh kuatkuasa semasa, bayaran tunggakan sememangnya tidak berbangkit.

SINARAN MATAHARI PENGUNAAN

10. Tuan Mohd. Yusof bin Haji Yakob minta Menteri Tenaga, Telekom dan Pos menyatakan sejauh manakah kajian dan penyelidikan dibuat di dalam penggunaan sinaran matahari sebagai sumber tenaga kuasa bagi keperluan seharian di negara ini.

Tuan Au How Cheong: Suka saya menjelaskan kepada Ahli Yang Berhormat bahawa kajian dan penyelidikan tentang penggunaan sinaran matahari ini dijalankan oleh pelbagai agensi penyelidikan Kerajaan dan Universiti Tempatan. Penyelidikan yang dijalankan adalah mengikut bidangkuasa, tujuan dan keutamaan sesebuah agensi itu. Ada penyelidikan yang berbentuk akademik dan ada juga yang berbentuk penggunaan.

Sinaran matahari merupakan sumber tenaga yang sentiasa ada dan boleh didapati secara percuma. Sinaran matahari ini boleh digunakan melalui dua cara iaitu sebagai sumber tenaga elektrik dan sumber tenaga haba.

Tenaga elektrik boleh diperolehi dari sinaran matahari dengan menggunakan sel fotovoltaik. Tenaga elektrik yang diperolehi ini boleh digunakan dengan cara biasa seperti untuk menyalakan lampu, menjalankan kipas, mengempam air dan lain-lain. Pihak SIRIM dan Universiti Sains Malaysia sedang menguji dan menggunakan sel fotovoltaik untuk tujuan yang disebutkan tadi. Di samping itu beberapa agensi lain sedang menggunakan sel fotovoltaik ini. Ini termasuklah Jabatan Telekom yang menggunakan untuk "relay station" Jabatan Parit dan Tali-air yang menggunakan untuk siren amaran banjir dan Jabatan Perkhidmatan Kajiucua yang menggunakannya untuk alat mengukur laju angin. Penyelidikan yang mendalam yang berkaitan dengan penggunaan sinaran matahari sebagai sumber tenaga elektrik sedang giat dijalankan di Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) dan Universiti Sains Malaysia (USM). Ini termasuklah pengukuran keupayaan tenaga dari sinaran matahari yang dijalankan oleh USM dan pembuatan sel-sel solar dari bahan dan cara yang berlainan yang dijalankan oleh kedua-dua buah universiti tersebut. Penyelidikan-penyelidikan tersebut adalah bertujuan untuk mempelajari dan memperolehi teknologi pembuatan sel fotovoltaik. Pihak Kerajaan sentiasa memberi sokongan dan galakan kepada institusi-institusi penyelidikan untuk terlibat dengan cara lebih meluas lagi di dalam bidang tenaga matahari ini. Misalnya pihak LLN sedang bekerjasama dengan pihak USM di dalam projek penggunaan "SOPHOCLE 100" untuk mendapatkan tenaga elektrik.

Satu projek telah siap dilaksanakan oleh LLN pada pertengahan tahun 1982 di Pulau Langkawi di mana 37 buah rumah telah menikmati kemudahan bekalan elektrik secara berasingan, iaitu setiap rumah dibekalkan dengan sel fotovoltaik untuk menjana tenaga elektrik dari sinaran matahari. Ianya sedang berjalan dengan memuaskan. Satu lagi projek di Daerah Ulu Tembeling, Pahang, baru saja selesai dilaksanakan pada akhir tahun lepas. 71 buah rumah di lima buah kampung

di Pahang telah terlibat. Pihak LLN sentiasa mengikut perkembangan dan kemajuan bagi projek-projek tersebut.

Berhubung dengan penggunaan sinaran matahari sebagai sumber tenaga haba, banyak agensi penyelidikan dan universiti tempatan yang terlibat secara langsung terutama di dalam bidang pengeringan hasil tanaman dan pemanasan air untuk kegunaan harian. Misalnya pihak Universiti Malaya telah merekabentuk Pemanas air kuasa matahari sementara pihak USM pula sedang menggunakan pemanas air kuasa matahari di rumah tetamu mereka yang baru. Di peringkat kilang pula, sebuah syarikat Swasta di Petaling Jaya sedang menggunakan pemanas air kuasa matahari ini dengan memuaskan. Beberapa buah rumah persendirian di sekitar Kuala Lumpur telah dipasang dengan pemanas air kuasa solar tersebut. Namun begitu penggunaan peralatan tersebut belumlah begitu meluas lagi. Ini adalah disebabkan oleh kosnya yang masih mahal dan kurangnya keperluan penduduk tempatan kepada air panas.

Di dalam bidang pengeringan pula, institusi-institusi seperti Universiti Malaya, Universiti Pertanian Malaysia (UPM), Institut Penyelidikan Perhutanan, SIRIM dan MARDI adalah terlibat secara langsung. Misalnya pihak UPM, UM dan SIRIM telah merekabentuk dan menguji kemampuan pengering hasil tanaman kuasa matahari. Institut Penyelidikan Perhutanan sedang menguji pengering kuasa matahari untuk mengeringkan kayu kayan. Sementara pihak MARDI pula sedang menggunakan alat pengering kuasa matahari di Kelantan untuk mengeringkan daun tembakau. Alat pengering ini boleh juga digunakan untuk mengeringkan hasil tanaman lain seperti padi, lada, kacang tanah dan lain-lain.

Sinaran matahari juga boleh digunakan untuk menjalankan alat hawa dingin. Pada masa ini sebuah bangunan swasta sedang menggunakannya sambil mengkaji kemampuan peralatan tersebut; tetapi kos bagi peralatan ini adalah terlalu mahal dan tidak ekonomik.

Secara keseluruhannya adalah jelas bahawa sinaran matahari boleh digunakan sebagai sumber tenaga sama ada sebagai sumber tenaga elektrik atau sebagai sumber tenaga haba. Akan tetapi kos yang mahal sentiasa menjadi penghalang kepada penggunaan peralatan kuasa solar dengan lebih meluas lagi. Walau bagaimanapun, dari dua buah projek percubaan pembekalan elektrik dari sinaran matahari yang dilaksanakan oleh LLN, kos purata bagi sebuah rumah telah dapat dikurangkan dari \$4,600 kepada \$3,400. Adalah diharapkan bahawa masalah akan datang, kos bagi sel fotovoltaik dapat diturunkan lagi dengan kemajuan teknologi dan perkembangan pasaran.

DOKTOR KE KLINIK LUAR BANDAR

11. Datuk Leonard Linggi Jugan minta Menteri Kesihatan menyatakan sama ada Kementerian mempunyai cadangan untuk menambahkan lawatan-lawatan doktor ke klinik-klinik di luar bandar sama ada menerusi perkhidmatan doktor udara atau dispensari-dispensari bergerak.

Dato' K. Pathmanaban: Kementerian Kesihatan tidak ada cadangan untuk menambahkan lawatan-lawatan doktor ke klinik-klinik di luar bandar di Sarawak buat masa ini sama ada menerusi perkhidmatan doktor udara atau dispensari-dispensari bergerak. Tetapi perkara ini bolehlah ditimbangkan jika peruntukan kewangan bagi tujuan ini bertambah di masa hadapan.

LEBUHRAYA TIMUR/BARAT- KUANTAN/SEGAMAT-KUALA KRAI/GUA MUSANG PEMBAIKAN

14. Tuan Lim Kit Siang minta Menteri Kerja Raya menyatakan kos pembaikan yang diperlukan untuk membaiki Lebuhraya Timur/Barat, Lebuhraya Kuantan/ Segamat dan Lebuhraya Kuala Krai-Gua Musang; sebab-sebab mengapa keadaan "disrepair" itu di biarkan begitu sahaja; serta nyatakan kedudukan projek jalan lalu Mentakab.

Datuk Dr Nik Hussein bin Abdul Rahman: Kos pembaikan yang diperlukan bagi Lebuhraya lebuhraya yang berkenaan ialah:

- (i) Lebuhraya Timur/Barat—Sebanyak lebih kurang \$30 juta
- (ii) Lebuhraya Kuantan/Segamat—Sebanyak lebih kurang \$0.4 juta.
- (iii) Lebuhraya Kuala Krai/Gua Musang—Sebanyak lebih kurang \$1 juta.

Berhubung dengan anggaran yang saya berikan untuk memperbaiki Jalanraya Timur/Barat itu, sukacita saya menerangkan bahawa angka ini tidak termasuk kos kerja bagi menyudahkan jalanraya ini. Ini adalah kerana Lebuhraya Timur/Barat ini belum siap sepenuhnya sebelum ia dibuka kepada lalulintas pada pertengahan tahun 1982.

Tidaklah benar bahawa Kementerian saya membiarkan lebuhraya-lebuhraya tersebut dalam keadaan "disrepair".

Kementerian saya sentiasa mengambil tindakan untuk mendapatkan peruntukan bagi memperbaiki secepat mungkin apa-apa kerosakkan yang berlaku supaya lebuhraya-lebuhraya tersebut tidak diganggu daripada kegunaan lalulintas pada setiap masa.

Berhubung dengan Projek Mentakab Bypass, sukacita saya memaklumkan bahawa jalanraya ini yang panjangnya 20 km, masih dalam pembinaan terutamanya atas jambatan (viaduct yang menyeberangi kawasan paya. Pada masa ini tawaran membina jambatan ini sedang dalam proses dan adalah dijangka kerja untuk membina jambatan ini akan bermula dalam sedikit masa lagi. Adalah juga dijangka bahawa pembinaan jambatan ini akan mengambil masa selama dua tahun.

PAKAR PERUBATAN DI HOSPITAL KERAJAAN

15. Dr George Chan Hong Nam minta Menteri Kesihatan menyatakan bilangan pakar-pakar perubatan dalam

berbagai bidang yang sedang berkhidmat dengan Jabatan Perkhidmatan Perubatan dan Kesihatan di seluruh negara kita dan apakah:

- (a) insentif-insentif atau dorongan-dorongan yang diberi untuk menggalakkan mereka supaya mereka akan terus berkhidmat dengan Kerajaan; dan
- (b) langkah-langkah yang telah, sedang atau akan diambil untuk menambah bilangan pakar-pakar perubatan tempatan.

Dato' K. Pathmanaban: Suka saya memaklumkan kepada Yang Berhormat bahawa bilangan pakar-pakar perubatan yang sedang berkhidmat di hospital-hospital Kerajaan di seluruh negara adalah seperti berikut:

1. Perubatan Umum	...	57
2. Bedah Umum	...	45
3. Perbidanan dan Sakitpuan		38
4. Bius	...	20
5. Mata	...	19
6. Otopidik	...	14
7. X'ray Diagnostik	...	18
8. Kanak-Kanak	...	25
9. Kajipenyakit (Hospital)	...	12
10. Perubatan Jiwa	...	12
11. Perubatan Dada	...	12
12. X'ray Therapy	...	5
13. Hidung, Tekak dan Telinga		4
14. Kulit	...	8
15. Urologi	...	3
16. Neurosurgery	...	2
17. Neurology	...	1
18. Nefrology	...	2
19. Pemindahan Darah	...	3
20. Bedah Thoracic	...	2
21. Bedah Plastik	...	2
22. Perubatan Porensik	...	1
23. Kardiologi	...	2
24. Venerology	...	1

- (a) Insentif-insentif yang diberikan oleh Kerajaan untuk menggalakkan pakar-pakar perubatan terus berkhidmat di hospital-hospital Kerajaan adalah seperti berikut:
- (i) menambahkan pengwujudkan jawatan-jawatan Tingkatan Tertinggi dalam bidang-bidang kepakaran;
 - (ii) mewujudkan jawatan-jawatan kenaikan pangkat dalam berbagai-bagai bidang kepakaran, misalnya Perubatan, Bedah Umum, Perbidanan dan Sakitpuan, dan Bius telah dinaikkan ke Tingkatan Tertinggi "B" di Hospital Besar, Kuala Lumpur;
 - (iii) beberapa jawatan-jawatan pakar telah dinaikkan ke Tingkatan Tertinggi atas taraf Khas Untuk Penyanggah;
 - (iv) elaun Pakar juga telah dinaikkan pada tahun 1983. Kadar kenaikan Elaun Pakar ialah \$600 hingga \$1,600 bergantung kepada Tingkatan;
 - (v) beberapa pegawai-pegawai pakar telah diberikan peluang untuk mengikuti kursus jangka pendek untuk menambahkan pengetahuan mereka dalam bidang kepakaran masing-masing.
- (b) Langkah-langkah yang akan terus diambil oleh Kementerian saya untuk menambahkan bilangan pakar-pakar perubatan tempatan adalah seperti berikut:
- (i) menambahkan kemudahan bagi latihan Ijazah Lanjutan untuk pegawai-pegawai perubatan di hospital-hospital di Malaysia;
 - (ii) beberapa peperiksaan Ijazah Lanjutan oleh Royal Colleges of United Kingdom and Australia, diadakan di Malaysia;

- (iii) Beberapa peperiksaan dan kursus Ijazah Lanjutan dijalankan oleh Universiti Malaya dan Universiti Kebangsaan Malaysia;
- (iv) menambahkan bilangan biasiswa yang diberikan kepada pegawai-pegawai perubatan yang terpilih untuk mengikuti latihan di luar negeri seperti Australia dan United Kingdom;
- (v) cuti belajar selama setahun adalah juga diberi kepada pegawai-pegawai perubatan yang layak untuk pergi ke luar negeri untuk mendapatkan latihan kepakaran.

KANUN TANAH NEGARA— PINDAAN

21. Tuan Peter Chan Gan Oon minta Menteri Kemajuan Tanah dan Kema-juan Wilayah menyatakan:

- (a) bagaimana pindaan yang dicadangkan kepada Kanun Tanah Negara dapat memperbaiki sistem dan cara pentadbiran tanah yang pada masa lalu telah menghalang pembangunan negara kita; dan
- (b) sama ada pindaan-pindaan sedemikian saja tanpa disedari kemahuan untuk melaksanakan pindaan-pindaan sebegini oleh pegawai-pegawai tanah boleh, misalnya mempercepatkan kelulusan tanah bagi pembangunan dalam satu tempoh 3 bulan mengikut jangkaan sebagaimana yang dinyatakan oleh YAB Timbalan Perdana Menteri dapat menyemai semangat untuk bekerja dengan cekap oleh pegawai-pegawai Kerajaan agar bersama dengan pindaan-pindaan kepada Kanun Tanah Negara, pembaikan yang sebenar kepada sistem dan cara pentadbiran tanah dapat dilaksanakan dengan berkesan.

**Menteri Kemajuan Tanah dan
Kemajuan Wilayah (Dato Rais Yatim):**

Jawapan bagi soalan (a):

- (1) Cadangan pindaan KTN yang baru ini digubal untuk memenuhi 4 falsafah seperti berikut:
- (i) Untuk menyesuaikan dengan kehendak pembangunan;
 - (ii) Untuk keperluan pelaksanaan Dasar Ekonomi Baru;
 - (iii) Untuk memperkukuhkan kepentingan Kerajaan-kerajaan Negeri; dan
 - (iv) Untuk memperbaiki sistem dan prosedur pentadbiran tanah.

Penggubalannya dibuat adalah hasil daripada kesedaran di atas keperluan untuk mewujudkan satu undang-undang yang sejajar dengan matlamat pembangunan negara. Oleh itu ianya akan merupakan undang-undang yang terpenting untuk mencapai hasrat pembangunan negara.

- (2) Di antara perkara-perkara penting yang dipinda adalah seperti berikut:

(i) *Permohonan Pecah Sem-
padan dan tukar syarat*

Ianya dibuat serentak. Hakmilik di bawah geran sementara juga dibenarkan untuk membuat permohonan. Majoriti tuan punya bersama juga dibenarkan memohon.

(ii) *Tanah Terbiar*

Di bawah pindaan yang dicadangkan Pihak Berkuasa Negeri atau agensi-agensinya boleh memulihkan tanah-tanah terbiar secara sementara.

(iii) *Mengetatkan Syarat-
syarat Pemilikan*

Pemilikan oleh warga-negara asing dan Syarikat-syarikat Asing tidak dibenarkan kecuali tanah perindustrian. Tanah jenis perniagaan dibenarkan dengan syarat ianya mendapat kebenaran daripada Kerajaan Negeri. Kerajaan Negeri juga dibenarkan untuk mengenakan syarat-syarat tambahan bagi apabila meluluskan permohonan permohonan tukar syarat.

(iv) *Prosedur-prosedur yang
menyenangkan urusan
pentadbiran dan orang
ramai*

Hanya satu jenis hakmilik sahaja iaitu "Hakmilik Pejabat Tanah". Pejabat Tanah juga dibenarkan mengeluarkan salinan hakmilik kepada tiap-tiap pemilik tanah berkongsi. Untuk menyenangkan pengurusan, butir-butir Kad Pengenalanan hendaklah dimasukkan apabila mengisi borang KTN. Tanah-tanah yang diukur semula disebabkan hakisan sungai atau laut akan dijalankan secara percuma. Bagi rakyat yang mendapat tanah hakmilik sementara dikeluarkan secara automatik (tidak payah memohon).

Jawapan bagi Soalan (b):

- (1) Cadangan pindaan adalah merupakan perkara pokok di

dalam usaha ke arah memodenkan pentadbiran dan pengurusan tanah. Usaha-usaha untuk menambahkan kecekapan pengurusan tanah telah mula menampakkan hasil yang baik. Usaha-usaha bagi mempercepatkan pemerosesan tanah sedang berjalan dengan baik. Sebagai contohnya dalam hal memproses permohonan tukar syarat dan pecah sempadan, sehingga 31hb Mei, 1983 terdapat 10,986 kes yang belum selesai bagi negeri-negeri Semenanjung Malaysia. Akan tetapi, sehingga 29hb Februari, 1984 sebanyak 7,640 kes telah pun dapat diselesaikan pemerosesannya. Ini bermakna 70% tunggakan telah dapat diproses dan diselesaikan dalam tempoh 9 bulan.

- (2) Usaha-usaha menambahkan kecekapan yang sedang disusunkan di semua peringkat adalah seperti berikut:

- (i) Mengadakan latihan-latihan/kursus kepada pegawai-pegawai tanah oleh Kementerian, INTAN dan Kerajaan-kerajaan Negeri sebagai contohnya pada tahun 1984, Kementerian bercadang bagi menganjurkan 39 kursus bagi semua peringkat.
- (ii) Penggunaan komputer dalam pengurusan tanah.
- (iii) Mengadakan pasukan kajian pengurusan pentadbiran tanah bagi mengkaji kelemahan-kelemahan sistem dan amalan pengurusan tanah dari semasa ke semasa.

PENGANGGUR-PENGANGGUR

25. Tuan Ling Sie Ming minta Menteri Buruh menyatakan langkah-langkah konkrit yang diambil untuk membentuk penganggur-penganggur di negara ini dan apakah keadaan pengangguran negara sekarang.

Dato' Haji Zakaria bin Haji Abdul Rahman: Di antara faktor penting mengapa pengangguran wujud termasuklah faktor marketability—iaitu sejauh mana tenaga pekerja boleh dipasarkan. Mengenali hakikat ini Kementerian Buruh telah menjalankan program-program dan akan terus meningkatkan program itu jika perlu. Pertama untuk menambah marketability tenaga buruh yang ada, Kementerian Buruh menjalankan program-program latihan bagi kemahiran di dalam berbagai-bagai bidang ketukangan di Instituti-institusi Latihan Perindustrian di Kuala Lumpur dan Prai. Instituti Latihan itu akan bertambah dengan terbukanya tiga lagi Instituti pada tahun ini dan lima menjelang 1987. Daripada keadaan tiada atau kurang kemahiran, Instituti-institusi ini mengeluarkan pekerja-pekerja mahir dari berbagai-bagai bidang ketukangan dan dengan demikian menjadikan pelatih-pelatih lebih marketable. Sehingga penghujung 1983 Instituti ini telah mengeluarkan 8,198 pekerja mahir dan 3,000 orang lagi dijangka dikeluarkan tiap-tiap tahun.

Melebihi kemahiran sahaja, walaupun menambahkan marketability seseorang pekerja tidaklah memastikan seseorang itu tidak akan menganggur.

Bagi tujuan ini kerja pemasaran atas tenaga pekerja diadakan. Oleh yang demikian dapatlah tenaga pekerja dan peluang pekerjaan dijodohkan. Dalam aspek ini Kementerian Buruh, melengkapi usaha-usaha Kementerian-kementerian lain yang mengujukkan peluang pekerjaan dengan menentukan (identify) peluang-peluang pekerjaan, memperkenalkannya kepada bakal-bakal pekerja dan menempatkan bakal-bakal pekerja dalam pekerjaan-pekerjaan yang sesuai. Perkhidmatan ini dinamakan Perkhidmatan Pekerjaan yang dijalankan oleh Jabatan Tenaga Rakyat. Pada masa ini terdapat 35 Pejabat Pekerjaan sepenuh masa di Semenanjung Malaysia, 8 di Sabah dan 8 di Sarawak, semuanya untuk memberi khidmat kepada

bakal-bakal pencari kerja untuk mendapat kerja dan kepada majikan-majikan untuk mendapat pekerjaan.

Dari di atas itu nyatalah bahawa Kementerian Buruh mempunyai dua program yang besar:

- (1) mengadakan program latihan kemahiran dan
- (2) mengadakan khidmat pekerjaan untuk mengatasi soal pengangguran.

Kadar pengangguran negara pada tahun 1983 ialah 6.0% dan pada tahun 1984 kadar pengangguran dianggarkan turun kepada 5.9%.

PENSWASTAAN UNIVERSITI- UNIVERSITI

27. Dr Chan Man Hin minta Menteri Pelajaran menyatakan memandangkan kepada hakikat kos pelajaran kian meningkat serta pengharapan ibubapa untuk anak-anak mereka juga kian meningkat, sama ada penswastaan pelajaran akan digalakkan untuk memudahkan penubuhan kolej-kolej dan universiti-universiti yang ditaja oleh sektor swasta supaya dapat memperuntukkan tempat yang lebih kepada pelajar-pelajar yang layak.

Datuk Dr Sulaiman bin Haji Daud: Tiada cadangan untuk menswastakan universiti kerana Kerajaan sendiri sudah menubuhkan institusi-institusi pengajian tinggi seperti ini.

Pada tahun yang sudah dan tahun ini, dua buah universiti telah pun didirikan setakat ini. Kedua-dua universiti tersebut akan menambahkan kemasukan seramai kira-kira 3,000 pelajar pada tahun 1995, manakala universiti-universiti yang sedia ada akan juga menambahkan kemasukan mereka—dijangka saiz kemasukan

pada 1995 ialah kira-kira 14,000 pelajar setahun ataupun kira-kira 15% jumlah lulusan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) pada masa itu.

ELEKTRIK DI PADANG RENGAS—BEKALAN

29. Dato' Haji Saidin bin Haji Mat Piah minta Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar menyatakan benarkah beberapa projek Elektrik atau Bekalan api yang sudah dirancang untuk dilaksanakan pada tahun 1984 ini khususnya di kawasan Parlimen Padang Rengas terpaksa dibekukan kerana kekurangan peruntukan; jika benar:

- (a) nyatakan nama-nama projek Bekalan api yang terpaksa dibekukan itu. Dan nyatakan projek-projek yang akan dilaksanakan dalam tahun 1984; dan
- (b) bilakah projek-projek yang dibekukan itu akan dilaksanakan sepenuhnya.

Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar (Dato' Sanusi Junid):

- (a) Peruntukan kewangan bagi Projek Bekalan Elektrik Luar Bandar bagi tahun 1984 untuk Negeri Perak hanya cukup untuk membiayai projek-projek yang ditunda ke hadapan dari senarai asal projek tahun 1983. Ini adalah disebabkan kos bagi projek-projek yang dicadangkan untuk dilaksanakan pada tahun 1983 ini terpaksa ditunda serta diberi keutamaan dalam tahun 1984. Ini adalah sejajar dengan keputusan yang telah dibuat oleh Kerajaan iaitu menyediakan peruntukan bagi projek-projek yang sedang berjalan dan terikat dari segi kewangan.

(b) Mengikut senarai Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Keempat, projek-projek seperti yang disenaraikan di bawah ini telah

dirancang untuk dilaksanakan pada tahun 1984. Projek-projek ini ialah :

<i>Nama Projek</i>	<i>Bilangan Kampong</i>	<i>Bilangan Pengguna</i>	<i>Anggaran Kos (\$)</i>
1. Kampong Labit	1	40	319,100
2. Kampong Padang Luas, Kampong Ceraku	2	33	193,430
3. Kampong Pulai, Kampong Ara Panjang	2	177	384,840
4. Kampong Terap	1	32	50,260
	<u>6</u>	<u>282</u>	<u>947,630</u>

Sungguhpun begitu oleh kerana ketiadaan peruntukan, kesemua projek-projek ini terpaksa ditangguhkan. Ini bukan sahaja terjadi bagi Kawasan Parlimen Padang Rengas malah boleh dikatakan melibatkan semua daerah pentadbiran dan kawasan-kawasan Parlimen.

(a) Cadangan projek-projek yang akan dilaksanakan pada tahun 1984 telah dirujuk kepada pihak berkuasa perancangan Negeri Perak. Kerajaan Negeri Perak telahpun mengemukakan senarai baru yang telah diperseujui oleh mereka. Dan mengikut senarai itu tidak ada projek di kawasan Parlimen Padang Rengas yang ditunda dari tahun 1983. Ahli Yang Berhormat adalah dinasihatkan supaya berhubung dengan pihak yang berkenaan di peringkat negeri bagi menentukan projek-projek itu kerana penentuan projek adalah dibuat oleh negeri sementara Kementerian menyalurkan peruntukan kewangan setelah peruntukan itu diperolehi dari Kerajaan Pusat.

(b) Setakat ini belum ada ketetapan yang diperolehi dari segi peruntukan kewangan yang akan didapati pada tahun-tahun berikutnya. Oleh itu tidaklah dapat dinyatakan bilakah projek-projek yang dibekukan itu akan dapat dilaksanakan. Tetapi sudah tentu projek-projek itu akan diberi keutamaan.

CUKAI EKSPORT LADA SARAWAK

30. Tuan Richard Dampeng Laki meminta Menteri Kewangan menyatakan jumlah hasil dan cukai yang dikutip dari pengeksportan lada negeri Sarawak dan sama ada terdapatnya cadangan-cadangan untuk mengurangkan atau menghapuskan sama sekali cukai eksport yang dikutip dari pengeksportan lada negeri Sarawak serta pengurangan cukai import ke atas baja untuk menggalakkan penanaman lada yang mana pada masa kini kelihatan sebagai satu industri yang mundur. Jika ya, bila. Jika tidak, mengapa.

Menteri Kewangan (Tengku Tan Sri Razaleigh Hamzah): Jumlah hasil duti eksport ke atas lada yang dipungut dari negeri Sarawak adalah seperti berikut :

<i>Tahun</i>	<i>Jumlah Pungutan</i>
1980	\$5,312,585
1981	195,686
1982	23
1983	913,959

Pada masa ini Kerajaan tidak bercadang untuk menghapuskan duti eksport ke atas lada. Walau bagaimanapun untuk makluman Ahli Yang Berhormat Kerajaan sejak tahun 1979 telahpun mengurangkan duti eksport atas lada sebanyak tiga kali dengan pengurangan terakhir dibuat dalam Belanjawan yang lalu. Pengurangan duti ini adalah dibuat dengan menaikkan harga permulaan lada berasaskan kepada kenaikan kos pengeluaran barangan tersebut. Harga permulaan

sekarang bagi maksud mengira duti eksport ialah \$3,000 setan bagi lada hitam dan \$3,500 setan bagi lada putih. Mengenai duti import atas baja pula, perlulah dijelaskan bahawa tidak semua baja yang diimport tertakluk kepada duti import. Duti import hanya dikenakan kepada baja-baja yang ada dikeluarkan di dalam negeri dengan tujuan untuk melindungi perusahaan baja tempatan. Walau bagaimanapun sekiranya Yang Berhormat berpendapat ada jenis-jenis baja yang tertentu yang digunakan hanya untuk tanaman lada dan perlu dihapuskan cukainya, Yang Berhormat bolehlah mengemukakan cadangan tersebut untuk dipertimbangkan oleh Kementerian saya.

EKSPORT KAYU GETAH

31. Tuan Haji Azharul Abidin bin Haji Abdul Rahim minta Menteri Perusahaan Utama menyatakan:

- (a) berapa materik tan kayu getah yang telah diproses telah dieksport ke luar negeri;
- (b) berapa jenis barangan yang boleh dibuat daripada kayu getah yang telah diproses ini; dan
- (c) nyatakan sambutan daripada pembuat-pembuat perabot dalam menggunakan kayu getah yang telah diproses.

Menteri Perusahaan Utama (Dato' Paul Leong Khee Seong): Perangkaan menunjukkan bahawa kayu getah telah mula dieksport semenjak tahun 1979. Walaupun ianya diproses untuk dijadikan berbagai jenis keluaran kayu tetapi kayu gergaji merupakan bentuk utama yang dieksport. Dari tahun 1979 hingga tahun 1983, sejumlah 130,419 meter padu kayu getah gergaji telah dieksport bernilai \$38.43 juta. Negara-negara pengimport utama ialah Singapura, Jepun, Taiwan, Korea, Republik Rakyat China, Belanda dan Denmark.

Kayu getah yang telah diproses boleh dijadikan berbagai jenis keluaran kayu di antaranya untuk membuat perabot dan perhiasan,

bahan parket (parquet) dan lantai; rangka pintu dan tingkap; panel untuk dinding dan siling; bahan kotak kayu, pak dan pallet; papan serpai (particle board); papan gentian (fibreboard); papan simen kayu (wood cement board); papan blok (block board); barang permainan, barang cenderamata (novel items); pulpa dan kertas; dan rayon.

Pada akhir tahun 1983, didapati 30 buah kilang menggunakan kayu getah sebagai bahan mentah berbanding dengan 24 buah dalam tahun 1982. Sebahagian besar dari pengeluaran kilang-kilang ini digunakan untuk membuat perabot. Eksport kayu getah gergaji di akhir tahun 1983 bernilai \$16.7 juta berbanding dengan nilai eksport sebanyak \$0.14 juta dalam tahun 1979. Pertambahan kilang yang mengguna dan memproses kayu getah, dan nilai eksport yang makin meningkat menunjukkan kayu getah telah mula digunakan dengan meluas dan mendapat pasaran baik di dalam dan di luar negeri.

PENDATANG HARAM INDONESIA—WANG UGUTAN

32. Tuan Ng Cheng Kuai minta Menteri Dalam Negeri menyatakan:

- (a) sama ada beliau sedar pendatang-pendatang haram Indonesia dipaksa membayar wang ugutan kepada sindiket-sindiket yang mengeksploitasikannya kerana tidak memiliki Kad Pengenalan; dan
- (b) sama ada pihak Kerajaan telah mengenalpasti penganjur-penganjur sindiket yang berkenaan.

Tuan Mohd. Kassim bin Ahmed:

- (a) Kerajaan tidak sedar mengenai pendatang-pendatang haram yang dipaksa membayar wang ugutan kepada sindiket-sindiket kerana kedatangan mereka ke negara ini adalah secara haram.
- (b) Kerajaan belum lagi mengenalpasti sindiket-sindiket yang dimaksudkan itu. Walau bagaimanapun Kerajaan akan terus

mengambil tindakan tegas mengikut undang-undang Imigeresen terhadap pendatang-pendatang haram dan juga sindiket-sindiket yang terlibat.

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG KESELAMATAN SOSIAL PEKERJA (PINDAAN)

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atas masalah, "Bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang." (23hb Mac, 1984)

Tuan Yang di-Pertua: Saya mempersilakan Yang Berhormat dari Kepong menyambung.

3.35 ptg.

Dr Tan Seng Giaw (Kepong): Tuan Yang di-Pertua, pada hari Jumaat yang lalu saya mengalu-alukan cadangan untuk melibatkan mereka yang memperoleh gaji di antara \$500 hingga \$1,000 sebulan juga di dalam skim PERKESO, tetapi ingin menegaskan bahawa selagi kedua-dua sungutan utama yang telah saya nyatakan tidak di atasi, perkhidmatan sosial yang sepatutnya diberikan akan hanya merupakan satu impian sahaja.

Tuan Yang di-Pertua, ketidakadilan adalah begitu jelas di hadapan kita dan telah wujud sejak PERKESO diwujudkan pada tahun 1971. Saya ingin juga membangkitkan beberapa perkara lagi yang telah dibangkitkan 7 tahun yang lalu oleh Majlis Penasihat kepada Pertubuhan Buruh Antarabangsa yang telah diabaikan oleh Kerajaan. Di antara lain Majlis ini telah mengesyorkan bahawa jangka masa 4 hari sebelum bayaran pampasan dituntut oleh si pekerja dimansuhkan. Menurut mereka, jangka masa sedemikian tidak

pernah diadakan di bawah Ordinan yang lama dan tidak memainkan apa-apa peranan.

Sebenarnya PERKESO patut telah memperkenalkan faedah-faedah bersalin dan penyakit semasa jangka masa Rancangan Malaysia Ketiga bagi tahun 1976 hingga 1980, tetapi masih belum berbuat demikian. Juga kononnya Kerajaan telah dijangka menguruskan PERKESO selama hanya beberapa tahun dan selepas itu mengubahkannya menjadi sebuah Badan Berkanun. Sehingga hari ini PERKESO masih berada di bawah urusan Kerajaan. Ini adalah satu sikap tangguh-menangguh, sikap acuh tak acuh.

Tuan Yang di-Pertua, saya hendak membangkitkan satu sisipan di sini. Kesemua kejadian ini berlaku di Negeri Kelantan, kesemua 40 kilang papan yang menjadi Ahli Persatuan Kilang Papan Kelantan akan memberi notis pemberhentian kerja kepada kira-kira 24,000 orang pekerja pada 1hb Mei tahun ini kerana mereka terpaksa menutup kilang berikutan kekurangan bekalan kayu balak. Di sinilah saya hendak menekankan bahawa pihak Kementerian Buruh janganlah melakukan sikap tangguh-menangguh dan acuh tak acuh lagi seperti yang berlaku dengan PERKESO dan tindakan-tindakan mencegah seharusnya diambil terlebih dahulu sebelum peristiwa-peristiwa yang tidak diinginkan berlaku, termasuk pengangguran pekerja-pekerja yang saya sebutkan tadi di Negeri Kelantan.

Tuan Yang di-Pertua, menyokong cadangan Yang Berhormat dari Kuala Lumpur Bandar bahawa PERKESO patut dijadikan sebagai sebuah Badan Berkanun untuk memastikan keharmonian di dalam industri dan penyertaan lebih banyak majikan pekerja, malah Persekutuan Majikan-majikan Malaysia sendiri telah mencadangkan perkara ini baru-baru ini. Menurutnyanya ini dapat membolehkan PERKESO lebih menyedari dan dapat menyesuaikan diri dengan hakikat-hakikat kehidupan industri.

Dengan cara demikian faedah-faedah disediakan terutama sekali pemulihan fizikal dan pekerjaan dan faedah-faedah anggota-anggota tiruan. Skopnya juga dapat diperluaskan untuk meliputi elau kehadiran biasa, mengelakkan kemalangan dan memajukan kesihatan dan mendirikan sebuah pusat kesihatan pekerja terutama sekali memandangkan jumlah caruman adalah begitu banyak. Laporan PERKESO tahun 1981 sendiri telah mengaku bahawa kemalangan yang tertinggi sekali telah dicatatkan di dalam perusahaan perkilangan iaitu 53.1% daripada jumlah kemalangan. Sekian, terima kasih.

3.42 *ptg.*

Tuan Fung Ket Wing (Sandakan): Tuan Yang di-Pertua, fasal 15 Rang Undang-undang ini memperuntukan di antara lain kenaikan kadar harian jumlah faedah hilang upaya langsung yang kekal dari enam puluh kepada tujuh puluh peratus.

Timbalan Menteri Buruh ketika membentangkan Rang Undang-undang ini pada hari Jumaat lalu telah menyebut bahawa Rang Undang-undang ini akan memperuntukkan kenaikan minima dalam bayaran wang tunai dari \$2.50 sehari kepada \$8.00 sehari yang merupakan kenaikan sebanyak 220%. Kadar baru ini akan digunakan untuk bayar faedah hilang upaya yang kekal dan sementara, pencen penakat dan faedah orang tanggungan serta pencen keilatan.

Menurut laporan-laporan, SOCSO telah mengumpul sebanyak \$800 juta sehingga penghujung tahun 1983 sejak penubuhannya dalam tahun 1971. Dalam tempoh yang sama, pembayaran yang dibuat oleh SOCSO dalam bentuk pencen keilatan, pencen penakat dan bencana kerja adalah kurang daripada 10%. Disebabkan ini, SOCSO telah dinamakan sebagai "Agensi Membuat Wang" dan bukan sebuah agensi kebajikan untuk para pekerja.

Sungguhpun pindaan-pindaan baru ini memperuntukkan beberapa perubahan untuk pada pekerja, namun ia

adalah tidak mencukupi. Yang Berhormat Timbalan Menteri ketika membentangkan Rang Undang-undang ini telah gagal menyatakan jumlah pendapatan SOCSO dijangka akan menerima selepas pindaan-pindaan ini dikuatkuasakan.

Pindaan baru juga bertujuan melanjutkan pemakaian Akta tersebut kepada orang-orang yang berpendapatan \$1,000 sebulan dan kurang. Ini akan bermakna SOCSO akan selepas pindaan-pindaan ini diluluskan menambahkan keahlian serta carum-carumnya beberapa kali ganda.

Mengikut pengalaman pada masa-masa lampau, SOCSO telah membayar kurang 10% daripada pendapatan yang diperolehinya sebagai faedah kepada orang-orang yang berinsurans dengannya. Kenaikan-kenaikan yang dicadangkan dalam Rang Undang-undang ini tidak akan menghasilkan kebaikan yang distinct bagi pekerja-pekerja.

Kerajaan haruslah menyedari bahawa hasil yang diperolehi dari pelaburan hendaklah digunakan untuk membantu pekerja-pekerja yang memerlukan bantuan. Pertimbangan harus juga diberi oleh Kerajaan kepada keadaan inflasi yang menjejaskan kehidupan orang-orang yang berfaedah daripada SOCSO, khasnya mereka yang berpendapatan rendah yang tidak berupaya menyimpan wang mereka. Apabila bencana atau kecederaan menimpa seorang pekerja, keluarganya juga akan turut menderita. Maka kami dari DAP mencadangkan bahawa bayaran sekali gus atau lump sum payments dibuat berasas kepada gaji yang diterima oleh seorang pekerja, 5 tahun sebelum bencana atau kecederaan menimpanya bersama-sama dengan pencen bulanan seperti diperuntukkan dalam Rang Undang-undang Pindaan supaya membolehkan mereka mengatasi sebarang kesusahan yang timbul serta membolehkan survivorsnya terus hidup. Juga sudahlah sampainya masa bagi SOCSO memperkenalkan faedah-faedah gangguan kepada ahli-ahlinya memandangkan kadar pengangguran negara kita adalah rendah.

Para pekerja kini adalah layak menerima bayaran bencana kerja atau pencen ilat hanya selepas mencarum 36 bulan berturut-turut kepada SOCSO. Ini adalah tidak adil sama sekali kepada para ahli. Kerajaan hendaklah membuat pindaan supaya perlindungan diberi dengan serta-merta kepada pekerja-pekerja seperti dilakukan oleh syarikat-syarikat insurans yang melindungi dengan serta-merta orang-orang yang tercedera atau ilat.

Fasal 5 Rang Undang-undang ini bertujuan membuat peruntukan bahawa seorang anak lelaki sah taraf atau anak angkat lelaki sah di sisi undang-undang atau seorang anak perempuan sah taraf yang belum bersuami atau seorang anak angkat perempuan yang sah di sisi undang-undang yang belum bersuami sehingga ia berumur genap 16 tahun atau sehingga ia berkahwin mengikut mana yang lebih awal berhak menerima pencen penakat, dan pertubuhan boleh terus membayar pencen itu kepada mana-mana anak lelaki sah taraf atau anak angkat lelaki atau anak perempuan sah taraf yang belum bersuami sehingga ia berumur genap 18 tahun jika dia masih meneruskan pelajaran hingga memuaskan hati pertubuhan. Cadangan ini adalah tidak adil bagi anak-anak takatnya kerana pada umur 16, mereka adalah masih kecil lagi. Saya mencadangkan supaya had ini dilanjutkan kepada umur 18 tahun.

Fasal 12 Rang Undang-undang ini bertujuan meminda seksyen 96A (1) Akta Keselamatan Sosial 1969 supaya seseorang tanggungan tidaklah berhak menerima bagi tempoh yang sama dan berkenaan dengan orang berinsurans yang sama.

- (a) pencen penakat dan faedah orang tanggungan; atau
- (b) pampasan di bawah peruntukan-peruntukan Akta Pampasan Orangkerja 1952 dan juga pencen penakat.

Fasal 14 Rang Undang-undang ini pula menggariskan kadar carum bagi kategori pertama, kedua dan ketiga.

Para pekerja atau orang-orang yang berinsurans adalah dikehendaki mencarum untuk keilangan dan bencana kerja sahaja.

Orang-orang tanggungan tidaklah berhak menerima pencen penakat dan faedah orang tanggungan bagi orang berinsurans yang sama sedangkan seorang pekerja dikehendaki mencarum kepada kedua-dua kategori. Ini adalah tidak adil.

Saya dengan seriusnya mencadangkan supaya SOCSO hendaklah menyatukan berbagai-bagai jenis pencaruman itu supaya hanya akan wujud satu jenis pencaruman di mana pencaruman akan dibuat oleh majikan sahaja dan kadar pencaruman hendaklah 1¼% bagi seorang pekerja. SOCSO juga hendaklah melindungi para pekerja bukan sahaja semasa waktu bekerja tetapi sepanjang 24 jam sehari.

Semua pekerja yang dilindungi oleh skim SOCSO ini hendaklah apabila dimasukkan ke dalam hospital layak menerima rawatan di wad kelas dua sekurang-kurangnya dalam mana-mana hospital Kerajaan. Segala perbelanjaan yang ditanggung termasuk rawatan kepakaran hendaklah ditanggung sepenuhnya oleh SOCSO.

Tuan Yang Dipertua: Ahli Yang Berhormat dari Jelutong.

3.53 *ptg.*

Tuan Karpal Singh (Jelutong): Tuan Speaker, skim PERKESO telah menjadi suatu hal kontroversi semenjak penubuhannya. Skim ini tidak membawa faedah kepada pekerja-pekerja seperti diharapkan. Skim ini telah mengutip \$243 juta sebagai bayaran dalam sepuluh tahun semenjak penubuhan, tetapi hanya mengeluarkan \$17 juta sebagai faedah iaitu kurang daripada 10% bayaran yang diterima.

Skim ini hendak membawa faedah kepada pekerja-pekerja dengan sebab skim ini dirancang pada halnya untuk membawa faedah kepada mereka. Bayaran tunai kepada pekerja-pekerja yang menjadi mangsa telah menghairankan bukan sahaja orang-orang

biasa, tetapi juga intelek-intelek. Pada 14hb Mac 1984 dalam Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur, Tuan Hakim Mohamed Azmi menyatakan hairan seorang pekerja perempuan yang hilang satu ibu jari dan tiga jari lain tangan kanannya hanya diberi \$1,028 bagi tempoh dua tahun dengan kadar \$1.50 sen sehari di bawah Akta Keselamatan Sosial Pekerja. Tuan Hakim Mohamed Azmi menyatakan mesti ada kesilapan di mana-mana dan juga menyoalkan bayaran rendah bagi kecederaan parah.

Tambah juga Hakim itu komenkan bahawa Akta itu baik dengan sebab Akta itu meliputi semua pekerja tanpa mengira tanggungan, tetapi apa yang tidak patut ialah, dengan izin, "quantum" ganti rugi. Tambah lagi Hakim itu menyatakan beliau telah pun mendengar serba sedikit kes-kes kecederaan perindustrian tetapi dengan sebab buktinya beliau telah pun menolak tuntutan-tuntutan dan tambah lagi tujuan Akta itu ialah menentukan tiap-tiap seorang pekerja menerima ganti rugi tanpa mengira pekerja salah atau tidak. Tuan Hakim Mohamed Azmi juga mencadangkan cara yang baik untuk membetulkan keadaan ini ialah dengan merayu kepada Parlimen, supaya menaikkan "quantum" ganti rugi.

Saya rasa gembira Tuan Hakim Mohamed Azmi menerangkan pandangan-pandangan beliau atas perkara bayaran tidak mencukupi bagi pekerja-pekerja mangsa kecederaan di bawah PERKESO hingga selama-lamanya. Saya harap Hakim-hakim dalam negeri akan membut teguran atas mana-mana satu Undang-undang yang tidak mengandungi bahan-bahan utama keadilan dan kesaksamaan.

Saya juga mengaku mengikut, dengan izin, Doctrine of Separation of Powers. Hakim-hakim terpaksa mengenalkan Undang-undang dilulus oleh Parlimen dan bukan ditugaskan menggubal Akta-akta. Tetapi Hakim-hakim ada mempunyai hak membuat komen atas Undang-undang yang tidak

patut, dan dengan sebab itu perlu diubahsuai oleh Badan-badan Unit dangan.

Tuan Speaker, pindaan-pindaan kepada PERKESO akan menaikkan bayaran tunai sebanyak 220% iaitu dari bayaran \$2.50 sen kepada \$8.00 sehari. Yang Berhormat Timbalan Menteri Buruh menyatakan ini ialah sama dengan bayaran \$342 sebulan. Tetapi memandangkan kepada kadar inflasi sekarang, kadar bayaran ini tidak mencukupi khasnya di mana seorang pekerja itu ada mempunyai isteri dan kanak-kanak bersekolah.

Tuan Speaker, sungguhpun pindaan-pindaan dicadang akan dikenakan kepada mereka yang mendapat gaji \$1,000 atau kurang sebulan, lebih baik jika pekerja-pekerja dimasuk dalam skim ini tanpa mengira gaji. Terdapat ramai pekerja perindustrian dengan sebab mempunyai pakaran yang dapat gaji lebih daripada \$1,000 sebulan. Pekerja-pekerja ini juga menghadapi bahaya. Dengan sebab PERKESO itu ialah skim, dengan izin, "no fault liability" mustahaklah skim itu meliputi semua pekerja tanpa mengira had gaji bulanan.

Sungguhpun seorang pekerja itu boleh dapat wang pampasan dengan kadar tinggi jika pekerja membawa perkara itu ke Mahkamah mengikut Undang-undang biasa, dengan izin, Common Law, pekerja itu terpaksa membuktikan majikan itu lalai dan ialah perkara susah payah membuktikan kadangkala dan ini ialah perkara susah dan akibatkan dengan pekerja terlibat ataupun anak buah kalah dalam kes itu dan juga kena memikul beban berat kos dalam kes itu.

Keadaan kekeliruan sekarang dalam hal ini mengikut "common law" boleh diselesaikan dengan kadar bayaran tinggi dan lingkungan had gaji yang luas tanpa mengira gaji bulanan.

Saya juga suka menyebut di sini tentang suara orang ramai yang kedengaran baru-baru ini mengenai mangsa-mangsa kemalangan jalan raya dimangsakan lagi oleh peguam-peguam mengambil satu bahagian besar wang pampasan.

Terdapatnya beberapa orang peguam terlibat dalam perkara buruk seperti itu. Kita tiada dapat menafikan ada golongan peguam mempunyai sikap tamak dalam hal ini. Untuk kepentingan orang ramai baiklah kita merangka satu skim untuk menghapuskan kegiatan-kegiatan buruk seperti itu.

Satu cara ialah mengenalkan sistem tiada tanggungan salah, dengan iizn, "No Fault Liability Sistem" seperti contoh dari New Zealand.

Saya telah pun membangkitkan perkara ini beberapa kali dalam Dewan ini. Saya rasa kesal Kerajaan memutuskan untuk tiada mengenalkan sistem New Zealand itu dalam negara ini.

Saya merayu lagi sekali kepada pihak Kerajaan untuk menimbang semula pengenalan sistem New Zealand No Fault Liability bagi kes-kes kemalangan jalan raya dengan perubahan-perubahan sesuai.

Jika sistem itu dikenalkan, masukkan dan dilangsungkan di New Zealand secara aktif, saya tidak faham mengapa sistem ini tiada boleh dikenalkan di negara ini.

4.01 ptg.

Tuan Chan Kok Kit (Sungai Besi): Tuan Yang di-Pertua, Rang Undang meminda Akta Keselamatan Sosial Pekerja 1969 telah pada akhirnya ditentang di dalam Dewan yang mulia ini.

Pakar-pakar keselamatan sosial pekerja telah mengambil masa hampir 7 tahun untuk mengkajikannya semula dan hasilnya ialah Rang Undang-undang ini.

Tuan Yang di-Pertua, dari tahun 1971 hingga 1980 kira-kira \$243 juta telah dikutip oleh SOCSO dan pada masa yang sama sejumlah \$23.5 juta telah dibayar sebagai faedah kepada pekerja-pekerja.

Setakat 1980, sejumlah 90.5% telah dilaburkan oleh SOCSO dalam bon-bon Kerajaan. Saya difahamkan pada masa sekarang, SOCSO telah mengutip sebanyak kira-kira \$800 juta dan bayaran yang dibuatkannya kepada para pekerja adalah kurang dari 10%.

Tuan Yang di-Pertua, pindaan-pindaan yang dicadangkan dalam Rang Undang-undang ini adalah kurang memuaskan kerana ia tidak memberikan faedah-faedah yang cukup yang akan menguntungkan kaum pekerja dalam erti kata sebenarnya.

Fasal 15 Rang Undang-undang ini, di antara lain memperuntukkan kenaikan kadar harian jumlah faedah hilang upaya kekal dari 60% kepada 70%. Selain daripada membayar faedah hilang upaya, Kerajaan hendaklah juga membuat peruntukan untuk mengadakan bayaran sekali gus berdasarkan kepada jumlah gaji selama 5 tahun atau "lump sum payment of 5 years wages" kepada mereka yang mengalami hilang upaya kekal.

Ini adalah wajar kerana dengan menerima bayaran "lump sum" seumpama itu mereka akan dapat melaburkannya atau menyimpannya dalam bentuk simpanan tetap di dalam bank-bank.

Dalam pada ini tanggungjawab SOCSO hendaklah tidak terbatas kepada membuat bayaran sahaja. Ia juga hendaklah mengadakan rancangan pemulihan bagi orang-orang yang telah hilang upaya atau ilat supaya mereka dapat menjalani latihan untuk membolehkan mereka menjalankan perniagaan-perniagaan kecil ataupun cottage industry.

Di negara-negara lain di mana terdapat pertubuhan-pertubuhan keselamatan sosial pekerja, pertubuhan-pertubuhan tersebut menyumbangkan ke arah pembangunan perkhidmatan-perkhidmatan sosial seperti mendirikan tadika, pusat asuhan kanak-kanak iaitu "nurseries", pusat sosial, pejabat pekerjaan dan ia juga menyediakan pembantu-pembantu rumah atau "home helps" untuk menjaga kanak-kanak ketika ibu bapa mereka keluar bekerja.

Para pekerja berhak menikmati faedah dari perkhidmatan-perkhidmatan sosial seumpama itu yang telah berjalan dengan jayanya di negara-negara lain.

Malangnya, pihak SOCSO di negara ini tidak mempunyai imaginasi untuk mengadakan perkhidmatan-perkhidmatan sosial seumpama itu di negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, Fasal 13 bertujuan melanjutkan pemakaian Akta tersebut kepada orang-orang yang berpendapatan \$1,000 sebulan atau kurang. Sebenarnya Akta ini hendaklah dipinda untuk melindungi setiap pekerja dan bukan hanya terhad kepada mereka yang berpendapatan \$1,000 sebulan atau kurang.

Saya juga syorkan supaya SOCSO hendaklah melindungi para pekerja bukan sahaja semasa waktu bekerja tetapi juga semasa waktu makan dan apabila mereka berulang alik dari rumah ke tempat kerja mereka.

Selanjutnya seseorang pekerja hendaklah berhak menikmati faedah-faedah sebaik sahaja ia menjadi ahli SOCSO seperti dilakukan oleh Syarikat-syarikat insurans di mana apabila seseorang yang membuat bayarannya yang pertama ia diberi perlindungan secara automatik.

Pada masa sekarang seseorang hanya berhak menerima pencen ilat sekiranya ia telah menyumbang secara terus menerus untuk 36 bulan. Disebabkan SOCSO ditubuhkan oleh Kerajaan, maka Kerajaan hendaklah menunjukkan contoh teladan yang baik dan janganlah ia menggunakan SOCSO untuk kepentingannya sendiri

Tuan Yang di-Pertua, SOCSO hendaklah diperluaskan untuk melindungi pekerja-pekerja dalam bidang pertanian dan nelayan-nelayan.

Di Poland umpamanya petani-petani yang "self-employed" pun dilindungi oleh undang-undang keselamatan sosial.

Juga saya rasa masa telah tiba bagi mengenakan elaun pengangguran bagi mereka yang menganggur. Juga faedah kerana tua atau "old age benefits" harus juga dibayar kepada mereka yang telah tua oleh SOCSO. Negara-negara yang mengamalkan jenis pencen ini melalui pertubuhan keselamatan sosial ialah Jepun, Jordan, Mesir, Pakistan, Kanada dan lain-lain.

SOCSO juga hendaklah memperkenankan faedah-faedah lain untuk para pekerja seperti elaun pemulihan bagi mereka yang menjalani pemulihan. Ia juga hendaklah menanggung kos membeli alat-alat "artificial limbs" bagi ahli-ahli yang hilang anggota.

SOCSO boleh dan harus memainkan satu peranan yang lebih aktif dan bermakna dan bukan sekadar mengutip wang dari para pekerja dan majikan dan kemudian melaburkannya dalam bon-bon Kerajaan. Skop keselamatan sosial adalah luas dan SOCSO hendaklah diperbaiki untuk memberi faedah dan manfaat yang lebih kepada para pekerja.

Saya juga mengambil kesempatan ini untuk mencadangkan agar SOCSO dijadikan sebuah badan berkanun seperti berlaku di negara-negara lain supaya ia dapat memainkan peranan yang lebih berkesan dan positif.

Akhirnya, suka saya mencadangkan bahawa seorang pekerja haruslah diberi peluang untuk membuat pilihan sama ada ia ingin menyaman majikannya dalam sebuah mahkamah menurut "Common Law". Kita sedar bahawa pampasan wang diberi oleh sebuah mahkamah undang-undang menurut "Common Law" adalah jauh lebih tinggi daripada apa yang dibayar oleh SOCSO.

Baru-baru ini kita telah membaca dalam suratkhbar mengenai satu kes yang melibatkan di mana Cik Rathina telah dibayar pampasan sebanyak \$1,028 sekadar \$1.50 sehari untuk selama tempoh dua tahun di bawah Akta Keselamatan Sosial Pekerja kerana hilang ibu jari dan tiga jari lainnya.

Tuan Yang di-Pertua, sepertimana didakwa oleh Peguam Cik Rathina \$1.50 sehari tidak cukup untuk membeli tiga cawan kopi. Dan Hakim Azmi Kamaruddin yang mendengar kes tersebut telah menyebut bahawa sesuatu yang tidak kena dengan SOCSO, something is wrong with SOCSO, dengan izin. Dan beliau selanjutnya berkata quantum yang dibayar itu adalah buruk. Menurut Peguam Cik Rathina sekiranya Cik Rathina dibenarkan membawa kesnya ke Mahkamah, mungkin dia boleh dapat pampasan kira-kira \$74,000. Di sinilah letaknya ketidakadilan yang dilakukan oleh SOCSO. Dan saya menggesa sekali lagi supaya seorang pekerja diberi hak untuk membawa kesnya ke mahkamah sekiranya ia tidak puas hati dengan apa yang dibayar oleh SOCSO. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Saya minta jangan ulangkan point-point yang telah pun diucap oleh Ahli-ahli Yang Berhormat yang lain-lain.

4.13 ptg.

Tuan Quah Wee Liam (Kluang): Tuan Yang di-Pertua, saya dengan segala hormatnya bangun untuk membahaskan pindaan-pindaan kepada Akta Keselamatan Sosial Pekerja Tahun 1969. Pindaan-pindaan kepada Akta ini telah lama mati tempohnya dan perlu dikemukakan dalam masa sekarang.

PERKESO dalam pendeknya adalah salah satu jabatan Kerajaan yang ditubuhkan dengan tujuannya memberi faedah-faedah kepada para pekerja di negara kita. Skim PERKESO adalah khas untuk pekerja-pekerja berpendapatan bulanan sebanyak \$500 dan ke bawah. Begitu juga syarikat-syarikat yang kurang daripada lima pekerja tidak perlu mengambil bahagian dalam PERKESO.

Tuan Yang di-Pertua, saya amat gembira kerana Kerajaan mencadangkan beberapa pindaan-pindaan kepada Akta PERKESO. Antaranya ialah carum-carum kepada PERKESO

dilanjutkan kepada perkerja-pekerja dengan pendapatan bulanan \$1,000. Pindaan ini akan memberi faedah-faedah kepada golongan pekerja-pekerja yang lebih besar.

Tuan Yang di-Pertua, PERKESO mengadakan dua skim insuran, iaitu skim keilangan dan skim bencana kerja. PERKESO menerima bayaran dari majikan sahaja bagi skim bencana kerja dan dari majikan serta pekerja-pekerja bagi skim keilangan. Di bawah skim keilangan majikan dikehendaki membuat caruman sebanyak 1.25% gaji setiap pekerja kepada PERKESO dan jika sesuatu bencana kerja berlaku pekerja yang terlibat akan mendapat kompensasi harian dalam bentuk wang tunai sebanyak 70% daripada gaji bulanan. Purata dibahagikan dengan 30 hari bagi masa ia hilang upaya. Akan tetapi bayaran kompensasi harian hanya bermula empat hari selepas hilang upaya berlaku. Jika tempoh masa hilang upaya adalah kurang dari 14 hari.

Tuan Yang di-Pertua, pindaan yang dicadangkan mengurangkan tempoh kelayakan berkenaan dengan faedah hilang upaya sementara dari 14 hari kepada 5 hari akan diterima dengan sepenuh-penuhnya oleh pekerja-pekerja. Tetapi saya berharap Kerajaan akan menimbang cadangan saya iaitu tempoh dikurangkan lagi kepada dua hari atau satu hari untuk memberi faedah kepada pekerja-pekerja yang terlibat. Skim keilangan yang diadakan pada tahun 1974 bertujuan melindungi pekerja-pekerja daripada keilangan yang disebabkan oleh bencana kerja atau penyakit. Pencen akan diberi kepada pekerja yang dianggap seorang ilat jika ia tidak boleh memperoleh 1/3 pendapatan biasanya. Akan tetapi pekerja-pekerja menghadapi satu masalah yang besar iaitu mereka hanya boleh membuat tuntutan dari PERKESO jika mereka telah membuat caruman terus-menerus 36 bulan. Jika mereka tidak layak, maka mereka akan dibayar balik segala carum-carum kepada PERKESO dengan faedah.

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada masalah ini pekerja-pekerja juga menghadapi masalah-masalah yang lain, seperti lewat membuat bayaran kompensasi dan pencen dan banyak red-tape, dengan izin, Tuan Yang di-Pertua. Oleh yang demikian, hanya sangat kecil bilangannya pekerja-pekerja mendapat faedah di bawah skim keilatan.

Untuk makluman, Tuan Yang di-Pertua, dalam tiga tahun yang pertama, tahun 1974 hingga 1976 tidak seorang langsung yang dapat mendapat faedah dari PERKESO di bawah skim keilatan walaupun PERKESO telah kutip sebanyak \$29 juta. Pencen yang dibayar oleh PERKESO di bawah skim ini pada tempoh 1974 hingga 1978 adalah hanya \$3,867.20. Tetapi caruman-caruman di kutip ialah \$60 juta. Dalam tahun 1981 jumlah \$37,161,510 telah dikutip, tetapi PERKESO hanya membayar \$80,795 sahaja. Faedah-faedah dari PERKESO adalah hanya 10% dari caruman-caruman dikutip. Dan oleh yang demikian PERKESO boleh meninggikan kadar-kadar bagi pencen hilang upaya sementara dan hilang upaya langsung yang kekal dibandingkan dengan pendapatan dari investment dan asset tahunan, dengan izin, Tuan Yang di-Pertua. PERKESO dengan mudahnya boleh membayar 10 kali ganda kepada faedah-faedah yang dibuat sekarang, dan masih mendapat keuntungan yang baik. Walaupun saya mengucapkan tahniah kepada Kerajaan yang telah menambahkan faedah-faedah kepada pekerja-pekerja dengan hilang upaya yang kekal lima kali ganda, saya merayu kepada Kerajaan supaya boleh menambahkan bayaran faedah-faedah kepada pekerja-pekerja 10 kali ganda.

Tuan Yang di-Pertua, saya berharap masalah-masalah pentadbiran seperti lewat bayar kompensasi dan pencen dan begitu juga banyak procedure birokratik sepatutnya disingkirkan. Syarat-syarat yang menghadkan seperti keperluan melaporkan kemalangan dalam tempoh masa 48 jam juga patut

dilonggarkan. PERKESO mesti memberi cara yang paling senang dan mudah kepada pekerja-pekerja membuat tuntutan-tuntutan dan juga memberi segala pertolongan kepada pekerja-pekerja supaya mengurangkan penderitaan mereka dari bencana dan keilatan.

Tuan Yang di-Pertua, jika seorang pekerja mendaftarkan di bawah kedua-dua skim insurans iaitu Skim Bencana Pekerja dan Skim Keilatan akan tetapi peraturan PERKESO ialah ia hanyalah boleh dapat faedah-faedah dalam satu skim sahaja walaupun ianya melayakkan faedah-faedah dari kedua-dua skim. Ini adalah tidak berapa adil kepada pekerja-pekerja. Dalam masa sekarang Skim Keilatan adalah tidak berapa faedah kepada pekerja-pekerja jika dibandingkan dengan bayaran dibuat pada tahun 1974 hingga 1978 sebanyak \$3,867.27 dengan kutipan \$60 juta. Jika sistem ini diteruskan saya ingin Skim Keilatan patut dihentikan dan pekerja-pekerja masih boleh membuat tuntutan-tuntutan dari Skim Bencana Pekerja.

Tuan Yang di-Pertua, Skim PERKESO pada masa sekarang adanya didefinisikan yang sangat sempit mengenai keselamatan sosial yang diadakan kepada bencana kerja keilatan. Saya mencadangkan Skim PERKESO diperluaskan lagi di mana keselamatan sosial akan dimasukkan.

- (1) Faedah Bersalin
- (2) Faedah Sakit.
- (3) Faedah Pendidikan anak-anak.
- (4) Pencen kepada umur tua.

Tuan Yang di-Pertua, cadangan-cadangan pindaan kepada Akta Keselamatan Sosial dibuat dengan tujuan utamanya memberi faedah-faedah yang lebih baik bagi pekerja-pekerja yang telah terpaksa kepada mereka ini. Saya mengucapkan tahniah dan syabas kepada Kerajaan kerana meminda Seksyen 20 dengan mengadakan faedah penakat baru bagi orang-orang tanggungan orang berinsurans yang

mati semasa menerima pencen ilat atau yang mati sebelum mencapai umur 55 tahun. Lebih banyak lagi pindaan boleh dibuat kepada Akta tersebut dan saya harap Kerajaan akan membuat kajian-kajian supaya Skim PERKESO dapat diperbaiki lagi untuk pekerja-pekerja.

Dengan ini saya menyokong pindaan-pindaan yang dicadangkan dan saya fikir mereka akan diterima sepenuhnya oleh pekerja-pekerja.

Akhirnya, saya mengucapkan terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua, kerana memberi masa kepada saya membahaskan pindaan ini.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli Yang Berhormat dari Kinta.

4.25 ptg.

Tuan Lim Liang Seng (Kinta): Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk mengambil bahagian dalam perbahasan Rang Undang-undang Akta Keselamatan Sosial Pekerja (Pindaan) 1984 yang telah dibentangkan dalam Dewan yang mulia ini.

Tuan Yang di-Pertua, sejak baru-baru ini SOCSO (PERKESO) telah menjadi perbincangan yang hangat di kalangan orang ramai dan tumpuan—perhatian orang ramai. Banyak aduan telah timbul mengenai PERKESO. Saya berasa gembira kerana Kerajaan telah mengambil ketetapan untuk membentangkan Rang Undang-undang yang ada di hadapan kita.

Tuan Yang di-Pertua, Skim Keselamatan Sosial Pekerja yang ditadbirkan di bawah Akta Keselamatan Sosial Pekerja telah memberi berbagai-bagai faedah kepada pihak pekerja di negara ini. Banyak aduan telah dikemukakan mengenai pembayaran yang agak rendah apabila seseorang itu ditimpa kemalangan semasa bekerja. Sebenarnya banyak aduan juga timbul kerana apabila seseorang pekerja ditimpa kemalangan di luar masa ianya tidak layak untuk menerima pembayaran pampasan juga. Saya berpendapat bahawa masalah ini timbul kerana kadar caruman yang dibayar oleh

pihak majikan dan pihak pekerja adalah rendah. Mengikut Rang Undang-undang yang telah terbentang, kadar caruman sebanyak 1.25% yang ditanggung sepenuhnya oleh pihak pekerja di bawah Skim Bencana Pekerja dan 0.5% di bawah Skim Pencen Ilat yang ditanggung oleh kedua-dua pihak majikan dan pekerja adalah jauh daripada kadar yang realistik. Walau bagaimanapun, saya berasa gembira kerana pada fasal 5 terdapat pindaan untuk mengadakan faedah penakat baharu bagi orang-orang tanggungan orang berinsurans yang mati semasa menerima pencen ilat itu yang mati sebelum mencapai umur 55 tahun tetapi selepas memenuhi syarat-syarat kelayakan bagi pencen itu. Ini adalah satu skim baru. Dengan adanya pengenalan skim baru ini sudah tentu para pekerja akan dapat faedah-faedah yang lebih baik.

Tuan Yang di-Pertua, saya berpendapat kadar caruman yang saya sebutkan tadi perlu dikaji semula supaya kadar caruman dinaikkan untuk memberi faedah menasabah kepada pekerja-pekerja berkenaan. Jika kita membandingkan kadar caruman yang dibayar oleh pihak majikan dan pekerja di bawah Kumpulan Wang Simpanan Pekerja iaitu di antara 9 dan 11% yang ditanggung oleh pihak majikan dan pekerja masing-masing, kadar caruman PERKESO boleh dikatakan rendah dan haruslah dinaikkan sebanyak sekali ganda.

Tuan Yang di-Pertua, Skim PERKESO dan Skim KWSP mempunyai tujuan yang noble, dengan izin, dan patut diteruskan sebagai skim kebajikan bagi pekerja-pekerja dalam negara ini. Dalam Skim KWSP caruman yang dibuat oleh pihak majikan dan pekerja adalah digunakan apabila pekerja itu bersara kelak. Ini bermakna KWSP hanya merupakan satu skim simpanan bagi pekerja-pekerja yang bersara ataupun Old Age Pension Scheme, dengan izin. Sebaliknya Skim PERKESO merupakan satu skim kebajikan yang memberi manfaat kepada pekerja-pekerja dari masa pekerja itu mula bekerja sehingga beliau bersara.

(Dr Abdul Hamid bin Pawanteh
mempengerusikan mesyuarat)

Dalam tempoh pekerjaan pekerja itu beliau mungkin ditimpa kemalangan atau bencana dan akibat daripada itu pekerja tersebut dan keluarganya akan menghadapi kesulitan terutama sekali dari segi kewangan. Oleh hal yang demikian Skim PERKESO hendaklah memberi pembayaran ganti rugi yang tidak jauh berbeza daripada pendapatan yang sebenarnya diterima oleh pekerja itu sebelum bencana berlaku. Sesungguhnya dengan ini adalah juga disyorkan bahawa pembayaran dibayar oleh Pejabat PERKESO patut disegerakan. Buat masa ini adalah didapati bahawa pembayaran atas sesuatu tuntutan telah mengambil masa yang panjang. Dalam kes-kes yang tertentu bayaran belum dibayar kepada pekerja sehingga 1 tahun selepas kemalangan kes berkenaan.

Tuan Yang di-Pertua, saya berharap bahawa pihak PERKESO dapat mengemaskinikan lagi peraturan mengenai pembayaran supaya pekerja yang ditimpa kemalangan dapat diberi bantuan kewangan dengan serta-merta. Adalah disyorkan seterusnya tuntutan yang kecil misalnya di bawah \$500 patutlah dibayar secara wang tunai melalui Pejabat PERKESO tempatan apabila kes dikemukakan dengan butir-butir perubatan tanpa merujuk kepada Ibupejabat untuk keputusan.

Saya berpendapat jika sekiranya pihak PERKESO dapat mengambil perhatian mengenai cadangan ini orang ramai akan mendapat manfaat yang sewajarnya dan tidak akan membuat aduan.

Tuan Yang di-Pertua, akhirnya saya sekali lagi turut menyokong Rang Undang-undang Keselamatan Sosial Pekerja (Pindaan) 1984 ini. Sekian dan terima kasih.

Dr Abdul Hamid bin Pawanteh:
Saya menjemput Timbalan Menteri yang berkenaan menjawab dan mengulung perbahasan.

4.34 ptg.

Datuk William Lye Chee Hien: Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya mengucapkan berbanyak-banyak terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian membahaskan Rang Undang-undang Keselamatan Sosial Pekerja (Pindaan) 1984 dengan memberi pandangan, fikiran dan cadangan yang sangat berguna.

Saya tidak bercadang menjawab satu persatu perkara-perkara yang dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat itu tetapi akan memberi jawapan secara am dengan menyentuh sedikit sebanyak semua perkara yang ditimbulkan. Walaupun demikian saya akan cuba juga menjawab beberapa perkara tertentu yang telah dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat. Perkara-perkara lain yang tidak akan saya sentuh pasti akan diberi perhatian oleh Kementerian saya.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat dari Kuala Lumpur Bandar telah membangkitkan beberapa perkara yang mana saya akan cuba memberi penjelasan dengan sepenuhnya supaya Ahli Yang Berhormat itu serta orang ramai boleh mendapat gambaran yang lebih terang.

Ahli Yang Berhormat itu telah menyentuh Fasal 13 Jadual Pertama iaitu pindaan mengenai kenaikan "ceiling" dari \$500 ke \$1,000 dan mendakwa bahawa ini adalah satu langkah yang akan membawa lebih keuntungan kepada Kerajaan, tetapi sebaliknya membayar kadar faedah yang rendah. Suka saya menyatakan di sini bahawa tujuan pindaan ini adalah untuk memberi perlindungan kepada pekerja yang berpendapatan lebih dari \$500 sehingga \$1,000. Adalah tidak dinafikan bahawa dengan pindaan ini caruman kepada PERKESO akan bertambah, tetapi untuk makluman Ahli Yang Berhormat, dalam konsep keselamatan Sosial Pekerja soal keuntungan tidak timbul sama sekali. Semua caruman adalah digunakan untuk membayar faedah

dan perbelanjaan perubatan dan lain-lain perbelanjaan berkaitan dengan kemalangan pekerja. Baki caruman itu akan disimpan dengan selamat dalam Tabung PERKESO dan dilaburkan dengan selamat dan kemudian hari akan digunakan untuk menaikkan faedah-faedah yang sedia ada, memperkenalkan skim-skim baru dan memperluaskan perlindungan. Tambahan caruman itu akan juga digunakan untuk membayar faedah kepada golongan baru yang akan dilindungi.

Sebagai contoh, seperti yang telah saya sebutkan semasa membentangkan Rang Undang-undang ini, sekiranya seseorang pekerja berpendapat \$850 sebulan kadar harian beliau adalah sebanyak \$19.83 sen dan bukan sebanyak \$8.00 seperti yang dikatakan oleh Yang Berhormat itu. Apabila pendapatan seseorang pekerja itu telah melebihi \$1,000 kadar caruman akan mesti berdasarkan \$1,000 dan faedahnya pun akan berdasarkan kepada \$1,000 juga. Kenaikan kadar bayaran minimum dari \$2.50 ke \$8.00 juga bererti bahawa \$8.00 adalah satu kadar yang minimum bagi seseorang pekerja yang berpendapatan kurang dari \$300 sebulan, tetapi bagi pekerja yang berpendapatan lebih dari \$300 kadar minimum yang akan diterima adalah lebih dari \$8.00.

Ahli Yang Berhormat itu telah juga menyatakan bahawa pindaan Fasal 15 Jadual Keempat mengenai kenaikan kadar harian dari 60% ke 70% masih tidak mencukupi. Seperti yang disebutkan dalam Rang Undang-undang ini Jadual Keempat itu telah mula berkuatkuasa secara pentadbiran dari bulan Julai 1980. Setakat ini Kementerian saya belum ada cadangan untuk menaikkan kadar 70% oleh kerana perlu diberi pertimbangan yang mendalam selaras dengan keupayaan Tabung PERKESO. Walau bagaimanapun kadar ini dianggap tinggi jika dibandingkan dengan negara-negara Jepun dan Korea Selatan yang hanya membayar kadar 60%. Di samping itu Ahli Yang Berhormat perlu juga mengambil makluman

bahawa walaupun PERKESO membayar kadar 70%, 30% adalah digunakan untuk perbelanjaan perubatan, pemulihan dan lain-lain layanan sentiasa. Di masa-masa yang akan datang apabila Tabung PERKESO telah menjadi lebih teguh dan kukuh, cadangan untuk menaikkan kadar itu akan diberi pertimbangan.

Ahli Yang Berhormat itu juga tidak jelas mengenai siapa yang layak untuk menerima pencen penakat. Untuk makluman beliau pencen penakat akan dibayar kepada tanggungan seseorang pekerja yang meninggal dunia sama ada pekerja itu sedang menerima faedah ilat atau tidak seperti yang telah saya sebutkan dalam ucapan asal dan seperti juga diterangkan di huraian kedua di Rang Undang-undang ini.

Ahli Yang Berhormat itu juga menegur bahawa tempoh menunggu yang dikurangkan dari 14 hari ke 5 hari masih tidak mencukupi oleh kerana masih ada 4 hari yang mana tidak diberi pampasan. Saya rasa Ahli Yang Berhormat itu tersilap faham, oleh kerana walaupun tidak ada faedah dibayar bagi 4 hari ini seseorang pekerja itu mendapat faedah perubatan percuma. Di samping itu di bawah Akta Kerja 1955, majikan dikehendaki membayar gaji bagi 3 hari pertama itu dan kebanyakan dari majikan juga membayar untuk hari keempat.

Sebenarnya kes-kes seumpama ini adalah kes-kes ringan dan pengecualian hari keempat itu adalah disengajakan dan diterima oleh antarabangsa supaya mengelakkan dari berlakunya pekerja menjadi malas dan pura-pura sakit (malingering). Ini adalah juga untuk mengelak pekerja cepat balik kerja supaya produktiviti tidak terganggu atau tergendala. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat itu, di Korea Selatan pada masa sekarang tempoh menunggu adalah 8 hari.

Saya juga ingin mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat dari Kuala Lumpur Bandar kerana beliau bukan sahaja membuat teguran dan dakwaan tetapi telah juga membuat beberapa cadangan dan saya akan cuba jawab cadangan-cadangan itu.

Cadangan pertama Ahli Yang Berhormat itu adalah supaya PERKESO dijadikan sebuah badan berkanun. Ini pun disentuh oleh semua Ahli-ahli Yang Berhormat dari Pembangkang. Memang menjadi hasrat Kerajaan untuk berbuat demikian atas sebab itu Kementerian saya telah membentangkan satu Rang Undang-undang yang mana telah diluluskan oleh Dewan yang mulia ini pada tahun 1979 dengan memberi kuasa kepada Yang Berhormat Menteri Buruh menentukan masanya. Tetapi buat masa ini keadaan dan kedudukan belum lagi sesuai atas sebab-sebab berikut:

- (1) Keutamaan PERKESO adalah untuk memberi faedah lebih dan memperkenalkan skim-skim baru serta meluaskan wilayah liputan. Setakat inipun negeri Sabah dan Sarawak masih belum diliputi sepenuhnya.
- (2) Tabung PERKESO masih belum cukup besar dan teguh untuk berbuat demikian. Ahli Yang Berhormat sendiri telah menyatakan bahawa kos pentadbiran PERKESO adalah begitu tinggi, tetapi kos itu sedang ditanggung oleh Kerajaan. Apabila PERKESO menjadi badan berkanun kos tersebut terpaksa ditanggung oleh PERKESO sendiri.
- (3) Masalah Pentadbiran. Dalam hal ini mungkin Ahli Yang Berhormat tidak maklum bahawa PERKESO mempunyai lebih dari 600 kakitangan dari mana lebih 100 adalah terdiri dari Pegawai Buruh di bawah skim guna sama buruh. Kesemua mereka ini adalah anggota Kerajaan dan peluang dinaikkan pangkat dalam perkhidmatan Kerajaan adalah lebih luas. Bilangan ini akan bertambah lagi apabila keluasan sepenuhnya ke Sabah dan Sarawak dilaksanakan.

Ada juga di antara mereka yang terdiri dari Pegawai Kerani dari negeri masing-masing. Tindakan untuk menyelesaikan masalah-masalah kenaikan

pangkat dan penempatan pegawai perlu diberi perhatian dahulu sebelum PERKESO dijadikan badan berkanun. Penyelesaian ini adalah kerja berat dan rumit kerana option perlu diberi kepada semua kakitangan dan satu skim perkhidmatan yang menarik perlu diwujudkan supaya mereka berminat bekerja dengan PERKESO. Di samping itu PERKESO perlu juga mewujudkan skim-skim yang menarik bagi mendapatkan Pegawai Undang-undang, Doktor, Actuary, Akauntan dan sebagainya oleh kerana jawatan-jawatan ini sukar diisi jika skim-skim itu tidak menarik. Walau bagaimanapun kajian menuju maksud menjadikan PERKESO sebagai badan berkanun telah dijalankan pada akhir tahun lepas iaitu 1983 di samping meneliti pindaan Rang Undang-undang ini.

Saya berharap tidak lama lagi apabila telah selesai masalah yang saya sebutkan tadi kita akan dapat mengumumkan tarikh bila PERKESO akan menjadi badan berkanun.

Cadangan kedua Ahli Yang Berhormat itu adalah supaya PERKESO menyediakan skim-skim yang lebih komprehensif dan melindungi semua pekerja dan tempat pekerjaan yang mempunyai kurang daripada lima pekerja. Kerajaan memang berhasrat demikian dan atas sebab ini tindakan sedang dijalankan untuk meliputi Sabah dan Sarawak dengan sepenuhnya. Atas sebab kekurangan pegawai yang mahir tindakan ini akan diambil sedikit masa dan akan dibuat secara berperingkat-peringkat.

Pihak Kerajaan memang juga berhasrat melindungi tempat pekerjaan yang mempunyai kurang dari lima pekerja, tetapi belum boleh lagi memandangkan kesukaran yang dihadapi dari segi pentadbiran. Jumlah caruman bagi kurang daripada lima pekerja adalah terlalu rendah iaitu antara \$20-\$30 tetapi melibatkan kerja yang banyak. Pihak majikan akan juga mengalami kesukaran oleh kerana perniagaannya yang kecil dan kesulitan mematuhi undang-undang mengenai caruman.

Walau bagaimanapun pekerja-pekerja yang tidak dilindungi oleh PERKESO adalah dilindungi oleh Akta Pampasan Pekerja dan PERKESO akan memberi pertimbangan untuk melindungi semua apabila ia menjadi badan berkanun. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat itu juga, mulai 1hb Januari 1982, PERKESO telah memperluaskan perlindungan kepada perusahaan-perusahaan yang pada bila-bila masa mengurangkan bilangan pekerja kepada kurang dari 5. Ini adalah berdasarkan kepada prinsip sekali layak terus layak.

Ahli Yang Berhormat itu ada juga mencadangkan supaya membatalkan Seksyen 31 Akta Pertubuhan Sosial Pekerja supaya pekerja mempunyai hak mendakwa majikannya. Perkara ini disentuh juga oleh semua ahli-ahli Pembangkang.

Jawapan saya buat masa ini ialah, *dengan izin*, non-negotiable. Selain daripada hakikat bahawa perkara diterima di Pertubuhan Buruh Antarabangsa (ILO) dan lain-lain negara asing ianya juga tidak praktikal di negara kita.

Sebagai contoh, untuk penjelasan. Pada masa sekarang jumlah purata kes kemalangan ialah 55,000 setahun. Katakanlah dalam hanya 1% dari angka ini pekerja mendakwa majikan di mahkamah di bawah undang-undang biasa (Common Law). Ini bererti sekurang-kurangnya sebanyak 550 kes akan dibawa ke mahkamah setiap tahun. Cuba Ahli Yang Berhormat membayangkan sendiri sama ada negara kita ada kemampuan untuk menyediakan mahkamah, hakim dan lain-lain pegawai untuk menyelesaikan kes yang berupa kes sivil ini? Barangkali apa yang tidak menjadi masalah ialah untuk mendapatkan peguam sahaja.

Kita perlu juga ingat bahawa kes-kes yang tidak selesai dalam satu tahun akan dibawa ke tahun hadapan. Ini bermakna bahawa masa untuk menyelesaikan satu-satu kes akan mengambil masa yang panjang barangkali dua

atau tiga tahun dan sementara itu pekerja berkenaan tidak akan menerima apa-apa bayaran.

Dalam pada itu sekiranya beliau kalah, beliau tidak akan mendapat apa-apa pampasan dan sebaliknya perlu menyelesaikan kos peguam, perubatan, pemulihan dan lain-lain lagi.

Apa yang penting sekali adalah beliau kehilangan peluang untuk pemulihan dan kembali tanpa menjadi beban kepada masyarakat.

Satu kajian di sebuah negara asing telah menunjukkan bahawa lebih dari 30% kes seumpama ini tidak berjaya dalam mahkamah. Dan oleh itu ILO sendiri telah menerima hakikat ini dan mengakui bahawa Seksyen 31 adalah sesuai dan bermanfaat untuk pekerja-pekerja kita.

Ahli-ahli Yang Berhormat dari Kuala Lumpur Bandar, Kepong dan Jelutong serta Sungai Besi, juga ada menyebut mengenai satu contoh di mana seorang pekerja telah hilang upaya kekal dan bergaji purata \$200 sebulan cuma menerima \$140 sebagai pampasan dan ini adalah tidak mencukupi. Dan jika kes ini dibawa ke mahkamah mungkin akan mendapat di antara \$70,000 hingga \$80,000 pampasan yang dibayar sekali gus dan justru itu Ahli Yang Berhormat tidak menyebut umur pekerja sama ada beliau telah berkahwin. Namun begitu, saya akan memberi sedikit penjelasan.

Mengikut contoh yang diberi itu walaupun si pekerja menerima \$140 sebulan sebagai pencen atas kadar 70% tetapi 30% lagi ditambah berupa elaun layanan sentiasa sebanyak \$42 sebulan menjadi jumlah \$182. Elaun tersebut adalah untuk beliau menggaji sesiapa mengikut pilihan untuk menjaga beliau. Selain daripada itu, rawatan percuma dan alat-alat tiruan percuma seumur hidup termasuk gantian alat-alat tiruan itu dan di mana perlu latihan pemulihan sekali.

Anggaplah si pekerja sekarang berumur 30 tahun dan sudah berkahwin dan akan hidup sehingga 50 tahun.

Jumlah yang beliau akan menerima adalah sebanyak \$43,680 sekurang-kurangnya. Apabila beliau meninggal dunia faedah pengurusan mayat sebanyak \$1,000 mengikut kadar sekarang akan dibayar dan seterusnya balu beliau itu terus berhak menerima faedah penakat sebanyak \$140 sebulan seumur hidup atau sehingga beliau berkahwin semula.

Anggaplah balu itu berumur 48 tahun semasa si pekerja meninggal dunia dan balu itu hidup sehingga 76 tahun mengikut jangkaan masa hidup (life expectancy) di dalam negara kita, balu itu akan menerima sejumlah \$47,040. Ini bererti jumlah kesemuanya yang akan dibayar adalah sebanyak \$91,720 sekurang-kurangnya jikalau kadar bayaran tidak berubah.

Di sebaliknya, seperti Ahli-ahli Yang Berhormat sendiri maklum bahawa kadar ini akan diubah suai dengan kos sara hidup seperti apa yang sedang dilakukan sekarang. Dengan pindaan yang baru ini kadar bayaran minima akan dinaikkan kepada \$8.00 sehari. Ini bermakna mulai dari tarikh kuatkuasa pindaan ini si pekerja itu akan dibayar \$8.00 sehari dengan elaun layaman sentiasa sebanyak \$2.40 sen sehari menjadikan sejumlah \$10.40 sehari atau \$3,796 setahun. Dalam masa hayat beliau setakat umur 50 tahun itu beliau akan menerima sejumlah \$75,920 dan balunya pula akan mendapat sebanyak \$83,512—kesemuanya ini berjumlah \$159,430 jika kadar bayaran tidak berubah lagi.

Tetapi kita pasti bahawa kadar ini tetap akan berubah naik dari masa kesemasa. Dan dalam masa hayat beliau dan balunya mungkin kadar ini akan bertambah sehingga tiga atau empat kali ganda.

Tuan Yang di-Pertua, saya rasa contoh itu adalah satu penjelasan yang menerangkan maksudnya dengan sendiri.

Cadangan yang keempat Ahli Yang Berhormat itu adalah supaya mewujudkan lebih skim di bawah PERKESO supaya meliputi faedah bersalin,

faedah sakit dan faedah lanjut usia dan juga meliputi orang-orang yang bekerja sendiri.

Jawapan saya ialah Kerajaan memang berhasrat mewujudkan skim baru untuk meliputi semua yang disebutkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat itu.

Tuan Yang di-Pertua: Kita perlu berbalik

Tuan Sim Kwang Yang: Tuan Yang di-Pertua, tidak cukup bilangan.

Dr Abdul Hamid bin Pawanteh: Yang Berhormat, Ahli Yang Berhormat dari Bandar Kuching membangkitkan masalah tidak cukup bilangan.

Setiausaha, tolong kira, ada 23 Ahli dalam Majlis—tidak cukup bilang, sila bunyikan loceng selama dua minit.

(Loceng dibunyikan: Ahli-ahli dikira, 26 Ahli hadir)

Dr Abdul Hamid bin Pawanteh: Sudah lebih daripada cukup bilangan, Yang Berhormat Timbalan Menteri sila teruskan.

Datuk William Lye Chee Hien: Tuan Yang di-Pertua, saya akan sambung semula.

Kita perlu berbalik kepada soal tabung PERKESO dan sama ada berkemampuan untuk berbuat demikian.

Kementerian saya memang sedang mengkaji skim-skim faedah bersalin dan sakit dan di masa-masa yang akan datang, apabila tabung PERKESO telah menjadi kuat dan teguh kita akan laksanakan skim tersebut. Buat masa ini kedua-dua kemudahan tersebut telah sedikit sebanyak diperuntukkan di bawah Akta Kerajaan 1955.

Mengenai faedah lanjut usia pula, saya difahamkan dan telah tersiar dalam akhbar bahawa perkara ini sedang dikaji oleh Kumpulanwang Simpanan Pekerja.

Mengenai dengan orang-orang yang bekerja sendiri, suka saya memaklumkan bahawa pada tahun 1982 seorang pegawai PERKESO telah menghadiri Kursus Keselamatan Sosial bagi petani dan nelayan selama tiga bulan di Italy dan jika ada peluang, kami bercadang hendak menghantar lebih ramai lagi pegawai untuk menghadiri kursus seumpama ini. Ini menunjukkan bahawa Kerajaan memang berhasrat melindungi juga orang-orang yang berkerja sendiri, tetapi sebenarnya pakar-pakar Pertubuhan Buruh Antarabangsa (ILO) juga belum dapat membuat perakuan dan cadangan oleh kerana keadaan adalah berbeza dari satu negara ke lain negara. Kementerian saya serta PERKESO sendiri-pun masih belum cukup pengalaman untuk membuat kajian memandangkan pekerja-pekerja dalam golongan ini tidak mempunyai majikan dan pendapatan serta kadar caruman sukar ditentukan. Walau bagaimanapun, Kementerian saya tidak melupakan golongan ini dan kami akan kaji lagi supaya skim-skim PERKESO akan menjadi lebih comprehensive dan lebih bermakna pada keseluruhannya.

Saya percaya Ahli Yang Berhormat pun bersetuju bahawa skim-skim baru PERKESO sepatutnya dilaksanakan secara berperingkat-peringkat bagi memastikan kelicinan dalam perjalanannya. Saya suka mengambil peluang ini untuk mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat dari Kuala Lumpur Bandar atas cadangan-cadangan beliau yang membina itu.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat dari Kepong telah juga menyampaikan beberapa teguran dan cadangan. Terlebih dahulu suka saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat itu atas sokongan beliau. Beliau berasa tidak puas hati atas kadar pembayaran PERKESO. Memang menjadi hasrat Kerajaan untuk menambah kadar faedah yang diberi kepada pekerja yang dilindungi, tetapi ini bergantung kepada caruman dan pendapatan pekerja itu. Kebanyakan

dari perkara-perkara yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat itu telahpun saya beri penjelasan semasa memberi jawapan kepada Ahli Yang Berhormat dari Kuala Lumpur Bandar dan saya tidak cadang mengulangi lagi. Kepada cadangan-cadangan Ahli Yang Berhormat dari Kepong, saya akan menjawab seberapa yang boleh.

Cadangan yang pertama Ahli Yang Berhormat itu adalah supaya membatalkan faedah-faedah pencen dan menjadikannya bayaran pukal (lump sum payment)—cadangan ini juga dibuat oleh Ahli-ahli Yang Berhormat dari Sandakan dan Sungai Besi, atau memberi pilihan kepada pekerja. Cadangan ini adalah tidak praktikal dan juga bertentangan dengan konsep keselamatan sosial dan oleh itu tidak boleh diterima. Konsep keselamatan sosial adalah untuk melindungi pekerja serta tanggungan seumur hidup atau sekurang-kurangnya sehingga umur 55 tahun bagi pekerja.

Cadangan kedua Ahli Yang Berhormat itu adalah untuk membatalkan Seksyen 31 Akta Keselamatan Sosial Pekerja. Saya telahpun memberi jawapan sebentar tadi. Ahli Yang Berhormat itu ada juga menyebut mengenai Seksyen 47 Akta itu dan ingin saya memaklumkan bahawa Seksyen 47 itu telah dibatalkan pada 1-1-1980, barangkali Ahli Yang Berhormat dari Kepong itu tidak sedar mengenai pembatalan itu. Ahli Yang Berhormat itu juga ada menyebut sebagai contoh satu kes mengenai seorang perempuan yang dibayar \$1.50 sehari, yang mana adalah terlalu rendah.

Tuan Yang di-Pertua, saya rasa contoh yang diberi itu adalah sama dengan apa yang disebutkan oleh Yang Berhormat dari Jelutong dan Yang Berhormat dari Sungai Besi, manakala kes perempuan itu ada dikeluarkan dalam suratkhbar. Saya akan menjelaskan dengan mendalam mengikut contoh ini. Katalah perempuan tersebut berumur 16 tahun pada 1980 semasa

beliau mula bekerja, pada hari ketiga beliau bekerja, beliau terlibat dalam satu kemalangan yang menyebabkan kehilangan empat jari dan keputusan Jemaah Perubatan PERKESO adalah hilang upaya mencari nafkah sebanyak 60% dan mengikut undang-undang pada masa sekarang kadar faedah yang dibayar adalah \$2.50 minima. Ini bermakna beliau akan menerima \$1.50 sehari seumur hidup.

Katalah beliau akan hidup sehingga umur 76 tahun. Ini adalah jangkaan umur hidup di negara kita (life expectancy) dan jika kadar minima ini tidak berubah beliau akan menerima sebanyak \$32,850. Kadar faedah minima ini yang telah diumumkan akan dinaikkan kepada \$8 sehari. Ini bermakna bahawa dari tarikh kuatkuasa Rang Undang-undang yang baru ini beliau akan menerima 60% daripada \$8, iaitu sebanyak \$4.80 sehari atau \$1,752 setahun atau sepanjang hayatnya beliau akan menerima sebanyak \$102,711 sekurang-kurangnya. Jumlah ini tidak termasuk perbelanjaan perubatan, alat-alat tiruan serta gantiannya, latihan pemulihan, jika perlu, dari masa ke semasa.

Seperti yang saya telah sebutkan sebentar tadi kadar ini akan dikaji dari masa ke masa dan pasti kadar ini akan naik lagi di masa-masa yang akan datang. Kenaikan ini tentu akan membawa faedah kepada pekerja itu, mungkin 3 atau 4 kali ganda pada sepanjang hayat beliau. Kadar kenaikan inipun belum lagi diambil kira kenaikan-kenaikan faedah (enhancement) dari masa ke semasa.

Yang Berhormat itupun ada mengatakan seorang pekerja jikalau gajinya melebihi \$900 sebulan PERKESO cuma akan bayar sebanyak \$16.65 sehari. Saya rasa Yang Berhormat itu adalah sedikit salah faham atau salah di atas kira-kira itu. Apa yang saya dapat ialah mengikut kadar dari \$900 sebulan ialah \$31.67 sehari dan 70% dari itu adalah \$22.17 sehari, bukan disebutkan oleh Yang Berhormat itu cuma \$16.65.

Yang Berhormat itupun ada bercadang supaya 4 hari seminggu (waiting period) itu dibatalkan. Baru tadi saya telah terangkan dalam jawapan saya kepada Yang Berhormat dari Kuala Lumpur Bandar itu, saya tidak ingin mengulangi lagi, bagaimanapun saya rasa saya patut ulangi ialah 4 hari menunggu ini adalah tidak begitu panjang. Seperti contoh, Korea Selatan masih 8 hari menunggu.

Yang Behormat itu ada bercadang supaya PERKESO menubuhkan dengan sendirinya satu pusat untuk perubatan dan untuk pemulihan dan lain-lain. Pada masa sekarang Kerajaan belum ada cadangan berbuat begitu oleh kerana apa-apa kemudahan untuk maksud PERKESO ini kami dapat dari beberapa agensi di negara kita dengan senangnya. Jadi, masanya belum sampai untuk berbuat demikian.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat dari Sandakan, kebanyakan teguran beliau itupun cuma mengikut Yang Berhormat dari Kuala Lumpur Bandar dan juga Kepong. Apa yang ada lain sedikit adalah cadangannya di atas pencen penakat diberi kepada anak lelaki atau anak perempuan itu umurnya dinaikkan dari 16 ke 18 pada keseluruhannya. Untuk maklumat Yang Berhormat itu satu pindaan telah dibuat dalam 2-3 tahun dahulu di mana kami nakkan umur ini dari 14 hingga 16 dan sampai 16 ke 18. Kami belum ada apa-apa cadangan untuk menaikkan lagi pada masa sekarang.

Yang Berhormat itu ada sentuh juga seperti PERKESO menimbangkan membayar bayaran faedah itu ditukarkan supaya membayar pukal (lumpsum payment). Inipun saya telah terangkan tidak dapat berbuat demikian.

Yang Berhormat itu ada sentuh juga kelayakan untuk pencen ilat di mana kadar sekarang di dalam undang-undang itu adalah sekurang-kurangnya ada 36 caruman dalam 60 bulan. Yang Berhormat itu ada bercadang supaya ini dibatalkan supaya pencen ilat ini

mengikut juga yang pertama itu. Di sini saya suka terangkan, kelayakan untuk pencen ilat adalah lain dari pencen bencana pekerjaan oleh kerana ini adalah meliputi kemalangan di luar tempat kerja dan di luar masa kerja dan kelayakan tempoh ini adalah ditetapkan supaya bila masa pekerja itu sedang mencarum, kami menentukan pekerja itu dipanjangkan caruman itu supaya dalam 60 bulan itu ada sekurang-kurangnya 36 caruman. Ini juga bermaksud untuk pekerja itu tidak jadi malas supaya boleh terus menyertai sendiri di dalam pekerjaannya. Ini maksudnya.

Yang Berhormat dari Jelutong ada menyebut kes perempuan, inipun telah saya jelaskan tadi. Apa Yang Berhormat sebutkan itu cumalah komen-komen dari Hakim itu, tetapi Yang Berhormat itu lupa pula menyebut lagi apa yang telah diputuskan oleh mahkamah itu. Kes ini telah diputuskan oleh mahkamah pada 20hb Mac tahun ini dengan Hakim itu mengatakan 'misconceived', ertinya kes ini telah pun ditolak.

Saya rasa apa yang disentuh oleh Yang Berhormat dari Jelutong itu adalah oleh kerana beliau tidak faham dengan kerja PERKESO. Yang Berhormat itu ada sebut \$8.00 ialah tidak cukup. Ada beberapa kali saya ulangi di sini dan juga di dalam ucapan asal saya itu bahawa \$8.00 sehari ini adalah satu kadar minima. Ini adalah untuk pekerja yang mendapat kurang dari \$300 sebulan. Tetapi mana-mana satu pekerja jikalau menerima lebih dari \$300 sebulan, jadi kadar ini tidak digunakan lagi oleh kerana pembayarannya adalah lebih dari \$8.00 sehari. Jadi sesiapa yang layak menerima lebih dari \$8.00 sehari akan menerima satu amaun yang tinggi dari \$8.00. \$8.00 adalah satu bayaran basic.

Yang Berhormat dari Sungai Besi pun ada juga satu salah faham di atas definasi \$8.00 ini.

Dr Abdul Hamid bin Pawanteh: Bolehkah Yang Berhormat cakap dengan kuat sedikit sebab kurang jelas didengar.

Datuk William Lye Chee Hien: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

Yang Berhormat dari Jelutong juga menyambung suara Yang Berhormat dari Kepong dan Kuala Lumpur Bandar supaya dibatalkan seksyen 31 supaya pekerja itu boleh dakwa majikannya di bawah Common Law. Ini pun telah saya jelaskan dan saya harap Yang Berhormat itu sekurang-kurangnya membaca sedikit Hansard.

Cadangan-cadangan Yang Berhormat dari Sungai Besi lebih kurang serupa dengan apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat dari Kuala Lumpur Bandar dan Kepong. Cuma satu cadangan dari Yang Berhormat Sungai Besi ialah pekerja yang bergaji lebih dari \$1,000 pun hendaklah diliputi oleh PERKESO. Saya rasa ada sedikit hairan oleh kerana beliau itu dan Ahli-ahli Pembangkang ada mendakwa PERKESO adalah bukan satu skim yang baik tetapi ada juga cadangan iaitu pekerja yang bergaji lebih dari \$1,000 pun patut diliputi dalam skim ini. Ini menunjukkan skim ini memang baik dan cadangan Yang Berhormat itu akan diterima dan sebenarnya sedang dikaji oleh Kementerian saya dan baru-baru ini kita bercadang dinaikkan dari \$500 kepada \$1,000. Jadi belum lagi masanya men-cadangkan terus naik lagi tetapi akan dibuat.

Kelayakan pencen ilat, Yang Berhormat dari Sungai Besi pun bercadang supaya kelayakan itu dibatalkan supaya terus mengikut faedah bencana pekerja sementara. Saya telahpun terangkan tadi bahawa ini tidak dapat dibuat oleh kerana pencen ilat ini adalah meliputi pekerja-pekerja di luar masa kerja dan di luar tempat kerja. Beliau pun ada menyebut kes perempuan ini juga dan sudah diterangkan dengan contoh yang diberi.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih kepada Yang Berhormat dari Keluang dan juga Yang Berhormat dari Kinta di atas sokongan kuat dari kedua-dua Yang Berhormat itu. Di

atas cadangan Yang Berhormat dari Keluang supaya diturunkan lagi tempoh menunggu dari 5 kepada 2 atau 3 hari, di dalam jawapan saya kepada Ahli Yang Berhormat dari Kuala Lumpur Bandar saya telah terangkan oleh kerana 3 hari pertama itu adalah dibayar oleh majikan, jadi tidak jadi praktikal pula jikalau kita turunkan lagi.

Cadangan dari Yang Berhormat dari Keluang juga supaya 36 caruman untuk kelayakan pencen ilat oleh pekerja itu terus dibayar kepada PERKESO sekali gus supaya pekerja itu terus dilayakkan di bawah pencen ini, buat masa sekarang ini belum ada lagi pertimbangan di atas cadangan ini tetapi walau bagaimanapun adalah satu cadangan yang baik dan kami akan timbangkan.

Ada juga satu teguran dari Yang Berhormat dari Keluang iaitu pembayaran adalah terlampau rendah dan terlampau lambat. Mengenai bayaran terlampau rendah sudahpun saya jawab tadi. Pembayaran faedah adalah mengikut kadar caruman dan kadar gaji setiap pekerja dan biasanya tidak ada orang yang akan membayar lebih dari apa yang pekerja itu patut dapat. Dengan pindaan pada kali ini, kenaikan minima sampai \$8.00 sehari, ini akan membawa manfaat untuk lebih banyak lagi pekerja-pekerja yang pada masa lampau itu adalah tidak sampai \$300 sebulan.

Atas teguran pembayaran ini adalah terlampau lambat atau perlahan, kelewatan ini adalah oleh kerana beberapa sebab, kebanyakannya adalah oleh kerana pekerja itu tidak berapa terang atau tidak tahu bagaimana hendak mengisik borang atau memohonkan surat cuti sakit dari doktor dan oleh kerana laporan dari majikan adalah lewat dan kebanyakan kes-kes kelewatan ini juga adalah oleh sebab masalah Jemaah Doktor—Jemaah Perubatan di dalam PERKESO.

Mengenai hal ini suka juga saya jelaskan sedikit, Tuan Yang di-Pertua. Jemaah Perubatan PERKESO ini adalah terdiri dari beberapa doktor dan biasanya dua atau tiga doktor dilantik

oleh Menteri Buruh tetapi doktor-doktor ini tidak dibayar apa-apa elaun. Dan oleh kerana kes-kes ada begitu banyak, jadi timbangan kes-kes itu adalah lewat sedikit lebih-lebih lagi jikalau keputusan Jemaah Doktor itu tidak diterima dan akan dibuat rayuan kepada Jemaah Rayuan Perubatan PERKESO, ini pun mengambil masa panjang. Bagaimanapun Kementerian saya sedang mengkaji perkara ini dan bila masa kita menjadikan PERKESO satu badan berkanun seperti saya sebutkan tadi, kita harap boleh dapat doktor sendiri dari PERKESO. Jadi ini akan mempercepat lagi pembayaran. Saya ucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat dari Keluang itu.

Kepada Yang Berhormat dari Kinta saya ucapkan juga berbilang-banyak terima kasih. Saya rasa Yang Berhormat dari Kinta itu adalah cuma satu orang dari semua tujuh orang Yang Berhormat yang bercakap itu adalah mengerti lebih Rang Undang-undang PERKESO, cuma beliau seorang sahaja ada menyebutkan kadar caruman. Tadi saya ada katakan pembayaran faedah adalah mengikut kadar caruman dan kadar gaji. Saya ucapkan berbilang terima kasih di atas sokongan Yang Berhormat dari Kinta, beliau itupun terus ada menolong saya menjawab sedikit sebanyak soalan-soalan dari parti Pembangkang.

Caruman 1.75% dari majikan dan cuma .5% dari pekerja untuk pencen ilat memang adalah satu caruman yang rendah. Tetapi biar pun ini rendah, jikalau dibandingkan seperti contoh yang saya berikan iaitu satu kes perempuan yang mendapat kemalangan itu diberikan \$1.50 sen sehari dan sekarang akan terus dapat \$4.80 sen sehari, caruman ini telah dibayar, sebenarnya beliau itu tidak membayar satu sen pun, cuma majikannya tolong dia membayar 10 sen sahaja.

Cadangan Yang Berhormat daripada Kinta itu supaya caruman ada dinaikkan daripada kadar sekarang sekali ganda, atau 100% ini saya rasa masanya pun belum sampai tetapi akan ditimbangkan oleh Kementerian saya

dan khasnya PERKESO apabila PERKESO menjadi Badan Berkanun dan bila kami membincangkan dan mengkaji dengan meluas faedah yang banyak atau membawakan skim yang baharu pada masa yang akan datang.

Yang Berhormat itu pun ada mencadangkan supaya faedah-faedah pampasan yang selalunya ada amountnya adalah kecil di bawah \$500 supaya dapat dibayar oleh Cawangan PERKESO, ini adalah satu cadangan yang baik dan perkara ini pun PERKESO sedang menjalankan kajian supaya boleh dilaksanakan.

Selain daripada itu, Tuan Yang di-Pertua, saya rasa lebih kurang apa yang disebutkan oleh Yang Berhormat yang lain sudah dijawab. Dan sekali lagi saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah menyampaikan pandangan, teguran, dan cadangan semasa membahaskan Rang Undang-undang ini. Perkara-perkara yang mana yang tidak saya diberi jawapan akan diberi perhatian dan pertimbangan dan di masa-masa yang akan datang.

Dr Abdul Hamid bin Pawanteh: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

Rang Undang-undang ditimbangkan dalam Jawatankuasa.

(Dr Abdul Hamid bin Pawanteh *mempengerusikan Jawatankuasa*)

Fasal 1 hingga 16 diperintahkan menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

RANG UNDANG-UNDANG PERANCANG KELUARGA (PINDAAN)

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

5.36 *ptg.*

Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Datuk Dr James P. Ongkili): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan iaitu Akta Perancang Keluarga (Pindaan) 1984 dibacakan kali yang kedua sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, tujuan Rang Undang-undang ini ialah untuk meminda nama Lembaga Perancang Keluarga Negara kepada Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara.

Lembaga Perancang Keluarga Negara telah ditubuhkan dalam bulan Jun 1966 melalui Akta Bil. 42/1966 sebagai sebuah Badan Berkanun di bawah Jabatan Perdana Menteri.

Lembaga ini telah diberi tugas untuk mengendalikan aktiviti-aktiviti dan program yang berkaitan dengan Perancang Keluarga termasuk perkhidmatan klinikal, penyelidikan dan perkhidmatan bio-medical, latihan, penganjuran kajian dan penyelidikan mengenai perhubungan di antara perubahan sosial, kebudayaan, ekonomi dan kependudukan serta mengadakan satu sistem penilaian dan penyelarasan yang dapat mengawasi kekesan program dalam pencepaian matlamat negara.

Tuan Yang di-Pertua, pindaan Akta ini kena pada tempatnya memandangkan pendekatan yang diambil oleh Lembaga Perancang Keluarga Negara sejak tahun 1973. Sebelum ini, Lembaga Perancang Keluarga Negara telah menekankan perkhidmatan secara klinikal iaitu dengan menyediakan kontraseptif, tetapi dengan mulanya

pendekatan "multi-disciplinary" atau pelbagai disiplin, aktiviti-aktiviti yang dijalankan telah bertukar corak ke arah satu strategi yang lebih luas dan menyeluruh.

Pendekatan ini meliputi aspek-aspek yang ada kaitannya dengan penduduk di peringkat makro dan pembangunan keluarga di peringkat makro. Ini bertujuan mewujudkan perseimbangan di antara pembangunan sosial dan ekonomi dengan kependudukan.

Strategi atau pendekatan pelbagai disiplin yang telah dilaksanakan sejak tahun 1973 adalah berasaskan kepada konsep perancangan keluarga yang lebih luas yang merangkumi pembangunan keluarga di peringkat keluarga dan kependudukan di peringkat negara.

Ini adalah sebab perubahan-perubahan dalam demografi seperti saiz, pertumbuhan, penaburan dan dinamik kependudukan (kesuburan, kematian dan penghijrahan) mempunyai hubungan rapat dengan perubahan ekonomi dan sosial.

Sekiranya pembangunan adalah bertujuan untuk meningkatkan lagi mutu hidup, isu-isu kependudukan dan pembangunan keluarga harus diberi pertimbangan dalam segala rancangan pembangunan supaya sesuatu keluarga itu yang menjadi unit asas dalam masyarakat dapat diperkukuhkan lagi.

Sebaliknya pengalaman di negara-negara yang telah maju menunjukkan bahawa sekiranya pembangunan dibenarkan berlaku tanpa mengambil kira soal kependudukan, beberapa perkara akan berlaku yang boleh menjejaskan rancangan pembangunan.

Sekarang kita boleh lihat di negara-negara yang telah maju terdapat lebih ramai penduduk yang tua, kekurangan tenaga kerja, kekurangan kanak-kanak dan sekolah-sekolah pula harus dijadikan rumah bagi orang-orang tua. Di sinilah satu perseimbangan harus dicapai di antara pembangunan dan penduduk supaya pembangunan

ekonomi dan sosial yang berkesan dapat kita tentukan buat masa kini dan masa yang akan datang.

Jika ditinjau dari segi pertambahan penduduk, penduduk Malaysia telah bertambah dari 10.8 juta pada tahun 1970 ke 13.9 juta pada tahun 1980 dengan kadar pertumbuhan sebanyak 2.5%. Ini bolehlah dikatakan kadar yang sederhana di mana pembangunan ekonomi boleh turut sama dengan pesatnya. Dengan keadaan beginilah mungkin kita ujudkan perseimbangan di antara pembangunan ekonomi dan penduduk bagi mencapai taraf hidup yang baik bagi seluruh penduduk negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, memandangkan isu perseimbangan yang telah saya sebut tadi, maka program Perancang Keluarga telah menekankan pendekatan pelbagai disiplin di mana Perancang Keluarga dilihat sebagai kebijakan keluarga, pembangunan keluarga, khidmat nasihat kanak-kanak, penjarakan kehamilan dan semua aktiviti yang boleh mewujudkan keluarga yang sihat dalam semua segi, supaya dapat digunakan bagi menafaat masyarakat pada keseluruhannya.

Di peringkat kebangsaan pula, Perancang Keluarga merangkumi isu kependudukan yang luas iaitu dari segi sosial, ekonomi, pelajaran dan kebijakan dengan tujuan aktiviti-aktiviti ini dapat memenuhi objektif dan matlamat negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, kadar kelahiran dan kematian di negara kita ini semakin menurun dan umur perkahwinan pula sudah tiba ke tahap yang tinggi bagi sebuah negara yang sedang membangun.

Pada tahun 1980 kadar kasar kelahiran pula adalah 30.3 bagi tiap-tiap seribu penduduk, kadar kematian pula hanya 5.5 bagi tiap-tiap seribu penduduk dan umur perkahwinan pertama adalah 20.1 tahun. Ini semua akan mempengaruhi kadar pertumbuhan penduduk, stuktur penduduk dan seterusnya pembangunan ekonomi dan sosial negara.

Oleh itu pindaan Akta ini amatlah sesuai memandangkan keperluan kita mengawasi kesan-kesan pembangunan ke atas masyarakat pada keseluruhannya. Ini memerlukan perancangan yang menyeluruh, yang meliputi aspek-aspek yang dapat digunakan sebagai petunjuk pembangunan. Di sinilah penukaran nama Lembaga ke Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara tepat sekali untuk membolehkan Lembaga menjalankan fungsifungsinya yang lebih luas, dengan baik dan berkesan.

Tuan Yang di-Pertua, strategi pelaksanaan program dan aktiviti-aktiviti di Lembaga ini telah diperluaskan bagi mencapai perseimbangan di antara matlamat pertumbuhan penduduk sejajar dengan matlamat pembangunan ekonomi dan sosial. Strategi yang diusahakan oleh Lembaga ini ialah:

- (1) Menyelaras perkhidmatan klinikal supaya memberi pengertian baru mengenai Perancang Keluarga dan Kebajikan dengan tujuan atau matlamat bahawa Perancang Keluarga bukan sahaja merancang kesuburan tetapi memperbaiki kebajikan keluarga dan masyarakat secara keseluruhannya untuk masa ini dan masa akan datang.
- (2) Menyelaraskan program-program penilaian, bukan sahaja dari segi penyampaian perkhidmatan Perancang Keluarga tetapi dalam konteks program dan dasar, peranan dan peraturan yang mempunyai kesan terhadap kehidupan keluarga keseluruhannya.
- (3) Menyelaras program penerangan, pelajaran, perhubungan dan latihan yang dapat mencapai kedua-dua matlamat penyampaian perkhidmatan dan matlamat jangka panjang yang berkaitan dengan Perancang Keluarga dan kependudukan dan pembangunan sosioekonomi negara keseluruhannya.
- (4) Mengintegrasikan pelajaran kehidupan nkeluarga serta isu-isu kependudukan ke dalam pendidikan formal dan tidak formal.

- (5) Menyelaraskan penyelidikan biomedikal yang akan dapat membantu keperluan untuk mengadakan program yang berbentuk penyampaian perkhidmatan yang bermutu tinggi.
- (6) Menubuhkan dan memperluaskan kemampuan Lembaga untuk memberi khidmat nasihat kepada agensi Kerajaan dan bukan Kerajaan mengenai isu-isu kependudukan dan Perancang Keluarga dan hubungannya dengan pembangunan.
- (7) Menyelaras program penyelidikan yang ada kaitnya dengan penduduk dan pembangunan keluarga sesuai dengan matlamat pembangunan negara.
- (8) Menyelaras program-program yang berkaitan dengan penganalisaan dan penilaian yang ada kaitannya dengan penduduk dan pembangunan keluarga.

Tuan Yang di-Pertua, dengan ini projek-projek kependudukan dan pembangunan keluarga di bawah Rancangan Malaysia Kedua, Ketiga dan Keempat telah disepadukan dan projek-projek pembangunan yang lain termasuk pelajaran kependudukan yang dilaksanakan oleh Kementerian Pelajaran, kesihatan keluarga yang dilaksanakan oleh Kementerian Kesihatan, projek wanita dan pembangunan yang dilaksanakan bersama dengan Kementerian Kebajikan Masyarakat, Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar dan juga projek-projek yang dilaksanakan dengan kerjasama Pusat-pusat Pengajian Tinggi, Kerajaan-kerajaan Negeri dan badan-badan sukarela dan pihak swasta.

Di bidang klinikal pula, perkhidmatan kepakaran seperti nasihat genetik dan perkahwinan, kemandulan dan lain-lain juga diadakan dengan tujuan meningkatkan lagi mutu perkhidmatan klinikal yang disediakan.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, pelaksanaan program dengan menggunakan konsep Perancang Keluarga dan penduduk yang

lebih meluas ini telah juga dilaksanakan di beberapa negara di Asia-Pasific termasuklah di rantau ASEAN.

Satu projek kerjasama antara ASEAN di dalam bidang kependudukan telah dimulakan sejak tahun 1976 dan sedang berjalan dengan baik dan memuaskan dan meliputi bidang-bidang seperti kajian ke atas polisi kependudukan, penghijrahan penduduk, kesihatan dan perancang keluarga, penyelidikan, rangkaian sistem maklumat mengenai kependudukan dan pembangunan keluarga, latihan dan lain-lain.

Penukaran nama Lembaga ini dengan itu adalah kena dengan masa dan tempatnya memandangkan aktiviti-aktiviti dan program-program Lembaga yang meliputi bidang kependudukan dan pembangunan keluarga yang mana Perancang Keluarga adalah merupakan satu komponen sahaja, manakala di masa dahulu sebahagian besarnya ditumpukan kepada Perancang Keluarga.

Tuan Yang di-Pertua, pindaan Akta Perancang Keluarga ini adalah khususnya menukarkan nama dan tidak melibatkan perubahan kuasa dan struktur Lembaga.

Pindaan ini juga tidak akan melibatkan Kerajaan dalam apa-apa perbelanjaan wang tambahan. Walau bagaimanapun dengan ini penukaran nama melalui pindaan Akta Perancang Keluarga ini dapat melambang dan mempekukuhkan lagi aktiviti-aktiviti Lembaga yang berkenaan terutama sekali dalam konteks negara kita sebagai negara yang sudah membangun dan maju.

Tuan Yang di-Pertua, saya menca-dangkan.

Timbalan Menteri Penerangan (Dato' Chan Siang Sun): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Dr Abdul Hamid bin Pawanteh: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah Rang Undang-undang bernama suatu Akta untuk

meminda Akta Perancang Keluarga 1966 dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas. Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka.

5.53 ptg.

Tuan Lim Kit Siang (Kota Melaka): Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Menteri dalam Pembentangan Rang Undang-undang ini ada berkata bahawa Rang Undang-undang ini bertujuan untuk menukar nama Lembaga Perancang Keluarga sahaja dan tidak bersabit dengan apa-apa perubahan kuasa dan lain-lain. Saya rasa ini tidak benar.

Sebenarnya Rang Undang-undang ini satu Rang Undang-undang yang sangat melambangkan satu perubahan dasar Kerajaan terhadap perkara, terhadap isu kependudukan atau population dan sepatutnya sebelum satu tindakan diambil di mana Dewan yang mulia ini diminta untuk mengambil tindakan supaya satu dasar baru boleh dilaksanakan. Peluang patut diberi kepada Dewan yang mulia ini supaya satu perbincangan, satu perbincangan diadakan sama ada patut kita mengadakan satu dasar baru mengenai kependudukan atau population, dan untuk orang ramai mengadakan satu perbincangan, satu perbincangan oleh kerana perkara ini bukan sahaja melibatkan masalah keluarga tetapi mengenai isu-isu sosio-ekonomi, pelajaran dan politik.

Kita semua boleh ingat lagi bahawa Yang Amat Berhormat Perdana Menteri pernah berkata bahawa Malaysia boleh mengadakan kependudukan seramai 70 juta orang. Dan kalau kita mahu satu matlamat kependudukan atau population target yang baru untuk mengadakan 70 juta orang Malaysia di negara kita tentu cara-cara strategi-stregeti, isu-isu, dasar-dasar kependudukan akan berubah dan saya nampak inilah cara yang pertama, tindakan yang pertama untuk mencapai matlamat dasar yang baru atas kependudukan mengadakan 70 juta orang di

Malaysia. Dan kita tidak boleh menerima penjelasan tadi yang dibuat oleh Yang Berhormat Menteri bahawa ia tidak bersabit dengan pertukaran kuasa. Sebenarnya tugas Lembaga ini akan bebezakan sekali daripada tugas, tanggungjawab Lembaga sampai sekarang ialah untuk menghadkan keluarga supaya bukan sahaja boleh jaga kesihatan keluarga tetapi memastikan pertumbuhan ekonomi tidak ditidakan oleh kerana pertumbuhan kependudukan yang lebih cepat daripada pertumbuhan ekonomi.

Sekarang nampaknya tugas Lembaga ini bukan untuk menghadkan keluarga tetapi untuk merancang, membangun, mengembangkan, membesarkan keluarga supaya kita boleh dapat capai satu matlamat 70 juta orang. Dan saya percaya Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri tidak boleh nafikan bahawa ini sudah menjadi target baru Kerajaan Barisan Nasional. Dan kalau itulah target baru, kenapa kita tidak ada satu perbincangan dahulu sama ada itu patut atau tidak adalah menjadi target baru. Oleh kerana khasnya dalam satu masyarakat berbilang bangsa, masalah kependudukan boleh menjadi satu masalah yang sangat sensitif oleh kerana ada implikasi-implikasi yang luas dalam bidang ekonomi, kebudayaan, politik dan lain-lain.

Kita semua ingat lagi dalam tahun 1978, 1979 apabila ada pelarian-pelarian daripada Vietnam yang melanda datang ke Pantai Timur di Kelantan dan di Terengganu, ada satu suasana yang sangat hebat yang menentang kedatangan pelarian-pelarian Vietnam yang pada mula-mulanya atas sebab oleh kerana ada terbanyak daripada pelarian-pelarian Vietnam ialah daripada mereka yang berketurunan Cina. Sungguhpun selepas itu kedudukan ethnic mereka ialah dari Vietnamese sendiri. Tetapi tidak boleh dinafikan masa itu satu sebab, menyebabkan tentangan hebat terhadap kedatangan pelarian-pelarian Vietnam ialah persepsi-persepsi UMNO, penduduk-penduduk orang Melayu di Malaysia bahawa imbalan yang

begitu delicate dekan perkara kependudukan boleh dirasakan diupset dan dan dengan sebab itu saya mahu berkata di sini bahawa rakyat Malaysia yang terdiri dari lain-lain keturunan termasuk rakyat Malaysia keturunan Cina faham dan menerima dan hormati bahawa dalam satu negara ini di mana berbilang bangsa imbalan population, dengan izin delicate balance population patut dihormati dan benarkan untuk ditukar oleh kerana tentulah akan mengakibatkan consequence-consequence politik dan lain-lain. Dan itulah antara sebab kenapa masa itu sungguhpun pelarian-pelarian orang Vietnam menderita menjadi mangsa daripada regim Vietnam, lapar, dibunuh di laut Cina Selatan dan lain-lain.

Komuniti-komuniti Cina di Malaysia tidak pun menderma wang-wang daripada segi humanitarian untuk menolong mereka, bukan untuk mahu menempatkan mereka dalam Malaysia oleh kerana takut boleh disalah tafsir sebagai satu bukti bahawa orang Cina di Malaysia rasa mereka lebih bersatu padu dengan Chinese di lain-lain negara. Sebab itu mereka

Tuan Ismail bin Said: (*Bangun*).

Dr Abdul Hamid bin Pawanteh: Ya, Berhormat.

Tuan Ismail bin Said: 36 (1)— Seseorang Ahli hendaklah menghadkan percakapannya kepada perkara yang dibincangkan sahaja dan tidak boleh mengeluarkan apa-apa perkara yang tidak berkait dengan perkara yang dibincangkan ini.

Pada hemat saya, Tuan Yang di-Pertua, masalah yang ada di hadapan kita ialah masalah pertukaran nama daripada Perancang Keluarga Negara kepada Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara. Jadi, Yang Berhormat dari Kota Melaka telah pun membangkitkan masalah pendatang haram. Jadi apakah kaitan dengan masalah ini?

Dr Abdul Hamid bin Pawanteh: Ahli-ahli Yang Berhormat, Ahli Yang Berhormat dari Kemaman telah membangkitkan Peraturan Mesyuarat 36 (1) yang telah dibacakan oleh

beliau. Pada pendapat saya oleh sebab setakat ini apa yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka itu dan disentuhnya sahaja setakat peringkat ini bersangkutan dengan perkara external migration dan external migration menentukan menjadi faktor-faktor utama dalam perkara demography dan kependudukan. Maka saya membenarkannya sentuh setakat ini sebagai mengukuhkan hujah-hujahnya berkenaan dengan kependudukan. Jadi, saya minta Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka janganlah terlalu menekankan satu faktor external migration—yang ini sahaja malah terus berbincang dari segi kependudukan kepada keseluruhannya.

Tuan Lim Kit Siang: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Apa yang saya ucapkan tadi bukanlah mengenai isu pendatang haram tetapi pentingnya kita semua berjaga-jaga mengenai sensitivity dalam masalah kependudukan, population balance yang kita ada di negara kita. Kita tidak mahu population balance diubah, mahupun dari mana pihak, oleh kerana ini akan menjadi satu isu yang sangat sensitif. Ini boleh lagi dilihat daripada pendapat-pendapat setengah pemimpin-pemimpin UMNO sendiri terhadap isu Perancang Keluarga.

Dalam Dewan ini pun saya ada mendengar bukan sahaja di luar Dewan, seruan bahawa Perancang Keluarga tidak patut dijalankan khususnya di luar bandar oleh kerana ini akan menentukan bukan sahaja demography tetapi juga kuasa politik di tanah air kita. Dan juga satu perkara yang tidak aneh untuk dibaca dalam surat-suratkhabar khasnya dalam Bahasa Malaysia dan baharu-baharu ini dalam satu bulan ada satu rencana yang berkata bahawa orang Islam di Malaysia tidak patut sekatkan —menyekat keluarga oleh kerana ini akan mempengaruhi kuasa politik di Malaysia. Dan kalau ini menjadi satu persepsi patutlah kita faham bukan sahaja persepsi untuk satu puak, satu sektor dalam Malaysia tetapi untuk semua sektor juga. Sebab itu apabila ada apa-apa usaha untuk upset

demographic balance dan delicate demographic balance tentulah akan menimbulkan syak wasangka mengenai tujuan-tujuan masa depan.

Baharu-baharu ini dalam masyarakat khasnya suratkhabar bahasa Cina ada satu kontravesi besar mengenai census kependudukan 1980 apabila dibandingkan dengan census kependudukan tahun 1970 di mana ada perubahan dalam peratus penduduk-penduduk di negara kita yang menunjukkan bahawa apabila dibandingkan dengan census tahun 1970 di Semenanjung Malaysia peratus penduduk-penduduk orang Cina di Malaysia sudah turun 2%, peratus penduduk-penduduk orang India turun 1%, penduduk orang Melayu naik 3% dan dalam suratkhabar-suratkhabar dan masyarakat orang Cina tentulah menjadi satu isu yang sangat contravesial dan saya percaya kita semua boleh faham kenapa.

Saya percaya kalau census 1980 menunjukkan bahawa penduduk-penduduk orang Melayu sudah turun 3% dan lain-lain bangsa naik dua tiga peratus, saya rasa kontravasi-kontravasi dalam *Utusan Melayu*, *Utusan Malaysia* akan lebih hebat daripada apa yang ada sekarang dalam setengah suratkhabar-suratkhabar bahasa Cina. Ini menunjukkan satu perkara yang sangat sensitif yang kita patut berjaga-jaga sebelum kita mengambil apa-apa tindakan yang boleh mengubah delicate population balance. Oleh kerana Dasar Ekonomi Baru yang bertujuan untuk menyusun semula masyarakat dalam Malaysia, sebenarnya patut mencatat semula masyarakat dalam bidang ekonomi tetapi juga patut sebagai tujuan Kerajaan yang mahu sebuah Malaysia yang sebenar-benarnya tidak ada identifikasi kaum dengan apa-apa fungsi, menyusun semula, bukan kuasa ekonomi tetapi juga kuasa politik. Dan daripada kuasa-kuasa politik kita berbalik kepada masalah kependudukan. Dan kalau tujuan Lembaga ini ialah untuk mencapai dasar baharu Kerajaan yang mahukan 70 juta rakyat Malaysia di tanah air kita.

Kita mahu tahu sebenarnya, cara apa, adakah cara ini untuk tukar semua operasi-operasi Lembaga Perancang Keluarga supaya tidak merancang keluarga lagi atau baharu dalam bandar bukan di luar bandar atau kalau mahu tambah penduduk, ada dua cara.

Sebagai cara natural increase, menggalakkan semua keluarga bagi insentif mereka, lebih banyak anak, lebih insentif tax fizikal dan apa-apa lagi, atau yang keduanya, untuk memasukkan—import orang-orang daripada negara-negara lain dan kita boleh nampak di Sabah demography di mana Yang Berhormat Menteri sendiri datang. Kependudukan Sabah sudah berubah besar oleh kerana external migration. Sungguhpun ini disebut sebagai sementara tetapi sementara ini boleh disamakan dengan internal, permanent—kekal. Dan bukan sahaja di Sabah di mana termasuk pelarian-pelarian Filipina

Dr Abdul Hamid bin Pawanteh:

Yang Berhormat, sebelum dibangkitkan Peraturan Mesyuarat yang sama sekali lagi dan tadi Yang Berhormat telah menunjukkan kepada kita ini satu contoh external migration, kali ini Yang Berhormat menyentuh contoh yang kedua, tetapi pada pendapat saya oleh sebab isu yang pokok setelah terbentangnya Rang Undang-undang ini ialah nama Lembaga Perancang Keluarga yang baharu dan huraiannya terhadap peranan Lembaga ini telahpun dihuraikan oleh Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri tadi, jadi saya harapkan, saya membenarkan Yang Berhormat menyebutkan faktor-faktor yang menentukan kependudukan. Walau bagaimanapun, isu substantive ucapan Yang Berhormat itu, saya mintalah tertumpu kepada perkara penukaran nama dan peranan Lembaga ini dalam huraiian yang mana telahpun dibentangkan oleh Yang Berhormat Menteri tadi.

Tuan Lim Kit Siang: Tuan Yang di-Pertua, apabila kita tukar nama sesuatu Lembaga tentulah perbahasan itu bukan bahawa nama baru itu patut digantikan dengan nama-nama lain.

Yang lebih mustahak ialah tugas dan peranan yang dibuat oleh Lembaga ini dengan nama yang baru yang menunjukkan akan mengadakan peranan yang baru dan ini pun ada sangat ternyata dalam nama yang baru ini iaitu Population and Family Development. Oleh sebab itu, saya mahu tanya Population Development boleh melalui 2 cara, satu melalui natural increase iaitu berhentikan semua program-program rancangan Family Planning; dan kedua melalui memasukkan orang-orang dari luar negeri ke Malaysia yang adapun sudah berlaku bukan sahaja di Sabah tetapi juga di Semenanjung Malaysia, illegal immigrants dari Indonesia.

Tuan Yang di-Pertua, ini pun adalah satu faktor yang sudah begitu lama yang merosakkan "law and order" di negara kita dan nampaknya adakah ini akan memberi satu

Dr Abdul Hamid bin Pawanteh:

Yang Berhormat

Datuk Dr James P. Ongkili: Atas Peraturan Mesyuarat 36 (1) sekali lagi untuk memberi penjelasan. Nampaknya Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka tidak mendengar ucapan saya kerana perubahan Rang Undang-undang ini adalah semata-mata untuk membolehkan Lembaga menumpukan segala tenaga dan keupayaannya kepada kebajikan penduduk kita yang ada di sini, kebajikan penduduk yang ada di Malaysia; bukan orang asing atau pendatang tetapi warganegara Malaysia mengenai kebajikannya (welfare), dan selain daripada itu kepada peranan keluarga di dalam negeri kita.

Saya ingin menjelaskan di sini oleh kerana Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka nampaknya sengaja tidak mahu dengar ucapan saya tadi, bahawa Rang Undang-undang ini tidak ada kena-mengena dengan pendatang ataupun orang yang mendatang. Ini hanya mengenai warganegara Malaysia, orang Malaysia iaitu kependudukan di dalam negara Malaysia. Keduanya iaitu kependudukan

(population) di dalam negara Malaysia dan juga pembangunan keluarga kita—orang Malaysia, tidak ada kena-mengena dengan orang mendatang, dari luar negeri atau dari mana sahaja; tidak ada kena-mengena dan saya harap Ahli Yang Berhormat itu akan faham, jangan merepek kiri-kanan, kiri-kanan.

Tuan Lim Kit Siang: Saya ucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri mengenai penjelasannya. Saya tidak boleh terima penjelasannya. Apa ertinya “kependudukan” (population)? Population bukan citizenship. Sungguhpun mungkin dengan ikhlas beliau memberi penjelasan tetapi kita tidak boleh menerima. Population termasuk sesiapa yang ada di dalam Malaysia, warganegara atau bukan warganegara, atau kalau mahu dengan meyakinkan bahawa tujuan Lembaga ini adalah terhad kepada orang Malaysia sahaja, patut akan lebih jelas tetapi mereka yang daripada luar negeri masuk ke Malaysia dianggap sebagai Malaysian pun boleh jadi warganegara Malaysia.

Saya rasa penjelasan itu satu “red-herring” sahaja dan tidak menjawab masalah-masalah pokok yang saya bantangkan bahawa dalam perkara ini saya harap bahawa Kerajaan apabila dalam perkara dasar kependudukan patut ambil perhatian sensitivity masalah kependudukan kepada semua kaum di Malaysia. Kita tidak mahu apa-apa upset dalam democratic balance khususnya yang berpunca daripada external migration yang sudah berlaku bukan satu “hypothesis”, bukan satu kemungkinan sahaja sudah berlaku dan oleh kerana kalau itu tidak diambil perhatian tentulah ini akan menjadi lagi satu faktor yang boleh lebih dalamnya memecah belah rakyat Malaysia di negara kita dan masa itu Lembaga yang baru ini dengan nama Population and family Development patutlah boleh ambil kira sama ada usaha-usahanya buat contribution kepada matlamat perpaduan negara dan bukan untuk membelakangkan usaha-usaha perpaduan negara.

Dr Abdul Hamid bin Pawanteh:
Yang Berhormat dari Pasir Puteh.

6.15 p/m.

Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamad (Pasir Puteh): Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk menyokong Akta untuk meminda Akta Perancang Keluarga, 1966 dengan pertukaran nama yang baru daripada Lembaga Perancang Keluarga Negara kepada Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara.

Tuan Yang di-Pertua, dengan pertukaran nama ini saya rasa adalah amat sesuai sekali dengan perubahan peranan yang dijalankan secara sedikit demi sedikit oleh Lembaga ini dan apabila sampai kepada satu peringkat sudah tentulah peranan Lembaga ini akan lebih menumpukan kepada peranan dan matlamat yang berlainan daripada asalnya penubuhan Lembaga ini. Apabila berlainan daripada matlamat yang asal ini sudah tentu kita berkehendakkan satu penyusunan semula yang sesuai dengan nama dan juga dengan peranan yang baru dan juga matlamat yang baru bagi perkembangan penduduk dan juga pertumbuhan penduduk di dalam negara kita ini.

Saya menyokong pendapat dari Menteri di Jabatan Perdana Menteri bahawa apa yang kita bincang sekarang ialah pembangunan dan pertumbuhan penduduk negara ini. Jadi kita tidak perlu membincangkan soal kedatangan orang-orang asing ke negara kita kerana kedatangan mereka kita tidak pernah menjemput dan kedatangan mereka adalah kedatangan sementara dan kalau kita bincang kedatangan mereka maka kita akan bincang di dalam Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri yang mungkin akan dibentangkan sekiranya ada pindaan undang-undang di dalam Dewan ini.

Tuan Yang di-Pertua, dengan peranan dan matlamat ini sudah tentulah kita berkehendakkan penyusunan semula yang lebih menumpukan kepada matlamat dan peranannya yang baharu.

Dengan ini saya minta bukan sahaja pertukaran peranan dan matlamatnya tetapi juga pertukaran dari segi pertambahan pegawai dan juga kewangannya patut dipertimbangkan kerana sebagaimana yang saya dengar dari penerangan yang diberi oleh Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri tadi telah membuktikan bahawa peranan Lembaga ini akan lebih berat dan akan lebih rumit lagi dan peranannya adalah peranan yang bersepadu (integrated) di antara jabatan-jabatan lain. Maka ini berkehendakkan pegawai yang lebih matang, yang lebih mahir daripada peringkat daerah, negeri hingga ke peringkat kebangsaan.

Jadi kalau ini tidak diberi pertukaran dan kita tidak diberi perubahan dengan secara yang patut sudah tentulah peranan ini akan hanya bertukar nama tetapi perjalanan ataupun peranan yang dimainkan di tiap-tiap daerah dan negeri akan memainkan peranan yang sama juga dan walaupun Perancang Keluarga ini merupakan satu unit daripada peranan Lembaga ini, kalau kepada pegawai dan juga kepada peringkat-peringkat negeri dan peringkat-peringkat daerah tidak diberi satu perubahan dari segi memberi peranan yang bersesuaian dengan matlamat ini, sudah tentulah peranannya akan berjalan sebagaimana peranan yang lama. Jadi dengan ini bukan sahaja menambah pegawai-pegawai yang berpengalaman tetapi juga memberi latihan yang sesuai dengan peranan yang baru ini.

Kita tahu bahawa setakat ini peranan yang dimainkan oleh Lembaga ini sebagaimana yang saya sebutkan tadi telah diubah daripada peranan yang asal, walaupun peranan yang asal dimainkan juga, tetapi dengan perubahan ini sudah tentulah sedikit sebanyak berkehendakkan penyusunan semula yang lebih baik. Sebagaimana saya kembali kepada peranan asal yang dimainkan sebagaimana yang disebutkan oleh setengah pihak bahawa selama ini kita dapati peranan yang dimainkan adalah berlawanan daripada kehendak-kehendak kependudukan yang sebenarnya. Amalan

yang dimainkan oleh Perancang Keluarga atau peranan kependudukan ini kebanyakan dijalankan oleh pihak yang berpengetahuan, pihak yang duduk dalam bandar, pendapatan lebih, pihak yang hidupnya mewah, tetapi matlamat ini tidak sampai ke peringkat luar bandar yang mereka ini hidup dalam keadaan kurang pengetahuan, hidup dalam keadaan kekurangan punca pendapatan, hidup dalam keadaan kemiskinan tetapi mereka ini mempunyai perkembangan keluarga yang begitu pesat sekali.

Walaupun ada statistik yang disebutkan tadi yang ditimbulkan di sini bahawa kenaikan bilangan bumiputera, kenaikan orang Melayu 3% di dalam kependudukan negara ini dan turun 1% bagi bangsa-bangsa lain. Ini sebenarnya tidak perlu dibimbangkan kerana kita berbincang sekarang bukan dari segi politik dan kepentingan diri seseorang, tetapi kita bercakap dari segi kepentingan negara dan ketuhanan Kerajaan yang ada dalam negara ini. Jadi oleh sebab itu, apabila saya menyebutkan bahawa kekurangan di luar bandar maka sesuatu harus dibuat di luar bandar dan sesuai benarlah kalau sekiranya pembangunan ini ditumpukan di luar bandar, bukan sahaja pembangunan dari segi untuk merancang keluarga itu tetapi pembangunan lain yang berkaitan dengan perkara ini. Misalnya, pembangunan kemudahan-kemudahan asas, lampu elektrik yang boleh memberikan penduduk-penduduk di luar bandar ini lambat tidur. Ini adalah satu perkara yang boleh mengurangkan kepesatan pembangunan pertambahan keluarga.

Selain daripada itu, kita juga menambah aktiviti-aktiviti kampung. Bagaimana kata Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri tadi, memainkan peranan yang bersepadu sudah tentu Lembaga ini akan juga bergabung dengan jabatan-jabatan lain untuk menjalankan aktiviti-aktiviti kampung termasuklah aktiviti-aktiviti KEMAS dan aktiviti-aktiviti lain yang akan menambahkan kegiatan mereka dalam ekonomi dan

juga kegiatan atau aktiviti bagi memenuhi masa lapang mereka ini, kerana makin banyak kerja yang mereka buat, makin banyak aktiviti yang mereka lakukan, sudah tentu makin kurang mereka ini memikirkan ke arah yang boleh menambahkan kepesatan penduduk. Dengan cara ini, pembangunan itu ditumpukan ke luar bandar sebagaimana yang dijalankan oleh Kerajaan sekarang ini; tetapi dari segi perlaksanaannya kemungkinan tidak begitu menggalakkan, tetapi hendaklah dipesatkan lagi pembangunan ini ke luar bandar supaya matlamat kita bagi perkembangan penduduk dengan perkembangan pembangunan ekonomi dan juga pendapatan penduduk itu akan menjadi seimbang dan tidak akan merupakan sesuatu yang membebankan kepada keluarga itu.

Selain daripada itu juga, oleh kerana Lembaga ini merupakan sesuatu Lembaga yang akan menjalankan kegiatan yang bersepadu maka seharusnya juga Lembaga ini tidak lagi menubuhkan hanya Unit Perancang Keluarga tetapi menubuhkan Unit Khidmat Nasihat Keluarga yang benar-benar berkesan daripada pegawai-pegawai yang benar-benar mengetahui di dalam masalah keluarga. Bukan sahaja dari segi kita mencegah sebagaimana yang ada di peringkat-peringkat daerah dan negeri tetapi juga mewujudkan ini sebagai satu kegiatan bagi memberi nasihat kepada keluarga kita dari segala segi, bukan sahaja dari segi secara formal, kadang-kadang kita beri secara informal yang boleh mereka ini menjalankan kegiatan lain yang boleh meninggikan pendapatan mereka dan meninggikan ekonomi mereka dan meninggikan pendapatan-pendapatan sampingan yang boleh pihak keluarga itu menambahkan hasil daripada apa yang didapati oleh suami mereka atau oleh keluarga mereka itu.

Dengan ini saya rasa sedikit-sebanyak tumpuan ini diberi kepada luar bandar kepada mereka ini dengan nasihat-nasihat sebagaimana disebutkan tadi dengan pendidikan dan sebagainya, tetapi kalau kita tumpukan kepada pendidikan ini kemungkinan

dengan secara formal tetapi dengan secara khidmat nasihat yang dijalankan oleh keluarga ini kemungkinan akan lebih cepat sampainya kepada keluarga-keluarga di luar-luar bandar yang sedikit-sebanyak akan memberi kesan kepada peranan dan juga matlamat baru yang diberi setelah perubahan nama ini dilakukan, kerana kita tahu selama ini kemungkinan pegawai-pegawai kita di peringkat daerah, di peringkat negeri dan kemungkinan juga di peringkat kebangsaan yang selama ini diorientasikan dengan konsep perancang keluarga yang lama dan perubahan yang sedikit-sedikit sebagaimana yang dilakukan itu sehinggalah ianya akan bertukar sepenuhnya kepada peranan baru yang akan bersesuaian dengan nama yang saya sebutkan tadi.

Selain daripada itu, apabila saya membaca daripada peranan tadi hanya tidak akan melibatkan kewangan dan perbelanjaan apa-apa. Apabila cadangan saya tadi diterima sudah tentulah perkara ini akan melibatkan kewangan dan akan melibatkan perbelanjaan. Kalau sekiranya tidak melibatkan susunan yang saya sebutkan tadi nanti orang akan berkata, apa perlunya pertukaran nama kalau tidak ada perbezaan dari segi yang lain. Kalau kita hendak menukar nama sesuatu itu biarlah pertukaran nama itu akan memberi kesan yang sewajarnya.

Misalnya, kalau zaman dahulu kalau orang tukar nama anak kalau anak itu sakit, maka setelah menukar nama anak itu menjadi sihat. Kita juga apabila kita menukar nama ini hendaknya bukan sahaja peranan, tetapi kewangan dan segala organisasi yang saya sebutkan tadi haruslah diberi perhatian yang sepenuhnya semoga mencapai matlamat kependudukan dan juga pembangunan keluarga kita untuk masa akan datang sekian, terima kasih.

Dr Abdul Hamid bin Pawanteh:
Yang Berhormat dari Kemaman.
6.24 ptg.

Tuan Ismail bin Said (Kemaman):
Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk menyokong pindaan Rang

Undang-undang yang dibentangkan oleh Yang Berhormat Menteri sekejap tadi bertujuan untuk meminda Akta Perancang Keluarga Negara

Dr Abdul Hamid bin Pawanteh:

Yang Berhormat, oleh sebab waktu sekarang sudah pun pukul 6.30 petang,

saya jemput Yang Berhormat sambung ucapan esok.

Mesyuarat ditangguhkan sekarang. Dewan akan bersidang semula pada pukul 2.30 petang esok.

Dewan ditangguhkan pada pukul 6.30 petang.